



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2919]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2985]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI
PERSENDIRIAN:

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) [Ruangan
2985]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 2988]

Perkhidmatan Kesihatan di Malaysia—Penubuhan Suruhanjaya Di
Raja [Ruangan 2988]

Akta Eksais, 1976—

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1980 [Ruangan 2995]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) [Ruangan 2996]

Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen [Ruangan 3032]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

” Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K. K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO’ ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Grik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- Yang Berhormat TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngah.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 18hb Jun, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KEMALANGAN KEPADA PEKERJA
BINAAN

1. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan, sama ada beliau sedar bahawa biasa berlaku kemalangan kepada pekerja-pekerja Kontrak Buruh Binaan dengan terjatuh daripada tempat tinggi hingga kehilangan nyawa ialah kerana pekerja-pekerja ini tidak diperintahkan memakai talipinggang keselamatan (keledar) seperti yang digunakan oleh pekerja-pekerja Talikom dan Lembaga Letrik. Adakah Menteri yang berkenaan bercadang hendak mengenakan peraturan ini kepada majikan-majikan bagi menghindarkan risiko yang dihadapi oleh kaum pekerja.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada pekerja-pekerja binaan yang mati akibat jatuh dari tempat tinggi. Kemalangan seperti ini berlaku kerana beberapa sebab; misalnya, keruntuhan "scaffolding" atau pelantar kerja (working platform), lantai-lantai yang licin dan sebagainya.

Penggunaan talipinggang keselamatan atau abah-abah (harnesses) boleh mengelakkan sebahagian besar daripada kematian seperti ini, tetapi tidak semua kemalangan-kemalangan yang menyebabkan kematian di industri binaan dapat dielakkan dengan pemakaian alat keselamatan ini sahaja.

Kementerian saya telah membuat satu deraf Peraturan baharu yang lebih mendalam berkenaan dengan keselamatan di kerja-kerja pembinaan. Peraturan baru ini, bernama Peraturan-peraturan (Binaan Bangunan dan Kerja-kerja Binaan Kejuruteraan) Kilang dan Jentera, 1980 sekarang sedang diteliti di Pejabat Peguam Negara untuk mendapatkan kelulusan.

Adalah diharapkan bahawa dengan peraturan-peraturan yang baru ini kawalan dan pemerhatian yang berkesan dapat diberi kepada semua aspek keselamatan pekerja-pekerja di industri binaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa pada masa sekarang banyak tempat-tempat binaan di Bandaraya Kuala Lumpur di mana pekerja-pekerja binaan yang sedang menjalankan kerja langsung tidak ada memakai talipinggang keselamatan, topi keledar ataupun lain-lain dan ini ialah salah satu sebab mengapa kematian telah berlaku pada masa lepas dan saya suka bertanya sama ada pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengambil tindakan yang perlu untuk mengatasi masalah ini.

Kedua, sebelum peraturan baru ini diluluskan oleh Dewan ini, saya suka bertanya sama ada pihak yang berkenaan akan memperketatkan pemeriksaan di tempat-tempat binaan untuk menentukan bahawa pihak majikan ada membekalkan alat-alat keselamatan untuk pekerja-pekerja mereka.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama itu telahpun saya jawab dalam jawapan asal saya.

Soalan kedua, adakah Kementerian saya akan memperketatkan lagi pemeriksaan di atas tempat-tempat pembinaan untuk menjaga keselamatan. Itu memang, Kementerian saya dalam merangkakan peraturan-peraturan baru

untuk meninggikan lagi taraf keselamatan pekerja-pekerja industri binaan ini sudahpun membincangkan peraturan-peraturan itu dengan pihak-pihak yang berkenaan, iaitu, Master Builders Association, Institution of Engineers dan juga dengan perusahaan insurans yang sangat terlibat dalam workmen's compensation dan lain-lain dengan harapan bahawa kesedaran mereka terhadap peraturan-peraturan ini akan dapat ditingkatkan. Ini adalah satu yang saya ingin menegaskan di sini kerana keselamatan dalam pembinaan ataupun di lain-lain tempat, bukanlah perkara pemeriksaan atau menguatkuasakan undang-undang oleh pegawai-pegawai Kementerian sahaja, tetapi tertakluk lebih lagi pada kesedaran pihak-pihak yang terlibat, iaitu majikan dan pekerja-pekerja sendiri.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI SEKOLAH LUAR BANDAR

2. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerianya akan dapat melengkapkan Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan terutama di luar-luar bandar, dengan alat-alat Mesin Taip, Alat Pendua, Mesin Rumpit dan lain-lain kelengkapan kerana masih banyak terdapat Sekolah-sekolah di luar bandar yang serba kekurangan mendapat kemudahan seperti yang dinyatakan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha sedang dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk mendapatkan peruntukan yang bersesuaian bagi maksud mengadakan kemudahan-kemudahan seperti mesin taip, alat pendua, mesin rumpit untuk sekolah-sekolah. Kementerian ini berharap barang-barang ini akan dapat diadakan di sekolah-sekolah berkenaan secara beransur-ansur mulai tahun 1981 akan datang. Tetapi sebelum itu jikalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberikan peruntukan-peruntukan daripada peruntukan Ahli Parlimen itu, saya pun mengalu-alukannya.

Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun 1978 perkara ini pernah dikemukakan dan jawapannya lebih kurang sama dan sehingga sekarang masih belum ada banyak perubahan.

Soalan kedua ialah kenapa pihak guru-guru besar di setengah-setengah daerah nampaknya lebih banyak mengadu kepada Wakil-wakil Rakyat tentang kesulitan di sekolah masing-masing daripada dia mengadu kepada Pengelola-pengelola Daerah atau Pengarah Pelajaran. Jadi adakah ini dasar Kementerian, saya minta penjelasan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, daripada soalan ini boleh dikatakan bukan semua sekolah-sekolah tidak ada alat-alat macam yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, barangkali ada sekolah-sekolah di luar bandar masih berkurangan. Daripada pokok soalan ini barangkali alat-alat itu sudah ada tetapi sudah rosak atau tidak dapat digunakan. Jadi untuk "replacement" dan juga untuk rancangan baru untuk membekalkan dengan mesin-mesin baru ini kita akan mendapat peruntukan yang istimewa daripada Kementerian Kewangan yang mana Yang Berhormat Menteri pun sudah senyum sedikit, barangkali ada peluang mendapat peruntukan untuk mengatasi perkara ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang menjadi kerumitan kepada sekolah-sekolah kecil selalunya ialah sekolah-sekolah tersebut tidak mempunyai mesin taip yang besar yang boleh digunakan untuk menaip paysheet atau sijil gaji. Adakah pihak Kementerian Pelajaran bercadang untuk menjadikan satu dasar supaya tiap-tiap sekolah tanpa mengira kecil atau besar, luar bandar ataupun dalam bandar supaya tiap-tiap sekolah tersebut mempunyai sekurang-kurangnya sebuah typewriter panjang yang membolehkan untuk menaip sijil gaji selain daripada kemudahan-kemudahan asas yang lain sepertimana yang tersebut di dalam soalan asal?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sebenarnya sudah terkandung dalam jawapan mula-mula tadi tetapi kalau ada tambahan daripada itu.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dari segi teknik untuk menaip paysheet itu barangkali typewriter itu tidak cukup panjang tetapi paysheet itu cuma ditaip sebulan sekali. Jadi jikalau sekolah-sekolah itu tidak ada typewriter yang cukup lebar untuk menaipkannya, saya berharap boleh sabar sedikit, kita akan berikan pertimbangan perkara ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memperkatakan bahawa beliau mengalu-alukan Ahli Parlimen memberi perkara-perkara yang tersebut tadi dari peruntukan Ahli Parlimen. Sebenarnya saya pun sudah berikan beberapa biji perkara seperti yang disebutkan. Jadi adakah pihak Kementerian sekiranya peruntukan dari pihak Kementerian ada mulai dari tahun 1981 akan menyerahkan balik apa yang telah Ahli Parlimen berikan setelah mereka menyediakan dari Kementerian sendiri? (*Ketawa*).

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada Ahli Yang Berhormat sudah beri kepada sekolah-sekolah, saya ucapkan ribuan atau jutaan terima kasih. Jadi selepas tahun 1981 jikalau kita dapat bekalan yang disebutkan oleh saya tadi, tetapi apa yang sudah diberi tidak dapat balik; saya cuma katakan insya Allah.

BUMIPUTRA—PINDAHMILIK SAHAM KERAJAAN

3. **Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah kemajuan-kemajuan yang telah tercapai terhadap rancangan bagi menyerahkan anak-anak Syarikat yang dimiliki oleh agensi-agensi Kerajaan kepada Bumiputra dan apakah formula yang akan digunakan bagi rancangan penyerahan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Speaker, syarat-syarat serta peraturan-peraturan bagi pemindahan hak-milik saham-saham Kerajaan dalam syarikat-syarikat kepada bumiputra sedang disusun dan akan diumumkan apabila tiba masanya kelak.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, benarkah kebanyakan agensi-agensi dan badan berkanun di bawah Kementerian ini banyak mengalami keadaan yang tidak menguntungkan dan menjadi satu alasan badan itu tidak mahu menyerahkan kepada badan-badan bumiputra. Jika benar, apakah sebabnya dan langkah-langkah memperbetulkannya.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tidak berapa dengar, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang lagi sekali, Yang Berhormat!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa benarkah kebanyakan agensi-agensi dan badan-badan berkanun di bawah Kementerian ini banyak mengalami keadaan yang tidak menguntungkan dan menjadi satu alasan badan-badan itu tidak mahu diserahkan kepada badan-badan bumiputra. Jika benar, apakah sebabnya dan langkah-langkah memperbetulkannya.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengatakan bahawa sebab-sebab yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu menyebabkan badan-badan ini tidak mahu menyerahkan syarikat-syarikat yang tersebut. Tetapi sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa penyusunan sedang dibuat untuk menyerahkan syarikat-syarikat ini kepada bumiputra dan untuk makluman Yang Berhormat juga ada setengah dalam masa ini juga pun misalnya di pihak UDA sendiri ada menjalankan penawaran kepada syarikat-syarikat bumiputra yang ingin mendapatkan syarikat-syarikat yang tertentu.

UCAPAN PEMIMPIN KUMPULAN SABILULLAH

4. **Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada ucapan pemimpin kumpulan Sabilullah yang dipancarkan menerusi televisyen dan radio beberapa bulan lalu itu telahpun ditapis terlebih dahulu ataupun tidak kerana ada di antara isi ucapan memberi suatu pengertian yang salah terhadap pemerintahan Islam, dan menakutkan orang bukan Islam kepada agama Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, ucapan pemimpin kumpulan Sabilullah yang dipancarkan menerusi TV Malaysia beberapa bulan yang lalu memang telah ditapis sebelum siaran itu dibuat. Siaran yang dibuat itu adalah wajar agar rakyat seluruhnya mengetahui bahawa

keterangan yang dibuat oleh pemimpin tersebut mencerminkan tujuan pergerakan itu sebenarnya dan jika dibiarkan bergerak akan menimbulkan salah pengertian mengenai Islam dan menakutkan orang bukan Islam kepada Ugama Islam.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa ada di antara ucapan Ketua P.A.S. itu mengatakan bahawa mereka cuba menegakkan pemerintahan Islam yang sebenar. Sebenarnya Islam tidak pernah mengajar umatnya mendirikan pemerintahan Islam yang sebenar dengan cara yang dibuat oleh P.A.S. itu. Jadi ini adalah satu gambaran yang salah terhadap Islam dan ini menakutkan ataupun memberi anggapan yang salah orang bukan Islam terhadap Islam. Jadi adakah Kementerian sedar atau tidak perkara ini dan bagaimanakah penapisan itu dijalankan kerana ada unsur ini yang tidak betul daripada segi Islam.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi sebenarnya Kementerian saya sedar dan itulah dasar P.A.S., bukan dasar ugama Islam. Jadi itulah menunjukkan betapa bahayanya ajaran P.A.S. itu kepada orang ramai dan diharap orang ramai jangan menyokong. Sebab itu Kerajaan menyiarkannya supaya setiap orang mengetahui apa tujuan Sabilullah itu yang sebenar. Bukan tujuan Kerajaan kita tetapi tujuan Sabilullah.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah apa gambaran yang diberikan menerusi ucapan ini menimbulkan satu konsep yang salah daripada segi Islam. Jadi sudah semestinya apabila ucapan seperti ini telah disampaikan maka anggapan orang Islam terhadap Islam itu sudah salah. Adakah usaha-usaha untuk membetulkan balik perkara ini kerana kerosakan itu telah berlaku?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini sudah ada terkandung dalam jawapan tadi. Walaupun tidak menjawab pertanyaan tepat daripada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat cuba hendak membahaskan apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana Peraturan 24 (4) tidak boleh diadikah h'lah untuk berbahas. Ada apa hendak ditambah lagi?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tambah ialah supaya Yang Berhormat itu faham bahawa apa yang dika'akan bahaya oleh Sabilullah itulah perjuangannya. Sebab itulah Kerajaan mengambil tindakan menahan dan menangkap pemimpin-pemimpin itu sebab ditakuti membahayakan kepada Islam. Itu bukan ajaran Islam. Itu ajaran Sabilullah, ajaran dia sendiri.

SKIM PERKHIDMATAN GURU/ PEGAWAI PERKHIDMATAN PELAJARAN

5. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah syarat-syarat mutlak dan prestasi yang wajar semasa temuduga, yang dikehendaki oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang membolehkan seorang guru Kategori C2 atau C1, yang telah disahkan dalam jawatan tetap dan berpencen, mempunyai pengalaman mengajar bertahun-tahun, dan telah mendapat kelulusan cuti belajar ke Universiti dengan gaji separuh dari Kementerian Pelajaran dalam jurusan dan pengkhususan yang dibenarkan, dan telah berjaya mendapat ijazah dengan Kepujian, untuk mendapat perubahan tanggagaji dalam Kategori D1 dan sama ada guru seperti ini yang telah dikeciwakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini, boleh meninggalkan perkhidmatan pelajaran dengan bebas untuk penyambung perkhidmatannya di Perkhidmatan Awam atau lain-lain jabatan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah dimaklumkan bahawa guru-guru Kategori C2 atau Kategori C1 yang sedang berkhidmat tidaklah secara otomatis diberi perubahan gaji kepada tanggagaji Kategori yang lebih tinggi apabila mereka mendapat kelayakan yang lebih tinggi. Skim-skim Perkhidmatan guru atau Pegawai Perkhidmatan Pelajaran menetapkan bahawa perubahan kategori daripada satu kategori yang rendah kepada kategori yang lebih tinggi hendaklah dibuat melalui urusan pengambilan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Berhubung dengan syarat-syarat mutlak dan prestasi yang wajar semasa ditemuduga bagi guru-guru Kategori C2 atau C1 ialah yang telah:

- (i) disahkan dalam jawatan dan ditempatkan ke dalam perjawatan berpenčen;
- (ii) dibenarkan memasuki universiti dengan cuti separuh gaji; dan
- (iii) mendapat ijazah dengan kepujian,

sebelum mereka layak dipertimbangkan untuk lantikan ke jawatan Kategori D1, mereka hendaklah mempunyai sepenuhnya kelayakan yang disyaratkan oleh sekim perkhidmatan kategori itu iaitu seperti berikut:

- (a) Kelayakan akademik dan ikhtisas yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi jawatan berkenaan;
- (b) tidak melebihi umur 50 tahun tatkala memohon;
- (c) memiliki kepujian dalam Bahasa Malaysia (serta "Lulus" Ujian Lisan dalam peperiksaan yang sama) di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya.

Pemohonan hendaklah dibuat setelah iklan bagi jawatan berkenaan disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, seseorang calon yang diperakukan oleh Suruhanjaya untuk dilantik ke sesuatu jawatan tidaklah semata-mata berasaskan kepada kelayakan iktisas atau ilmiah sahaja. Kesesuaian, merit, Laporan Sulit yang memuaskan dari Ketua Jabatannya dan prestasi pegawai itu sejak ia mula berkhidmat dengan Kerajaan adalah juga dipertimbangkan. Penilaian Suruhanjaya mengenai kesesuaian seseorang calon itu adalah atas budibicaranya sebagai sebuah badan yang bebas dan sebarang keputusan yang diambilnya adalah muktamad.

Seseorang guru Kategori C2 atau C1 yang tidak berjaya mendapat lantikan ke Kategori yang lebih tinggi (Kategori D1 atau Kategori D2) tidaklah boleh meninggalkan perkhidmatannya dengan bebas kerana ia masih tertakluk kepada pekeliling-pekeliling dan syarat-syarat yang dipakai bagi seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan. Tambahan pula apabila seseorang itu kembali bertugas selepas cuti belajar

separuh gaji ia mengikut perjanjian terikat lagi untuk berkhidmat sebagai guru dengan Kerajaan.

Pada amalannya seseorang guru yang ingin memegang jawatan lain dalam perkhidmatan awam hendaklah memohon melalui Ketua Jabatannya. Sekiranya ia berjaya ditawarkan jawatan lain maka barulah boleh baginya memohon perlepasan dari Perkhidmatan Pelajaran. Jika sekiranya ia masih lagi terikat dengan kontrak, maka perlulah kontraknya dipindahkan, sekiranya perkhidmatannya diperlukan dari segi kepentingan perkhidmatan awam. Jika kontraknya tidak boleh dipindahkan maka seseorang guru itu dikehendaki membayar semula kepada Kerajaan apa-apa perbelanjaan yang telah ditanggung kerana membiayai pelajarannya/latihan perguruan-nya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila perkara ini kita rujuk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, jawapan yang diberi kepada pemohon yang tidak berjaya ini ialah dengan mengatakan prestasi semasa temuduga pegawai itu adalah tidak dapat diluluskan di dalam pemilihannya sebagai guru Kategori D1 dan sebagaimana kita tahu prestasi atau performance ini merupakan satu perkara yang subjective yang tidak boleh dijadikan sebagai ukuran utama dalam pemilihan guru seperti ini. Jadi, sekali saya ingin bertanya adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberi keutamaan yang lebih selain daripada prestasi, perkara-perkara objective yang diutamakan kepada guru tersebut untuk menentukan kategori guru tersebut.

Yang kedua, adakah pihak Kementerian sedar atau pihak yang berkenaan sedar bahawa guru ini menerima tanggagaji yang lebih rendah daripada guru ijazah attachment yang diberi kepada guru-guru baru. Jadi keadaan ini adalah menganiaya kepada guru tua yang mempunyai keluarga tetapi mendapat gaji yang tidak sepadan dan sepatutnya dan ia diikat pula.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan dalam jawapan saya tadi selain daripada prestasi tentulah kelayakan dan juga rekomendasi dari ketua-ketua jabatan juga dipertimbangkan sebagai

salah satu daripada asas pertimbangan apabila seorang itu dinaikkan kepada kategori yang tinggi. Mengenai perkara yang kedua perkhidmatan guru juga mempunyai tangga-gaji yang tertentu dan ini adalah mengikut syarat-syarat perkhidmatan yang telah ditentukan bagi satu-satu kategori yang berkenaan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan guru-guru kategori C2 atau C1 yang telah disahkan dalam jawatan kemudian mengambil cuti untuk menuntut di universiti dan memohon untuk dimasukkan dalam kategori D1 atau D2 yang berkenaan. Soalan saya, memandangkan bahawa guru-guru tersebut pernah berkhidmat dalam jabatan Kerajaan dan tidak pernah putus-putus dari segi hakikat yang sebenarnya bolehkah dipertimbangkan bahawa guru-guru ini dikira kenaikan ke D1 atau D2 daripada tarikh lulusnya dan tidak daripada tarikh perlantikan sepertimana yang dibuat oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam pada hari ini iaitu setelah diadakan temu-duga.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil kakitangan perkhidmatan awam termasuk guru-guru salah satu pertimbangan ialah mengenai pengalaman seseorang itu. Jika sebenarnya ia telah mengajar begitu lama dan telah menunjukkan prestasi yang tinggi maka pengalaman itu diambil kira apabila mempertimbangkan permohonannya itu. Seperti yang saya katakan tadi kenaikan pangkat dari satu kategori kepada satu kategori yang lain tidaklah secara otomatis tetapi apabila sampai masanya apabila jawatan itu diiklankan maka yang berkenaan bolehlah membuat permohonannya dan permohonan itu boleh ditimbang bersama-sama dengan permohonan-permohonan yang lain yang juga memohon jawatan yang berkenaan.

Mengikut peraturan ini terpaksa yang berkenaan menunggu sehingga jawatan itu diiklankan maka barulah dia boleh memohon. Mengenai gaji ataupun kenaikannya bermula mengikut masa ataupun tarikh dia lulus, saya rasa ini tidak dapat dipertimbangkan kerana tiap-tiap jawatan itu diisi mengikut bila mana jawatan itu kosong dan gaji itu dibayar apabila pegawai yang berkenaan menduduki jawatan yang berkenaan, bukan mengikut kelulusan sekiranya dia sudah lulus setahun

yang lalu kemudian jawatan itu baru kita beri tahun ini, maka tidak bolehlah kita back-datekan gajinya kepada tahun yang lalu tetapi gaji itu dibayar mengikut masa dia diambil kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Raymond Szetu Mei Thong.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Sandakan.

JETI MIRI—PUNGGAHAN BARANG-BARANG

6. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar tentang keadaan sesak di Jeti Miri yang mana menyebabkan tongkang-tongkang serta kapal-kapal terpaksa menunggu selama lima hingga lapan minggu sebelum barang-barang mereka dapat dipunggah.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, mengenai keadaan sesak di Jeti Miri yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun, izinkan saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri Sarawak sedar atas keadaan ini dan sedang mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini.

MAJUTERNAK IMPORT DAGING

7. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Pertanian menyatakan oleh kerana memandangkan kekurangan daging yang berlaku di dalam negara kita sekarang ini dan telah menyebabkan harga daging melambung naik, adakah Kementerian beliau bercadang hendak mengimport daging sendiri melalui MAJUTERNAK bagi mengatasi masalah kekurangan dan kenaikan harga daging ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, MAJUTERNAK memang

mengimport daging untuk bekalan dalam negeri. Semasa harga daging naik dan didapati bekalan dagingnya berkurangan MAJUTERNAK telah diarah untuk mengimport daging hingga mencukupi bekalan dan menstabilkan harganya.

Pada tahun 1977 MAJUTERNAK telah mengimport 7,957 ekor lembu-kerbau dan 7,544.69 metrik ton daging sejuk untuk kegunaan di seluruh Malaysia.

Pada tahun 1978 untuk kegunaan di dalam Semenanjung sahaja sejumlah 8,431 ekor lembu-kerbau dan 11,571.75 metrik ton daging sejuk telah diimport.

Dan pada tahun 1979 yang lalu sejumlah 13,751 ekor lembu-kerbau dan 33,172 metrik ton daging sejuk telah diimport.

KAWASAN PERUMAHAN MENCERMINKAN KEBUDAYAAN NASIONAL

8. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada dalam memberikan kelulusan kepada pemaju kawasan perumahan satu syarat akan dikenakan di mana semua kawasan perumahan tersebut hendaklah mencerminkan kebudayaan nasional dan bukan kebudayaan sesuatu kaum sahaja.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas di sini. Saya tidak dapat memastikan dalam bentuk manakah satu-satu kawasan perumahan itu akan dapat mencerminkan sesuatu kebudayaan itu atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, dari segi nama taman perumahan, Kementerian saya sudahpun mengadakan satu polisi yang dijalankan pada masa ini iaitu semua nama taman-taman hendaklah yang bercorak kebangsaan dan ini pun dalam maksud terhad iaitu satu-satu nama taman hendaklah di dalam Bahasa Kebangsaan dan hendaklah mempunyai ciri-ciri Malaysia. Oleh itu semua projek-projek perumahan yang baru akan mempunyai nama taman-taman perumahan seperti yang disebutkan di atas tadi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan

bahawa semua taman baru hendaklah mempunyai nama yang berbentuk Malaysian. Soalan saya apakah juga Kementerian beliau akan menimbangkan supaya semua nama-nama taman perumahan yang telah wujud juga dinasihatkan ditukarkan kepada nama-nama dan juga tulisan-tulisan dalam bentuk Malaysia.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah kelolaan Bahagian Kerajaan Tempatan untuk merumuskan dan membuat definasi mengenai apa yang dimaksudkan dengan konsep nama-nama taman perumahan itu. Dan bagi taman-taman perumahan hendaklah berasaskan kepada perkara-perkara yang berikut:

Konsep Rukunegara dan kebudayaan kebangsaan, sejarah tempatan yang sebenar, kekayaan alam sekitar, sumber-sumber international yang berkenaan dengan Malaysia.

Oleh yang demikian, perkara ini adalah masih dalam pertimbangan yang akan diterima sebagai panduan pada masa yang akan datang.

Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian ini telah mengkaji dan menyiasat semua nama taman-taman yang telah didirikan selama ini yang memastikan semua itu tidak melibatkan dengan nama umpamanya dengan tokoh-tokoh komunis dan sebagainya.

Yang kedua, adakah Kementerian ini bercadang untuk mengkhaskan untuk membuat surau di mana 30% daripada perumahan itu diikhaskan kepada bumiputra dan mustahaklah dibuat peruntukan untuk tapak surau.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian kedua itu luar daripada soalan asal. Tidak payah jawab.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Menteri dan saya sentiasa melawat ke tempat-tempat pemaju-pemaju yang mana kita nasihatkan sebelum meletakkan papan tanda itu hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Kementerian untuk membubuhkan nama-nama yang bercorak kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mark Koding. Tidak hadir.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Mark Koding tidak hadir).

NELAYAN MALAYSIA DIANCAM OLEH NELAYAN THAI

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa terdapat sebahagian daripada Nelayan-nelayan kita Malaysia yang menangkap ikan di antara Kuala Tumpat hingga Pulau Redang (di dalam perairan Malaysia) selalu diganggu dan diancam oleh nelayan-nelayan Thai dan jika sedar apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi perkara itu.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa nelayan-nelayan di kawasan di antara Kuala Tumpat hingga Pulau Redang selalu diganggu dan diancam oleh nelayan-nelayan daripada Thailand. Bagi mengatasi masalah ini beberapa langkah telahpun diambil di antaranya adalah seperti berikut:

Pertama, dengan memperhebatkan rondaan yang melibatkan bot-bot ronda perikanan, bot-bot ronda Polis Laut dan bot-bot ronda TLDM.

Kedua, dengan mengadakan pusat kawalan operasi apabila nelayan itu membuat aduan kepada Jabatan-jabatan Perikanan yang berhampiran semua aduan-aduan itu dihantar melalui wireless kepada Pusat Kawalan Operasi di Ibu Pejabat Perikanan yang mana seterusnya memberitahu bilik operasi Kementerian Pertahanan yang akan mengarahkan kapal-kapal TLDM mengawasi kawasan yang dilaporkan itu.

MENDIANG ENCIK G. RAMASAMY— PEKERJA KERETAPI

11. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang kesulitan kewangan yang dihadapi

oleh keluarga mendiang Encik G. Ramasamy, Ketua Stesyen Bukit Bendera, Pulau Pinang, yang telah meninggal dunia pada 7-12-78 kerana sehingga saat ini, keluarga yang berkenaan masih belum menerima sebarang pen-cen dari Kerajaan; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil supaya keluarga ini akan dapat pencen dengan secepat mungkin.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran

Rauf: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu ingin saya nyatakan bahawa mendiang Encik G. Ramasamy bukanlah seorang pekerja Kerajaan yang bertaraf berpencen. Oleh sebab itu, keluarganya tidaklah layak mendapat faedah pencen daripada Kerajaan bagi tempoh per-khidmatannya.

Walaupun demikian, mendiang Encik G. Ramasamy telah mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Keretapi Bukit Bendera, Pulau Pinang semasa dalam per-khidmatannya dahulu dan balunya telahpun menerima, dalam bulan Ogos, 1979, syer caruman pekerja daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Keretapi Bukit Bendera sebanyak \$15,364.98. Adalah difahamkan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Keretapi Bukit Bendera sedang mengusahakan bayaran syer majikan yang berjumlah sebanyak \$21,104.18 kepada balu mendiang Encik G. Ramasamy.

PERMIT KERJA—BILANGAN

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permit kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Sabah dari tahun 1975 hingga 31hb Disember 1979, dengan memberikan angka-angka berasingan bagi setiap tahun dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan rakyat Sabah tidak diambil peluang-peluang pekerjaan di negeri mereka sendiri.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Pas Kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Sabah semenjak tahun 1975

hingga 1979 ialah sebanyak 79,994 dan pecahan mengikut tiap-tiap tahun daripada 1975 ialah seperti berikut:

1975	8,958
1976	11,954
1977	13,771
1978	18,254
1979	27,057
Jumlah			79,994

Pas Kerja itu akan hanya dikeluarkan apabila Jabatan Imigresen berpuas hati bahawa syarat-syarat yang tersebut di bawah ini adalah disempurnakan iaitu:

- (1) Pihak majikan atau penjamin yang berkenaan menunjukkan bukti yang jelas bahawa mereka telah berusaha untuk mencari pekerja-pekerja tempatan bagi mengisi jawatan-jawatan yang berkenaan tetapi tidak berupaya.
- (2) Langkah-langkah diambil oleh pihak majikan ataupun syarikat yang berkenaan bagi melatih orang-orang tempatan dengan tujuan mengambil alih jawatan-jawatan yang berkenaan di akhir tempoh Pas Kerja tersebut.

Lanjutan Pas Kerja akan ditimbang apabila majikan mengemukakan pengesahan bahawa orang-orang tempatan yang mempunyai kelayakan sedang diberi latihan dengan tujuan mengambil alih jawatan-jawatan yang berkenaan, maka syarat-syarat yang tersebut di atas adalah dikenakan dengan tujuan memastikan bahawa rakyat Sabah tidak dinafikan peluang-peluang bekerja yang ada.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa hampir 80,000 Pas Kerja telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen. Saya ingin tahu sama ada beliau sedar bahawa oleh kerana tuntutan gaji oleh pekerja-pekerja yang datang dari luar itu sangat tinggi maka majikan-majikan di Sabah ada juga mengambil pekerja-pekerja daripada orang-orang pelarian dari Filipina dan juga ada orang-orang yang datang dari Indonesia yang bekerja tanpa Pas Kerja di Sabah.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kementerian ini sedar Pas-pas Kerja

ini diberi kepada semua pihak termasuklah orang-orang pelarian Filipina dan juga orang-orang Indonesia.

Berhubung dengan gajinya, ini terpulanglah kepada majikan masing-masing untuk menentukan tentang pembayaran gaji itu.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya adakah atau tidak bagi Kerajaan Persekutuan menandatangani supaya permit-permit untuk memasuki negeri Sabah dan Sarawak itu dibatalkan—iaitu tidak payahlah hendak mengeluarkan permit-permit itu. Jika ya, sejauh mana cadangan itu dapat disambut oleh negeri-negeri yang berkenaan.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Memang Kerajaan bercadang untuk membuat kajian tentang mengadakan Pas Kerja di antara rakyat Malaysia di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak, pengkajian ini adalah tertakluk persetujuan kedua-dua pihak iaitu Malaysia dan juga negeri Sabah dan Sarawak dan ini akan dibincangkan pada masa-masa yang ditentukan.

HASIL EKONOMI PERLIS

13. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ini sedar, bahawa negeri Perlis berada di hujung utara Semenanjung dan hasil ekonominya cuma pertanian. Jika sedar adakah Kerajaan bercadang untuk membina semula Pelabuhan Kuala Perlis bagi menambah dan membaiki kegiatan ekonomi Perlis yang ketinggalan dari kegiatan industri sebab kekurangan kemudahan perjalanan dan perhubungan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa negeri Perlis terletak di hujung utara Semenanjung Malaysia dan hasil ekonominya banyak bergantung kepada pertanian. Kementerian saya pun sedar bahawa Ahli Yang Berhormat itu berasal dari negeri Perlis. Walau bagaimanapun, Kementerian saya pada masa ini belum bercadang untuk membina satu pelabuhan di Kuala Perlis kerana kemudahan jeti yang ada di sana adalah dianggap mencukupi

bagi menampung keperluan perkapalan yang ada sekarang. Lagipun negeri Perlis terletak tidak berapa jauh dari pelabuhan utama Pulau Pinang. Pelabuhan Pulau Pinang adalah mencukupi bagi menampung import-export bagi negeri-negeri sebelah utara termasuklah Perlis, Kedah dan sebelah utara Perak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada soalan tambahan, Yang Berhormat dari Kangar (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu beliau sedar Perlis terletak di hujung utara Semenanjung dan Kuala Perlis dekat dengan Pelabuhan Pulau Pinang. Saya amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, dekat yang dimaksudkan hampir 100 batu itu adakah dekat. Jadi, maksud soalan tambahan saya begini, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Kementerian terfikir ataupun sedar bahawa banyak perkara-perkara yang selalu kita dapat daripada negeri Thai, beras dan beberapa perkara lagi. Jadi kalau sedar, tidakkah Kerajaan bercadang seperti saya kata tadi hasil-hasil ini menjadi murah lagi kalaulah dapat barang-barang dari Thai itu dibawa melalui Setol dan sebagainya kerana Setol dengan Pelabuhan Kuala Perlis ini boleh dikatakan amat dekat. Jadi, kalau sedar, tidakkah Kerajaan bercadang bagaimana saya katakan tadi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan mengambil perhatian atas pandangan-pandangan Yang Berhormat itu (*Ketawa*).

PERUSAHAAN KECIL BUMIPUTRA

14. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan langkah-langkah dan tindakan penyelamat yang diambil oleh Kementerian Perusahaan Awam bagi menyelamatkan perusahaan kecil bumiputra di luar bandar seperti perusahaan membuat serbok kopi, budu, keropok dan lain-lain daripada menerima saingan dan tandingan daripada syarikat-syarikat besar dalam bidang perusahaan yang sama.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah memang ada dijalankan untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil bumiputra di luar bandar. Bantuan-bantuan yang diberikan adalah seperti:

- (a) kemudahan pinjaman untuk modal pusingan dan membeli alat jentera yang sesuai untuk meninggikan mutu pengeluaran perusahaan berkenaan.
- (b) khidmat nasihat dan bimbingan dalam segi pengurusan, pemasaran dan teknik pengeluaran.
- (c) usaha juga dijalankan untuk mendapatkan pasaran luar dari kawasan tempat perusahaan itu melalui badan-badan perniagaan bumiputra dan lain-lain.
- (d) mana-mana perusahaan yang berpotensi ianya diberikan galakan dan bantuan untuk diperbesarkan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, dari kenyataan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menerangkan ada perlindungan dan bantuan-bantuan yang diberikan kepada usahawan kecil-kecilan tempatan. Soalan saya, dalam usaha memberi pertolongan dan bantuan itu adakah juga Kementerian ini akan menyekat keluar pengusaha-pengusaha tempatan yang dipelawa keluar negeri umpamanya perusahaan batik. Adakah Kementerian menyekat pakar batik kita keluar negeri.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, tidak timbul soal sekatan pembatik-pembatik keluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. David.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 15.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

LATIHAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

15. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau menimbangkan untuk

menghantar ahli-ahli Perkhidmatan Awam Malaysia ke Singapura untuk latihan dan bukan ke negara Eropah.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia yang sesuai dan layak telah dan sentiasa digalakkan untuk melanjutkan pelajaran ataupun mendapatkan latihan dalam bidang-bidang pengkhususan yang tertentu dengan tujuan untuk meninggikan taraf kecekapan dan kekesan perkhidmatan awam kita keseluruhannya. Keutamaan adalah diberi kepada institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan, tetapi pegawai-pegawai adalah juga dihantar menghadiri kursus di beberapa buah negara asing termasuklah negara-negara Eropah dan lain-lain. Apa yang penting ialah penilaian institusi-institusi yang berkenaan yang dianggap sesuai dan mempunyai program-program pelajaran lanjutan/latihan yang secukupnya dengan bidang-bidang pengkhususan yang diperlukan oleh Kerajaan. Sekiranya ada kursus-kursus yang difikirkan oleh Kerajaan sesuai di Singapura maka pihak Kerajaan juga akan menimbangkan untuk membenarkan pegawai-pegawai kita berkursus di negara itu. Latihan-latihan yang ada di negara-negara lain tidaklah semestinya sesuai dengan perkhidmatan awam yang ada di negara kita ini.

Dalam hal ini beberapa pihak di negara-negara asing dan negara-negara jiran serta pertubuhan-pertubuhan antarabangsa adalah mengiktirafkan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai satu daripada institusi yang terbaik sekali di Asia.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan tentang sekiranya ada latihan yang baik di Singapura akan menghantar pegawai-pegawai dari sini dan soal ini asalnya daripada Wakil dari Damansara yang menyatakan tentang untuk memberikan pandangan betapa baiknya latihan di Singapura.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sekiranya latihan di Singapura baik seperti bagaimana baiknya latihan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja di Singapura, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menghantar pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja di Malaysia supaya dapat belajar seperti Anggota dari

Damansara yang kebetulan menjadi Setiausaha Agong MTUC supaya mendapat latihan bagaimana pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja di Singapura yang mempunyai sense of belonging and patriotism mereka kepada negara mereka supaya dapat mereka itu berlatih berjuang untuk mempertahankan negara di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini ialah daripada ahli-ahli perkhidmatan awam Malaysia. Ahli Yang Berhormat dari Damansara bukan ahli perkhidmatan awam, dengan sebab itu luar daripada soalnya.

PEKERJA BERPENDAPATAN RENDAH MILIKI RUMAH

16. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar terdapat setengah orang pembeli rumah yang membeli lebih dari sebuah rumah kadangkala sampai mempunyai empat atau lima buah, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang Kementerian beliau bercadang mengambil untuk menyekat kegiatan ini dan membolehkan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan rumah dapat membeli dengan lebih senang lagi,

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, perlu saya jelaskan dahulu bahawa kemajuan perumahan adalah dijalankan oleh pihak Kerajaan di satu pihak dan juga pemaju-pemaju swasta di satu pihak yang lain untuk mendapatkan satu perspektif yang jelas mengenai soal ini.

Bagi projek-projek perumahan awam kos rendah yang dijalankan oleh pihak Kerajaan, seseorang itu tidak dibenarkan membeli lebih daripada satu rumah dan untuk memastikan ini, sistem pemilihan telah diwujudkan di peringkat-peringkat negeri dan daerah-daerah untuk memastikan bahawa hanya mereka yang berpendapatan rendah dan yang berkelayakan sahaja dibenarkan membeli rumah-rumah tersebut. Tetapi projek-projek perumahan yang dijalankan oleh Kerajaan meliputi juga rumah-rumah yang dijual dengan harga sederhana dan kadangkala rumah-rumah jenis mewah. Bagi rumah-rumah jenis ini adalah tidak mungkin ianya dijual kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah oleh kerana harga jualannya adalah di luar kemampuan pekerja-pekerja

ini. Sebaliknya, bagi projek-projek perumahan yang dijalankan oleh pihak swasta tidak ada dibuat kawalan, ini oleh kerana sesiapa pun bebas untuk menambahkan harta mereka asalkan mereka mampu dan Kerajaan tidak bercadang untuk menyekat hak asasi manusia dalam perkara ini seperti yang telah ditetapkan di bawah Perlembagaan, begitulah juga berkenaan projek-projek perumahan swasta yang dijalankan secara usahasama dengan pihak Kerajaan Negeri.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa tidak ada apa-apa kawalan terhadap pihak pemaju swasta yang membina rumah-rumah. Di sini saya suka mendapat tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberitahu Dewan ini sama ada beliau sedar bahawa terdapat sindiket yang sedang bergerak di Bandaraya Kuala Lumpur yang telah membeli lebih dari sebuah rumah, kadangkala mereka ada membeli 5 atau 6 buah untuk mencari untung, iaitu supaya menyewakan rumah-rumah yang telah dibeli itu kepada orang lain. Jika beliau sedar tentang hal ini sama ada pihak Kerajaan dapat mengadakan satu undang-undang ataupun mengkaji semula undang-undang yang ada sekarang dengan tujuan mengambil balik rumah-rumah itu supaya rumah-rumah itu hanya dijual kepada orang-orang yang benar-benar tidak ada rumah oleh sebab saya nampak ini adalah satu amalan yang tidak betul sebab sindiket itu membeli rumah itu dengan tujuan untuk mencari untung.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di atas perkara sindiket ini yang menjalankan kegiatan-kegiatan mengambil untung tetapi saya tidak dapat apa-apa surat yang ada hubungan dengan satu-satu kejadian yang spesifik di tempat-tempat yang berkenaan. Walau bagaimanapun, selalu saya menyatakan supaya orang-orang yang hendak membeli rumah janganlah mereka itu pergi mencari sindiket-sindiket ini. Kalau orang ramai sendiri tidak memberi sokongan tentu sekali sindiket ini tidak boleh hidup dan tidak boleh menjalankan sindiket mereka.

Bagi soal hendak meminda undang-undang di atas masalah ini, mengenai dengan hal ini terserahlah kepada Dewan Bandaraya boleh menentukan kerana mengenai dengan tanah dan rumah ini adalah di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa salah satu daripada sebab mengapa pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah tidak dapat membeli rumah-rumah kos rendah ialah oleh sebab adanya amalan yang tidak sihat yang diamalkan oleh pemaju perumahan swasta untuk memungut wang pembayaran bawah meja (under counter). Jika sedar, apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menyekat kegiatan serupa ini.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan saya telah memberi jawapan tadi bahawa pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah tidaklah dapat membeli rumah-rumah yang berharga mewah. Jadi Kerajaan ada mendirikan rumah-rumah dan rumah-rumah itu adalah tertuju kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah dan mereka ini boleh membeli rumah yang terhad kepada satu-satu buah sahaja. Masalah kawalan terhadap mereka itu tidak timbul sama sekali.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan beritahu Dewan ini apakah tindakan yang diambil ke atas developer yang berjanji kepada satu harga rumah tetapi di luar perjanjian itu dia minta wang bawah meja. Sudah menjadi kebiasaan sekarang mana-mana developer pun kalau siapa-siapa mahu rumah tidak boleh dapat sebab dia kata semua sudah ditutup, dengan sebab itu dia minta wang \$20,000-\$30,000 di bawah meja. Adakah Kerajaan akan ambil tindakan ke atas developer yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah tambahan lagi Yang Berhormat? Tak ada!

Yang Berhormat Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketujuh belas.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

BELI UNDI DALAM MESYUARAT UMNO

17. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menyiasat dan mengambil tindakan ke atas laporan-laporan membeli undi dalam Mesyuarat-mesyuarat UMNO untuk membenters perbuatan rasuah di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO segenap peringkat.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tomahan-tomahan yang mengatakan adanya perbuatan membeli undi di dalam Mesyuarat-mesyuarat UMNO adalah satu perkara keluarga di dalam Parti UMNO dan yang demikian, jika perlu, UMNO sendiri akan menyiasatnya untuk menentukan benar atau tidak tomahan-tomahan itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak menasihatkan PAS supaya menjaga rumahtangganya sendiri lebih dahulu sebelum menjaga pertikaian orang lain (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu luar daripada soalan asal.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada pihak Kerajaan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, adakah Kerajaan juga akan menyiasat penyelewengan yang telah berlaku yang dilakukan oleh PAS sebagaimana yang dituduh kepada UMNO iaitu dalam penyelewengan Mesyuarat-mesyuarat Agong mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pun luar daripada soalan asal.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wakil dari Baling dan juga wakil dari Kota Setar tidak perlu susah dan bertanya hal-hal dalam UMNO kerana penyelewengan dalam PAS pun orang UMNO tidak pernah bertanya . . .

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalannya apakah pihak Kerajaan pernah menerima laporan atau kegiatan-kegiatan daripada satu-satu parti selain daripada kegiatan-kegiatan parti yang boleh merosakkan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Itu silalah jawab.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah ulangkan soalan tambahan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak ada kena mengena dengan sistem pendengaran. Semua sudah bagus. Ulang sekali lagi!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ulang daripada mula, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Sebenarnya wakil dari Baling dan juga wakil dari Kota Setar tidak perlu susah atau bertanya hal-hal dalam UMNO kerana penyelewengan dalam PAS pun orang UMNO tidak pernah bertanya. Soalannya apakah pihak Kerajaan pernah menerima laporan pergolakan di dalam sesuatu parti politik selain daripada kegiatan yang boleh merosakkan negara.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kurang jelas soalan itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kenyataan yang telah dibuat oleh seorang Menteri itu dianggapkan sebagai tohmah ataupun tidak betul, sebab perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian mengatakan ada berlaku perkara beli membeli undi di dalam UMNO. Soalan tambahannya, adakah kenyataan yang dibuat oleh seseorang Menteri itu dianggapkan tohmah ataupun apa?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya sudah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kena parti itu membenterskannya. Ada hendak tambah lagi Yang Berhormat.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, itu laporan akhbar sahaja dan kita tidak boleh pasti sama ada apa yang dilaporkan itu benar-benar dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

MURID-MURID KE MAKTAB RENDAH SAINS MARA

18. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah pihak MARA akan mengkaji semula cara-cara pengambilan murid-murid ke Maktab Rendah Sains MARA.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini MARA tidak bercadang untuk mengkaji semula cara-cara pengambilan murid-murid ke Maktab Rendah Sains MARA.

PENGUNDURAN TENTERA VIETNAM DARIPADA KAMPUCHEA

19. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah inisiatif yang dicadangkan akan diambil oleh negara-negara ASEAN memandangkan Vietnam telah menolak penyelesaian politik berdasarkan pada resolusi Bangsa-bangsa Bersatu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang percaya bahawa Vietnam telah menolak satu penyelesaian politik mengenai persengketaan di Kampuchea. Vietnam masih lagi menunjukkan sikap bersedia untuk meneruskan perbincangannya dengan Malaysia dan beberapa negara ASEAN yang lain mengenai sengkita Kampuchea itu termasuklah soal pengunduran tentera Vietnam daripada Kampuchea dan bagi rakyat negeri itu menentukan masa hadapan mereka tanpa campurtangan kuasa asing. Dengan meneruskan perbincangan ini kita berharap masalah ini akan dapat diselesaikan secara aman dan dengan seberapa cepatnya.

Adalah diakui ada terdapat perbezaan pendapat di antara Malaysia, ASEAN dengan Vietnam mengenai sengkita di Kampuchea itu. Walau bagaimanapun adalah mustahak bagi kita sentiasa tekun menghadapinya semoga jurang perbezaan pendapat

itu dapat dikurangkan dan lambat laun akan mencapai satu penyelesaian demi untuk keamanan dan kestabilan negara-negara di Asia Tenggara ini.

Negara-negara ASEAN dalam masa yang sama juga sentiasa berhubung rapat dan mengadakan konsultasi dari masa ke masa dengan Setiausaha Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan terus berusaha untuk melaksanakan dengan seberapa yang boleh Resolusi PBB mengenai keadaan di Kampuchea itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 20 hingga 62 adalah diberi di bawah ini).

KURSUS BAHASA CHINA DI MAKTAB PERGURUAN KENT

9. Tuan Mark Koding minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menimbang mengadakan semula aliran China di Kolej Latihan Guru Kent, Tuaran, bagi memastikan bahawa sentiasa terdapat bekalan guru-guru yang terlatih bagi sekolah-sekolah China. Pemberhentian perkhidmatan ke atas guru-guru yang tidak terlatih telah mendatangkan kesan yang amat sangat kepada sekolah-sekolah rendah China di Sabah oleh kerana kebanyakan guru-guru yang tidak terlatih itu bukanlah kerana kehendak mereka sendiri tetapi oleh kerana tidak terdapat Kolej Latihan Guru-guru China di Sabah.

Dato' Chan Siang Sun: Tidak. Kursus aliran Bahasa China yang dahulunya diadakan di Maktab Perguruan Kent tidak ditamatkan begitu sahaja tetapi telah dipindahkan ke Maktab Perguruan Sandakan sejak tahun 1979. Daripada 20 orang calon yang diberi tawaran masuk ke Maktab Perguruan Sandakan ini pada tahun 1979 hanya 17 orang sahaja yang menerima dan kesemuanya ini adalah calon dari Semenanjung. Pada tahun 1980, 20 orang calon juga telah diberi tawaran tetapi hanya 6 orang menerima dan seorang sahaja calon dari Sabah. Kekurangan ini berulang tiap-tiap tahun kerana tidak ada calon-calon dari Sabah yang mempunyai kelayakan seperti yang disyaratkan. Oleh itu, pada tahun

hadapan kursus ini tidak akan diadakan di Maktab Perguruan di Sabah, tetapi calon-calon yang berjaya untuk mengikuti kursus ini, oleh kerana kecil bilangannya, akan dihantar mengikuti kursus yang sama di Semenanjung. Dengan cara ini penuntut-penuntut kursus ini akan mendapat kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan dalam masa yang sama kos pentadbirannya akan jauh lebih kecil. Untuk menampung kekurangan guru-guru Bahasa China bagi sekolah-sekolah China di Sabah, Kementerian saya telah mengadakan Kursus Masa Cuti bagi guru-guru sementara Bahasa China sejak tahun 1977 walaupun mereka ini tidak mempunyai syarat-syarat kelayakan yang cukup. Mengikut rancangan yang telah ditetapkan seramai 337 orang guru-guru sementara berkenaan akan menerima latihan menjelang tahun 1985. Rancangan latihan kursus dalam cuti ini adalah seperti berikut:

Tahun					Bilangan yang diambil untuk dilatih
1977	35
1978	31
1979	31
1980	35
1981	35
1982	35
1983	35
1984	70
1985	35
Jumlah ...					337

Pemberhentian perkhidmatan ke atas guru-guru yang tidak terlatih di bawah Jabatan Pelajaran Sabah hanya melibatkan mereka yang dilantik dalam tahun 1977, 1978 dan 1979 dan tidak melibatkan lantikan-lantikan yang lebih awal. Tindakan pemberhentian ini adalah merupakan tindakan pentadbiran untuk mengatasi keadaan guru yang berlebihan bagi satu-satu tahun. Amalan ini juga adalah merupakan amalan pentadbiran pada tiap-tiap tahun kerana guru-guru sandaran seperti ini lazimnya dilantik untuk jangka masa setahun sahaja atas dasar lantikan sandaran bulan ke bulan. Walau bagaimanapun, mereka yang telah diberhentikan daripada jawatan sandaran mereka ini telah diberi peluang untuk memohon semula dan mereka diberi

keutamaan untuk mengisi kekosongan-kekosongan yang wujud. Memandangkan perkembangan pendaftaran murid pada tahun 1980, maka kebanyakan daripada mereka yang mengajar Bahasa China yang diberhentikan telahpun dilantik semula sebagai guru sandaran kecuali bagi mereka yang menolak tawaran.

HOSPITAL DAERAH SABAK BERNAM

20. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Hospital Daerah Sabak Bernam akan mula didirikan kerana tapaknya telahpun sedia ada.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Projek ini telah diberi peruntukan bagi mendapatkan tapak sahaja dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Tapak ini telah diperolehi dan peruntukan akan dipohon untuk membina Hospital Daerah baru ini dalam Rancangan Malaysia Keempat. Kerjasama menyediakan tapak dijangka bermula dalam tahun 1983 dan kerja-kerja pembinaan hospital dijangka bermula dalam tahun 1984.

KAMPUCHEA—RESOLUSI BANGSA-BANGSA BERSATU

21. Tuan P. Patto minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada keengganan Menteri Luar Negeri Vietnam, Tuan Nguyen Co Thach, untuk memperakui Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu yang dianjurkan oleh negara-negara ASEAN mengenai krisis Kampuchea, bererti bahawa usaha-usaha Malaysia dan negara-negara ASEAN untuk mencari penyelesaian politik kepada krisis ini telah gagal; jika ya, apa jenis usaha lain akan dijalankan oleh Malaysia untuk membawa penyelesaian kepada masalah Kampuchea.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Kandungan soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah hampir sama dengan soalan Yang Berhormat dari Mantin yang saya baru jawab tadi. Saya tidak berniat untuk membuat apa tambahan kepada jawapan ini.

DARURAT DI TIMUR TENGAH DAN ASIA

22. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peperangan akan

meletus di Asia dan Timur Tengah bila-bila masa sahaja sekarang, dan jika ya, sama ada Kementerian beliau bersedia menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya keadaan darurat diisytiharkan di rantau ini.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Kementerian saya memang senentiasa mengawasi perkembangan dan pergolakan politik yang sedang berlaku di Timur Tengah dan di rantau ini.

Malaysia juga sedar bahawa keadaan di Timur Tengah dari masa ke semasa mungkin timbul ancaman kepada keamanan dunia dan Malaysia juga telahpun menjalan peranan di Bangsa-bangsa Bersatu dan menerusi Persidangan lain untuk menyekat supaya ancaman itu tidak akan bertambah hebat.

Demikian juga dengan usaha kita mengawal keamanan di Asia ini. Dari segi "diplomacy" negara ASEAN telahpun menyusun langkah bersama untuk mencegah supaya keadaan di Asia, khususnya di rantau kita ini, jangan tercetus ancaman peperangan.

Sambil itu, sebagai persediaan negara yang merdeka, langkah pertahanan kita tentulah sentiasa dikaji dan diperkuatkan dari semasa ke semasa, supaya negara ini tidak akan lemah persediaannya jikalau ancaman menghampiri sempadan negara kita.

Oleh sebab itu, paras Angkatan Tentera kita telahpun ditambahkan dan anggota-anggotanya dilatih dengan berbagai cara dan langkah pertahanan termasuk latihan peperangan "conventional".

ORANG TEBUSAN AMERIKA SYARIKAT DI IRAN

23. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia bercadang turut serta untuk cuba menyelesaikan krisis di antara Iran dengan Amerika Syarikat (USA) di dalam soal orang-orang Amerika yang ditahan di kedutaan Amerika di Teheran, Iran, kalau ya, apakah bentuk-bentuk penyertaan Malaysia di dalam soal ini. Kalau tidak, kenapa.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Malaysia percaya bahawa isu orang-orang tebusan Amerika Syarikat di Iran hendaklah diselesaikan secara damai, dengan tidak

menggunakan sekatan ekonomi oleh mana-mana negara atau kumpulan negara-negara. Malaysia menyokong dengan sepenuhnya keputusan yang telah diambil di Persidangan Islam ke 11 di Islamabad pada bulan Mei 1980, mengenai masalah ini. Persidangan itu telah menyeru Iran dan Amerika Syarikat supaya terus mengambil langkah-langkah untuk tujuan mencapai penyelesaian damai mengenai soal itu. Dalam pada itu juga, kita tidak menyokong percubaan Amerika Syarikat baru-baru ini untuk membebaskan orang-orang tebusan itu, oleh kerana percubaan itu merupakan pencabulan terhadap kedaulatan dan keutuhan wilayah negara Iran. Langkah-langkah seperti itu akan memburukkan lagi suasana dan mengancam ketenteraman wilayah itu. Walau bagaimanapun, Malaysia berpendapat bahawa penahanan orang-orang tebusan Amerika itu melanggar prinsip-prinsip perhubungan antarabangsa.

Malaysia telah menyeru kepada semua pihak supaya mengambil sikap sabar untuk mengelakkan masalah itu menjadi lebih buruk lagi dan untuk menghindarkan semua rintangan yang boleh menyekat penyelesaian damai. Ini adalah sejajar dengan keputusan Persidangan Islam dan kita harap bahawa semua pihak akan mengambil tindakan yang waras untuk mencapai penyelesaian damai.

STRUKTUR MAJLIS PENASIHAT PELINDUNG PENGGUNA KEBANGSAAN

24. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil untuk mengkaji semula struktur Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan dengan tujuan untuk menjadikannya lebih berkesan dan memperjuangkan kepentingan-kepentingan pengguna, dan sama ada usaha-usaha sedang juga dibuat bagi memperkenalkan undang-undang dan pindaan baru berhubung dengan perlindungan pengguna: jika ada, apakah gerak baru yang sedang dirancang ke arah itu.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Struktur Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang ada sekarang adalah didapati berkesan

untuk memainkan peranan melindungi kepentingan pengguna dan dari itu tidaklah perlu diubah buat masa ini. Majlis ini adalah dianggotai oleh wakil-wakil dari Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan, Persatuan Pekilang-pekilang, Kesatuan Se-kerja, Majlis Pertubuhan Wanita Kebangsaan, Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna, Majlis Belia dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan.

Semenjak Majlis ini ditubuhkan pada tahun 1973, ianya telah memberikan nasihat-nasihat yang berfaedah kepada Kementerian saya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perlindungan pengguna. Nasihat-nasihat yang dikemukakan telah menolong membolehkan Kementerian saya merancang dan melaksanakan langkah-langkah perlindungan pengguna yang lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai apa-apa cadangan yang boleh membantu meningkatkan lagi kekesanan Majlis ini, Kementerian saya akan sentiasa bersedia menerima dan mengkaji cadangan-cadangan tersebut kelak.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, eloklah saya tegaskan di sini bahawa Kementerian saya adalah sentiasa berusaha meningkatkan usaha-usaha perlindungan pengguna. Usaha-usaha juga sentiasa dibuat untuk meneliti dan memperkemas undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Undang-undang tersebut ialah:

- (i) Akta Kawalan Harga, 1946;
- (ii) Akta Kawalan Bekalan, 1967;
- (iii) Akta Perihal Dagangan, 1972;
- (iv) Akta Sewa Beli, 1967;
- (v) Akta Timbang dan Sukat, 1972.

Selain daripada itu, terdapat juga Akta Galakan Pelaburan 1968 yang mempunyai peruntukan bagi membolehkan Kerajaan mengenakan syarat-syarat kepada industri-industri yang diberi taraf perintis atau pengecualian tariff. Satu daripada syaratnya ialah industri berkenaan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan sebelum mereka menaikkan harga barang-barang keluaran mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, disamping undang-undang yang saya sebutkan tadi, terdapat juga beberapa undang-undang lain yang ditadbirkan oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain yang juga mempunyai kaitan dengan perlindungan pengguna seperti undang-undang mengawal penyediaan dan penjualan makanan dan dadah, mengawasi kegiatan pemaju-pemaju perumahan, mengawasi kebersihan alam sekitar dan sebagainya.

Saya rasa undang-undang yang ada sekarang adalah mencukupi untuk melindungi kepentingan pengguna di negara ini. Bagaimanapun, seperti yang telah saya jelaskan tadi, Kementerian saya akan sentiasa berusaha memperbaiki dan memperkemas undang-undang yang sedia wujud sekarang. Umpamanya, atas nasihat Mailis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan, Kementerian saya sekarang sedang mengkaji Akta Perihal Dagangan, 1972 dan Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pekilang, Pengeluar, Pemborong dan Pengeimpot) 1974 yang dibuat di bawah Akta Kawalan Harga 1946 dengan tujuan untuk memperbaikinya supaya segala kelonggaran dalam undang-undang tersebut dapat diperketatkan.

Undang-undang sahaja tidak akan mendatangkan kesan yang sepenuhnya tanpa sokongan dan kerjasama pengguna-pengguna sendiri. Sesungguhnya kuasa melindungi pengguna yang paling muiarab adalah terletak pada tangan pengguna-pengguna sendiri. Oleh itu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan gerakan pengguna di negara ini. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah dan akan terus menghulurkan bantuan kewangan dan khidmat nasihat kepada persatuan-persatuan pengguna semoga mereka akan menjadi suatu kuasa yang disegani di masa hadapan. Kerajaan juga akan terus menganjurkan seminar, ceramah dan pameran untuk menolong mendidik dan membangunkan gerakan pengguna di negara ini. Pengguna-pengguna janganlah memikirkan apa yang Kerajaan boleh buat untuk mereka, tetapi apa yang mereka boleh buat untuk kepentingan diri mereka sendiri.

GURU-GURU KONTREK DI SABAH

25. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar guru-guru kontrek dari Semenanjung Malaysia yang mengajar di Sabah yang telah ditawarkan penyerapan ke dalam sistem perkhidmatan Kementerian Pelajaran Persekutuan masih menunggu untuk diserap masuk ke dalam perkhidmatan tetap meskipun rakan-rakan sejawat mereka di Sarawak sudahpun diserap ke dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia; sebab-sebab mengapa kelambatan dan diskriminasi ini berlaku, dan mengapa sebilangan besar bekas guru-guru kontrek Sabah ini belum lagi dibayar tunggakan mereka menurut perakuan-perakuan yang dibuat oleh Laporan Kabinet sungguhpun Menteri Pelajaran telah berjanji mereka akan dibayar tunggakan-tunggakan mereka.

Dato' Chan Siang Sun: Tindakan ke arah penyerapan guru-guru kontrek sama ada dari Semenanjung atau Sabah adalah sedang dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Adalah dijangka bahawa tindakan penyerapan ini akan dapat diselesaikan pada akhir tahun 1980. Kelewatan ini berlaku adalah disebabkan oleh masalah-masalah pentadbiran khususnya pengambilan alih fungsi-fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran mengenai hal-hal perkhidmatan guru-guru kontrek tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sarawak adalah tidak terlibat dengan tawaran penyerapan ke Perkhidmatan Pelajaran Persekutuan kerana perlantikan guru-guru dari Semenanjung di Sarawak adalah secara perlantikan biasa bukan secara kontrek seperti di Sabah.

Kerajaan telahpun membayar tunggakan gaji di bawah tanggagaji bersih baru bagi kebanyakan bekas guru-guru kontrek Sabah. Pembayaran dibuat di Pejabat Pelajaran Negeri masing-masing mulai daripada 14hb Mac, 1980 sehingga 25hb Mac, 1980. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil kes-kes yang 'isolated' yang masih di dalam pertimbangan pihak-pihak yang berkenaan.

MENYALAHGUNA KUASA

26. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar ramai pegawai-pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan telah menyalahgunakan kuasa iaitu mereka bertindak sebagai "judge, jury dan prosecutor",
- (b) jumlah wang yang dikutip oleh Jabatan tersebut dari denda-denda yang dikenakan pada tahun 1979 dan dari 1-1-1980 hingga 30-4-1980.

Dr Goh Cheng Teik:

- (a) Saya tidak sedar tentang adanya pegawai-pegawai di Jabatan Pengangkutan Jalan yang dikatakan telah menyalahgunakan kuasa mereka dan telah bertindak sebagai Judge, Jury dan Prosecutor. Saya agak apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang mungkin mengenai kuasa mengkompoun setengah-setengah kesalahan di bawah Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

Di bawah Road Traffic (Compounding of Offences) Rules 1959, Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan atau Pendaftar telah diberi kuasa bagi mengkompounkan kesalahan-kesalahan yang tertentu seperti yang dibekalkan di bawah Kaedah tersebut. Apabila pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan yang berkenaan mengeluarkan notis pemberitahu ke atas sesuatu kesalahan di bawah Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 dan Kaedah yang disebutkan tadi, penerima notis itu adalah diberi "option" atau pilihan sama ada hendak membayar kompoun atas kesalahan tersebut atau dibawa untuk dibicarakan di mahkamah. Oleh yang demikian, tidaklah adil hendak dikatakan bahawa pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan telah bertindak sebagai Judge, Jury dan Prosecutor.

- (b) Jumlah wang denda yang dikutip oleh Jabatan Pengangkutan Jalan bagi tahun 1979 ialah \$1,706,712 dan bagi tempoh 1-1-1980 hingga 30-4-1980 adalah sebanyak \$240,011.

PELAJAR-PELAJAR KE TINGKATAN ENAM

27. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan (a) Kriteria dan asas yang digunakan oleh Kementerian beliau dalam pemilihan pelajar-pelajar ke kelas-kelas Tingkatan Enam. (b) sama ada benar bahawa tempat-tempat di kelas-kelas Tingkatan Enam juga telah diberi kepada pemegang-pemegang Sijil MCE atau SPM di mana keputusannya tidak begitu cemerlang dan ini telah mengakibatkan kemerosotan keputusan peperiksaan HSC dan STP.

Dato' Chan Siang Sun:

(a) Kriteria dan asas yang digunakan oleh Kementerian Pelajaran dalam pemilihan pelajar-pelajar ke kelas Tingkatan Enam Rendah adalah seperti berikut:

Aliran Inggeris

(i) *Jurusan Sains
Bumiputra*

1. Gred I atau II
2. Lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Bukan Bumiputra

1. Gred I atau II
2. Lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

(ii) *Jurusan Sastera
Bumiputra*

1. Gred I atau II
2. Kejujuran dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Bukan Bumiputra

1. Gred I sahaja
2. Kejujuran dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Diambil kira unit dalam 3 matapelajaran yang terbaik sekali bagi jurusan berkenaan. Bilangan murid mengikut kaum (Bumiputra dan Bukan Bumiputra) dipilih mengikut "quota" yang ditetapkan.

Aliran Kebangsaan

(i) *Jurusan Sains
Bumiputra dan Bukan Bumiputra*

1. Gred I dan II
2. Lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

(ii) *Jurusan Sastera
Bumiputra dan Bukan Bumiputra*

1. Gred I atau II
2. Kejujuran dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris

Diambil kira unit dalam 3 matapelajaran yang terbaik sekali bagi jurusan berkenaan.

(b) Kemerosotan keputusan peperiksaan HSC dan STP tidaklah boleh dikesan dengan satu-satu sebab yang tertentu sahaja. Satu daripada sebabnya ialah bahawa ramai murid-murid yang mendapat keputusan terbaik di dalam peperiksaan SPM/MCE melanjutkan pelajaran mereka ke institusi-institusi pelajaran tinggi di dalam dan luar negeri melalui matrikulasi tanpa memasuki peperiksaan HSC/STP.

HUKUMAN KHALWAT KE ATAS ORANG ISLAM DAN BUKAN ISLAM

28. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang didapati bersalah kerana berkhawat di antara seorang Islam dan bukan Islam, hanya dikenakan ke atas orang Islam sahaja, dan jika ya, sama ada beliau akan membuat undang-undang supaya yang bukan Islam juga dihadapkan ke mahkamah dan menerima hukuman yang sama.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Difahamkan Majlis tersebut akan mengemukakan syorsyornya kepada Kerajaan setelah mengkaji laporan jawatankuasa itu apabila ianya siap kelak. Saya berpendapat ada eloknya Kerajaan mengkaji terlebih dahulu laporan dan syor-syor tersebut sebelum saya membuat apa-apa kenyataan lanjut mengenai soal ini.

PUSAT MENGUMPUL SUSU LEMBU/ KAMBING

29. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pertanian menyatakan:

(a) berapakah buah pusat mengumpul susu lembu dan kambing yang telah di bina di seluruh negara; dan

(b) berapakah ramai penyusu yang telah dilatih untuk kerja-kerja ini.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:

- (a) Sebanyak 14 buah pusat Pengumpulan Susu Lembu telah di bina di seluruh negara, tidak ada Pusat Pengumpulan untuk Susu Kambing.
- (b) Seramai 1,289 orang penternak telah dilatih sebagai penyusu di Institiut Haiwan Kluang.

TANAMAN SEMULA POKOK KAYU YEMANE

30. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapakah keluasan hutan yang telah ditanam semula dengan pokok kayu yemane seperti yang terdapat di kawasan Hutan Simpan Bintang di Perak; dan
- (b) benarkah kayu jenis yemane ini tidak boleh dibuat kertas, batang gorisapi dan sebagainya seperti yang dicadangkan pada permulaan tanamannya dahulu, jika benar adakah rancangan untuk mengeluarkan Hutan Simpan Kayu Yemane ini untuk dijadikan tanah pertanian yang lebih menguntungkan.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):

- (a) Jabatan Perhutanan telah menubuhkan 556 ekar ladang pokok Yemane (*Gemilina arborea*) di Semenanjung Malaysia dan di Hutan Simpan Bintang Hijau, Perak kawasan seluas 476 ekar telah ditanam dengan pokok Yemane.
- (b) Adalah tidak benar bahawa kayu jenis Yemane ini tidak boleh dibuat kertas atau batang gorisapi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yemane adalah satu-satunya jenis pokok yang mempunyai banyak potensi oleh kerana kadar tumbuhan yang tinggi serta mutu kayu yang sesuai untuk pelbagai guna termasuklah untuk dibuat kertas, batang serta kotak mancis, kayu gessaji, papan lapis dan sebagainya. Memandangkan kepada potensi pokok ini dari segi kadar tumbuhan serta mutu kayunya, maka Yemane telah menjadi jenis pilihan utama untuk ditanam di

Semenanjung Malaysia bagi menampung kekurangan kayu balak menjelang penghujung abad ini. Oleh yang demikian, beberapa kawasan ladang Yemane yang telah ditubuhkan telah diberi rawatan khas dengan tujuan untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai pembekal biji benih.

PENGUNAAN BAHASA MALAYSIA

31. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa menitikberatkan Bahasa Malaysia dan menjadikannya sebagai media dalam semua matapelajaran telah menyebabkan kejatuhan teruk dalam taraf di sekolah-sekolah, kolej-kolej dan universiti; jika benar, apakah beliau bercadang akan buat.

Dato' Chan Siang Sun: Terlebih dahulu perlu saya nyatakan di sini bahawa tidak ada kaitan di antara perkara-perkara yang dibangkitkan dalam soalan ini, khususnya dalam kesimpulan yang dibuat pada penghujungnya. Ahli Yang Berhormat mengaitkan tekanan yang berlebihan dalam penggunaan Bahasa Malaysia dengan kemerosotan taraf pelajaran di sekolah, maktab dan universiti.

Kejatuhan atau kemerosotan taraf, jika ada sekalipun, boleh disebabkan oleh beberapa faktor. Setakat hari ini belum ada lagi dibuat sebarang kajian atau penilaian yang telah menghasilkan bukti-bukti ke arah menunjukkan bahawa taraf pelajaran di sekolah, maktab dan universiti kita telah jatuh akibat dari penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu perkara keterlaluan jika dikatakan di Dewan yang mulia ini bahawa taraf pelajaran di sekolah-sekolah, maktab dan universiti kita telah merosot.

Tuduhan beginilah yang akan mencemar taraf dan kedudukan Bahasa Malaysia dan membangkitkan keraguan di kalangan ibubapa. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Bahasa Malaysia pada masa kini adalah satu bahasa yang tidak boleh diragukan lagi tentang kebolehan dan keupayaannya sebagai bahasa pengantar baik di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti.

PELABUHAN KUALA PERLIS BERTARAF ANTARABANGSA

32. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pelabuhan Kuala Perlis adalah

sebuah pelabuhan yang sesak tetapi kecil dan kapal-kapal besar tidak dapat memasuki pelabuhan ini kerana airnya cetek tetapi pelabuhan ini mempunyai potensi untuk menjadi sebuah pelabuhan antarabangsa kiranya dapat didalamkan dan jika ya, sama ada Kerajaan bercadang menjalankan projek sedemikian.

Dr Goh Cheng Teik: Pelabuhan Kuala Perlis telah dibina bagi tujuan memberi kemudahan untuk menampung kapal-kapal kecil tempatan. Adalah juga menjadi kebiasaan bagi muara sungai selalu terkambus dari masa ke masa dan airnya menjadi cetek. Bila keadaan seperti ini berlaku, Jabatan Laut sentiasa mengambil tindakan mengorek bagi mendalamkan semula kawasan tersebut untuk membolehkan kapal-kapal kecil menggunakan Pelabuhan Kuala Perlis.

Kerajaan tidak bercadang untuk memperbesar Pelabuhan Kuala Perlis dan dibuka untuk kapal-kapal antarabangsa. Negeri Perlis adalah terletak berhampiran dengan Pelabuhan Pulau Pinang di mana pelabuhan ini telah dirancang dan adalah mencukupi untuk mengendalikan semua import eksport bagi negeri-negeri sebelah utara Semenanjung Malaysia iaitu Perak Utara, Kedah dan juga termasuk Perlis.

ANAK PEGAWAI DIPLOMATIK BELAJAR DI LUAR NEGERI

33. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa anak-anak kepada banyak pegawai Diplomatik kita di luar negeri sedang menghadapi kesukaran mendapatkan pelajaran seumpama iaitu jenis-jenis pelajaran seimbang dengan dasar pelajaran kebangsaan kita terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Kebangsaan dan pengetahuan agama iaitu pelajaran wajib kepada murid. Jika ya, bagaimana pula tindakan Kementerian supaya anak-anak mereka itu dibolehkan belajar mata-mata pelajaran tersebut seperti mana murid-murid lain dalam negeri ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat di atas minat yang ditunjukkan oleh beliau di dalam hal pelajaran anak-anak kakitangan di perwakilan kita di

luar negeri terutama di dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Pengetahuan Ugama Islam.

Dalam hubungan ini, saya suka menyatakan bahawa adalah tidak praktikal dan ekonomik bagi pihak Kerajaan Malaysia mendirikan sekolah-sekolah atau menempatkan guru-guru di luar negeri untuk mengajar mata-mata pelajaran tersebut kerana bilangan anak-anak yang di dalam lengkungan umur persekolahan adalah kecil sekali. Oleh hal yang demikian, Kementerian saya telahpun mengambil beberapa langkah lain untuk mengatasi masalah ini. Wisma Putra sedang mengambil tindakan untuk membekalkan buku-buku teks rasmi Kementerian Pelajaran bagi peringkat rendah, kepada semua perwakilan kita di luar negeri untuk kegunaan anak-anak kakitangan. Buku-buku teks ini, termasuklah buku-buku pengetahuan agama. Di peringkat menengah pula, kakitangan-kakitangan adalah digalakkan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah di Malaysia. Dalam hal ini Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran dan MARA di atas kerjasama dan bantuan mereka bagi memberikan pertimbangan khusus di dalam penempatan anak-anak kakitangan di sekolah-sekolah berasrama dan MRSM.

BAHAN-BAHAN MEWARNAI GULA-GULA/MINUMAN/KEK

34. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kesihatan memberitahu Dewan bilangan pemeriksaan yang dibuat ke atas bahan-bahan mewarnai yang digunakan untuk membuat gula-gula, minuman-minuman, kek-kek? Nyatakan jumlah kes di mana didapati bahan-bahan mewarnai yang digunakan mengancam manusia." Nyatakan bilangan orang didakwa dalam mahkamah berkait dengan perkara ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Di sepanjang tahun 1979, 13,141 contoh-contoh pelbagai makanan telah diambil di seluruh Malaysia. Bilangan contoh-contoh minuman, gula-gula dan kek/kueh yang diperiksa adalah seperti berikut:

968 contoh minuman.

423 contoh gula-gula.

71 contoh kueh/kek.

Contoh-contoh tersebut telah dianalisa akan kandungan pewarnanya dan didapati hanya sebilangan kecil mengandungi pewarna yang ditegah oleh undang-undang iaitu seperti berikut:

- 12 contoh minuman.
- 7 contoh gula-gula.
- 1 contoh kek/kueh.

Sebahagian dari penjual-penjual tersebut telah diberi amaran dan nasihat dan berikut adalah kes-kes yang dibawa ke Mahkamah:

- 5 kes minuman yang didenda sejumlah \$1,180.
- 2 kes gula-gula yang didenda sejumlah \$550.
- 1 kes kek/kueh yang didenda sejumlah \$100.

PELABUHAN KUANTAN

35. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa nasihat yang baik tidak dicari sebelum pembinaan pelabuhan Kuantan dimulakan dan jika ya, sama ada beliau sedar bahawa tidak berapa lama firma pembinaan memulakan pekerjaan membina bangunan di Pelabuhan Kuantan firma pembinaan tersebut merekomendasikan bahawa rajah dan rekabentuk kejuruteraan untuk membina pelabuhan Kuantan tidak sesuai memandang kepada gelombang dan keadaan alam dan kedudukan dasar laut dan beri sebab mengapa nasihat itu tidak dipedulikan oleh pegawai-pegawai atau pihak yang berkenaan dengan pembinaan Pelabuhan Kuantan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pihak Kerajaan telah meminta nasihat dari pakar-pakar terlebih dulu sebelum pembinaan Pelabuhan Kuantan dimulakan. Beberapa buah negeri asing iaitu Jerman Barat, United Kingdom, Canada, Denmark, Perancis dan Negeri Belanda yang mempunyai kepakaran dalam pembinaan pelabuhan telah dijemput untuk memberi bantuan "bilateral" bagi menjalankan Kajian Feasibility dan akibat daripada jempunan ini, beberapa cadangan dari firma Perunding Antarabangsa yang berpengalaman dalam rekabentuk dan pembinaan pelabuhan telah

diterima. Setelah mengkaji cadangan-cadangan tersebut dan pengalaman mereka, sebuah firma Perunding dari Negeri Belanda telah dilantik untuk menyediakan Laporan Kajian Feasibility. Berasas kepada laporan ini, Kerajaan telah membuat keputusan untuk membina sebuah Pelabuhan di Tanjung Gelang seperti yang disyorkan oleh Perunding. Kerajaan seterusnya melantik Perunding Belanda ini untuk menyediakan rekabentuk dan mengawasi kerja pembinaan bagi projek ini.

Selepas pembinaan pelabuhan dimulakan adalah benar pemborong yang bertanggungjawab untuk membina dermaga (quaywalls) telah merasa bimbang tentang rekabentuk dermaga tersebut. Tetapi tidak betul sama sekali kebimbangan yang dibangkitkan oleh pemborong itu telah tidak dipedulikan oleh pihak yang berkenaan dengan pembinaan pelabuhan Kuantan. Mengikut peraturan biasa apabila sesuatu projek dijalankan oleh firma Perunding, sebarang syor-syor yang diterima daripada sesiapa pun hendaklah dirujuk kepada Perunding itu untuk kajian dan nasihatnya. Peraturan ini telah dipatuhi setelah syor-syor diterima dari pemborong yang berkenaan dalam projek ini. Pihak Perunding telahpun menyemak semula rekabentuk "quaywalls" itu berasas kepada maklumat-maklumat mengenai keadaan tanah yang ada pada mereka dan juga dengan bantuan pakar mereka dalam kejuruteraan tanah. Akibat dari kajian pakar ini, pihak Perunding telah mempasti yang kestabilan "quaywalls" itu adalah selamat. Berasas kepada nasihat mereka, pembinaan "quaywalls" itu terus dijalankan mengikut rekabentuk asal. Patut diperhatikan di sini bahawa kebimbangan pemborong adalah terhad kepada kestabilan "quaywalls" sahaja dan tidak kepada rekabentuk pelabuhan keseluruhannya. Patut juga diambil perhatian bahawa kebimbangan pemborong dibangkitkan beberapa bulan selepas pembinaan "quaywalls" dimulakan.

MOTIF PENCOLEKAN BAYI

36. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa sejak permulaan tahun 1980 hingga bulan Jun 1980 ini, berapakah kes mencolek bayi telah berlaku di negara kita, sila nyatakan latarbelakang dan motif mencolek bayi ini, berapakah orang yang telah ditangkap

dan berapakah bayi telah diselamat serta apakah langkah yang berkesan telah diambil untuk mengatasinya.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Saya telahpun memberi jawapan di dalam Dewan ini kepada perkara-perkara yang dibangkitkan dalam soalan ini pada hari Khamis, 12hb Jun, 1980.

PINJAMAN DARI MARA/BANK BUMIPUTRA

37. Tuan Patrick Anak Uren meminta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar adalah lebih sukar bagi Bumiputra untuk mendapatkan pinjaman pihak MARA/Bank Bumiputra dibandingkan dari bank-bank swasta di Sarawak, jika benar adakah beliau sedar kemudahan sebanyak M\$2,000 yang disebut-sebut itu tidak dapat membantu peniaga-peniaga yang sungguh berminat itu memandangkan kepada keadaan ekonomi dunia yang meleset.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa kaum Bumiputra menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman dari pihak MARA/Bank Bumiputra di Sarawak, atau di mana-mana tempat sekalipun. Sebaliknya, memang menjadi dasar semua agensi Kerajaan, termasuklah MARA dan Bank Bumiputra, memberikan pinjaman ataupun lain-lain bentuk bantuan.

Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu bantuan/pinjaman kewangan diberikan, penelitian terpaksa dibuat terlebih dahulu untuk memastikan "viability"nya.

Kemudahan pinjaman sebanyak \$2,000.00 itu ialah untuk peniaga-peniaga kecil sahaja dan ia diberi tanpa cagaran. Bagi pengusaha-pengusaha yang ingin memulakan perniagaan yang lebih besar, kemudahan untuk pinjaman melebihi \$2,000.00 ada disediakan.

KUASA LETRIK HAIDRO PELAGUS

38. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan setakat manakah yang telah dicapai daripada kerja meneliti bekalan kuasa letrik haidro yang dicadangkan bagi Pelagus di Kapit, Sarawak dan berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan bagi projek ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kajian kemungkinan terhadap cadangan projek haidro elektrik Pelagus telah dimulakan sejak bulan Disember tahun 1979. Sebanyak \$10 juta telahpun diperuntukkan untuk kajian ini di mana kos asingnya (Foreign cost) dibiayai oleh Kerajaan Jerman di bawah persetujuan tekniknya dengan Kerajaan Malaysia. Setakat ini sebanyak \$500,000 telahpun dibelanjakan ke atas kajian kemungkinan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kajian kemungkinan ini dibahagikan kepada dua peringkat iaitu:

- (1) Master Plan Study of Hydro-Electric potentials of Sarawak; and
- (2) Feasibility Study of Pelagus Rapids Hydro-Electric and HVDC Transmission to Peninsular Malaysia.

Selama enam bulan ini pihak juruperunding Jerman bersama dengan SESCO telah mengumpul maklumat-maklumat asas untuk membolehkan kajian kemungkinan yang lebih terperinci dijalankan terhadap projek haidro elektrik Pelagus ini. Adalah dijangka bahawa laporan awal (ataupun Interim Report) mengenai "Master Plan Study of Hydro-Electric potentials of Sarawak" untuk memilih tapak haidro-elektrik yang terbaik akan siap pada bulan depan. Laporan interim ini akan termasuk penilaian teknik dan ekonomik mengenai penghantaran HVDC dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia.

PEJABAT POS DI TEMPAT STRATEJI

39. Tuan Mohamed Khir Johari minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau boleh menimbangkan pembukaan sebuah atau dua Pejabat Pos di tempat-tempat yang strateji di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang pada tiap-tiap hari Ahad dan hari-hari cuti awam untuk memberi kemudahan kepada orang ramai termasuk pelancung-pelancung asing.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Berhubung dengan perkara ini, Kementerian saya bukan lagi pada tahap merancang atau menimbang sahaja tetapi telahpun sampai ke peringkat perlaksanaannya. Sejak tahun 1973 Pejabat Pos di Lapangan Terbang Subang telah dibuka untuk urusaniaga pada tiap-tiap hari termasuk hari Ahad dan kelepasan am sehingga jam 11.00 malam. Pada tahun 1980

ini tiga (3) buah Pejabat Pos lagi telah dibuka iaitu di Perhentian Keretapi, Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Bayan Lepas dan di Jalan Maxwell, Pulau Pinang. Ini menjadikan jumlah Pejabat Pos yang dibuka untuk urusan kepada orang ramai pada hari Ahad dan kelepasan am kepada empat (4) buah kesemuanya. Dua di Kuala Lumpur dan dua di Pulau Pinang.

PAMPASAN PEKERJA

40. Puan Shariffah Dorah binti Mohamad minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan iaitu sebelum pekerja-pekerja kontrak diambil bekerja adakah Kementerian telah memastikan bahawa mereka ini ada disediakan kemudahan-kemudahan Insuran, Pampasan Kemalangan, Elaun tempat tinggal sementara dan sebahagiannya sementara mereka bertugas dengan pemborong itu. Jika tidak apakah langkah yang akan dijalankan untuk jaminan keselamatan dan kebajikan mereka itu.

Datuk K. Pathmanaban: Di bawah peruntukan Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 tiap-tiap pekerja iaitu pekerja-pekerja yang mempunyai kontrak perkhidmatan dengan seseorang majikan adalah diliputi dan dilindungi oleh Ordinan tersebut. Malahan semua majikan-majikan sekarang adalah dikehendaki di bawah undang-undang supaya menginsuran pekerja-pekerja mereka.

Berkenaan dengan tempat tinggal pula, jika seseorang majikan itu memilih untuk memperuntukkan rumah-rumah untuk pekerja-pekerjanya, maka rumah-rumah tersebut hendaklah dibina mengikut peruntukan-peruntukan di dalam Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966.

Mengenai elaun sara hidup pula, adalah merupakan perkara-perkara yang boleh dibincang dan dipersetujui di antara majikan dan pekerja-pekerja. Secara amnya ingin saya menyatakan bahawa Undang-undang Buruh sekarang adalah cukup melindungi keselamatan dan kebajikan pekerja-pekerja tersebut.

SYARIKAT NUGAN HAND— URUSAN PERNIAGAAN BANK

41. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kewangan menyatakan walaupun peraturan-peraturan yang tegas telah diambil oleh Bank Negara yang tiada membenarkan mana-mana jua institusi-institusi kewangan menjalankan perniagaan bank melainkan ianya ada mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Bank Negara bagaimana boleh jadinya yang pihak cawangan di Malaya (atau Malayan Unit) daripada Kumpulan Nugan Hand International menjalankan atau melakukan perkhidmatan bank tiada berlesen dan tiada diketahui oleh Bank Negara dan sama ada apa-apa tindakan telah diambil ke atas Pengarah-pengarah syarikat tersebut.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Seksyen 3 Akta Bank, 1973 adalah menghalang urusan bank dijalankan di Malaysia tanpa mempunyai lesen bank yang dikeluarkan secara bertulis oleh Menteri Kewangan. Sukalah saya memaklumkan di Dewan ini bahawa syarikat-syarikat kumpulan Nugan Hand di Malaysia tidak diberi kuasa untuk menjalankan sebarang urusan bank di Malaysia. Bagaimanapun berikutan dari laporan-laporan akhbar mengenai kesulitan-kesulitan kewangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat Nugan Hand di luar negeri, maklumat tertentu telah diterima bahawa beberapa orang di Malaysia ada menyimpan wang dengan syarikat-syarikat Nugan Hand di luar negeri. Perkara ini adalah tidak menjadi kesalahan kerana peraturan-peraturan kawalan pertukaran kita adalah tidak menghalang pengiriman kumpulan wang ke luar negeri untuk tujuan perdagangan dan kewangan yang tulen (*bona fide*).

Sungguhpun begitu, Pendaftar Syarikat-syarikat telah menjalankan pemeriksaan ke atas dua buah syarikat Nugan Hand yang telah didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat-syarikat, 1965. Pemeriksaan tersebut menunjukkan bahawa syarikat-syarikat Nugan Hand di Malaysia adalah tidak terlibat dengan urusan menerima simpanan dari orang ramai di Malaysia. Adalah dipercayai bahawa syarikat-syarikat di Malaysia itu hanya bertindak sebagai pejabat-pejabat perwakilan dengan urusan sebenarnya berpusat di luar negeri. Seterusnya Pendaftar Syarikat-syarikat tidak menerima sebarang aduan atau laporan mengenai perkara ini dari orang ramai.

PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

42. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai dalam usahanya untuk mengalirkan Pelajar-pelajar Malaysia di Britain ke negara-negara lain di Eropah dan bilakah rancangan ini dapat dimulakan.

Dato' Chan Siang Sun: Saya telahpun mendapat kepastian daripada Kerajaan British bahawa kenaikan yuran yang diumumkan pada awal tahun lalu kepada pelajar-pelajar asing hanya akan dikenakan kepada pelajar-pelajar baru sahaja. Oleh hal yang demikian, pelajar-pelajar yang lama tidak terlibat dengan kenaikan yuran tersebut. Ini bermakna pelajar-pelajar yang akan meneruskan pelajaran mereka di institusi-institusi pelajaran tinggi di Britain tidak perlu berpindah ke tempat lain.

Bagi pelajar-pelajar baru yang terlibat setelah pengumuman dibuat saya telah berusaha mencari tempat-tempat belajar di negara-negara lain seperti di Eropah, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan lain-lain di mana yuran dikenakan adalah di dalam lingkungan permintaan ibubapa pelajar-pelajar itu sendiri.

Saya suka memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kemajuan dalam usaha tersebut di atas setakat ini amatlah menggalakkan. Kerajaan telahpun mula menghantarkan lebih ramai pelajar-pelajar baru ke Amerika Syarikat, Canada, Australia dan juga New Zealand. Usaha-usaha yang lebih menyeluruh sedang dijalankan untuk menempatkan lebih ramai pelajar kita di negara-negara tersebut dan juga di negara-negara lain termasuk Jerman Barat, Perancis dan Indonesia.

MOTOKAR DAN CUKAI JALANRAYA

43. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah geran-geran jalanraya diberikan kepada setiap negeri dan sama ada geran-geran ini diperuntukkan senisbah dengan bilangan banyak motokar dan cukai jalanraya terkutip dari setiap negeri dan jika tidak, sama ada Kerajaan akan menimbang akan mengambil langkah-langkah keadilan ataupun untuk mengedarkan semula lagi keuntungan yang dikutip dengan

cara cukai jalanraya kepada setiap negeri dalam nisbah banyaknya motokar dan cukai jalanraya yang terkutip.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Jumlah geran jalanraya yang diberikan kepada negeri-negeri adalah dibuat mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Geran ini adalah tidak diperuntukkan senisbah dengan bilangan banyak motokar dan cukai jalanraya tetapi diberi berdasarkan kepada kos penyelenggaraan jalan-jalan tersebut oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Kadar kos penyelenggaraan yang telah ditetapkan sekarang ialah sebanyak \$6,200 sebatu setahun dan jumlah perbatuan jalanraya yang diselenggarakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dalam tahun 1978 ialah kira-kira 13,400 batu. Jumlah perbatuan ini menjadi asas perkiraan geran jalanraya bagi tahun 1980.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu undang-undang khas mengenai pemberian geran-geran ini seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, Kerajaan sekarang sedang mengkaji semula kadar kos penyelenggaraan jalan-jalan itu supaya ianya seimbang dengan kenaikan belanja untuk menyelenggara jalan-jalan tersebut.

AGREGET PELAJARAN SAINS DALAM MCE/SPM

44. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa oleh kerana sistem grading GCE yang diamalkan di setengah-setengah negara sekarang amat berpatutan, sama ada Kementerian beliau akan mengkaji semula tentang grading dalam aliran sains yang menyebabkan murid-murid yang tidak lulus "2 science subjects" diturunkan grednya daripada Gred I kepada Gred III, sedangkan "6 best subjects" adalah asas dalam menentukan gred. Jika ya, adakah penentuan "2 science subjects" yang mesti dilulus sebagai asas penentuan grading itu dihapuskan, dan sebaliknya digantikan dengan system "6 best subjects" sahaja dalam menentukan grading MCE/SPM dan jika benar, mengapa.

Dato' Chan Siang Sun: Adalah tidak benar tanggapan Ahli Yang Berhormat bahawa murid-murid aliran Sains diturunkan grednya daripada Gred I kepada Gred III oleh sebab

tidak lulus 2 matapelajaran sains. Perlu dijelaskan bahawa selain daripada penentuan agregat berasaskan kepada 6 matapelajaran yang terbaik yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat untuk mendapat I, II dan III calon-calon mesti memenuhi syarat-syarat kumpulan yang asas seperti lulus dalam Bahasa Malaysia yang dikenakan tanpa mengira sama ada calon itu dari aliran Sains, Sastera atau Teknik.

PASUKAN MERIN POLIS DI TUMPAT—PEMBESARAN

45. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pasukan merin yang ditempatkan di Tumpat sekarang tidak dapat menjalankan tugas mengawal dan meronda dengan sepenuhnya di dalam kawasan yang ditentukan kerana kekurangan alat-alat kelengkapan dan jika sedar, bilakah pasukan itu akan diperbesar dan diperlengkapkan dengan sewajarnya.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tugas utama Pasukan Polis Merin adalah untuk mengawal dan meronda di kawasan perairan pantai Malaysia. Bot-bot Pasukan Polis Merin yang ditempatkan di Tumpat/Pengkalan Kubor dan di Tampoi adalah ditugaskan meronda kawasan perairan di Pantai Timur.

Rancangan sudah disediakan untuk membesarkan pengkalan di Pengkalan Kubor yang akan dijadikan satu Pengkalan Hadapan bagi Pasukan Polis Merin dengan kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan yang mencukupi. Pembinaan pengkalan tersebut akan ditenderkan tidak berapa lama lagi.

BIRO SIASATAN NEGARA—PERKEMBANGAN

46. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Biro Siasatan Negara kini sedang menyasiat ataupun telah selesai siasatan ke atas seorang Menteri Kerajaan yang dikatakan telah menerima bayaran-bayaran haram dari Page Airways Inc. dari Amerika Syarikat, dan jika ya, nyatakan nama Menteri berkenaan dan amaun wang yang terlibat, dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap Menteri tersebut.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Soalan ini adalah berhubung dengan perkara yang sama seperti soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan yang telah dijawab pada 3hb April, 1980 dan begitu juga dengan soalan-soalan yang serupa yang telah dijawab sebelumnya. Kedudukan perkara ini masih tidak berubah dan tidak ada perkembangan baru diperolehi.

IKLAN ROKOK DI RADIO/TV

47. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah wang yang diperolehi dari iklan-iklan rokok oleh Radio dan TV Malaysia sejak tahun 1970 hingga sekarang dengan memberikan angka-angka yang berasingan bagi setiap tahun dan sama ada benar Kerajaan enggan mengharamkan iklan-iklan rokok walaupun ianya membahayakan kesihatan perokok kerana pendapatan lumayan yang didapati dari iklan-iklan tersebut.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Jumlah hasil yang dikutip dari pengiklanan rokok untuk Radio dan TV adalah seperti berikut:

Tahun	Radio	Talivisyen	Jumlah
1970	758,712	763,928	1,522,640
1971	1,068,805	957,643	2,026,448
1972	1,830,556	1,383,300	3,213,856
1973	1,897,594	1,406,446	3,304,040
1974	1,625,617	1,600,099	3,225,716
1975	1,534,417	2,338,549	3,872,966
1976	1,974,001	4,197,436	6,171,437
1977	1,172,609	4,424,248	5,596,857
1978	1,629,616	3,252,808	4,882,424
1979	1,681,996	3,487,639	5,169,635
Jumlah	15,173,923	23,812,096	38,986,019

Tidak benar.

RANCANGAN CINA DI TV SABAH/SARAWAK

48. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meluaskan rancangan-rancangan Cina di televisyen ke Sabah dan Sarawak, jika benar, bila, jika tidak mengapa.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Oleh kerana sebab-sebab teknik dan keperluan penerbitan Kerajaan belum ada cadangan untuk meluaskan rancangan-rancangan Cina

di TV ke Sabah dan Sarawak. Usaha-usaha sedang dibuat sekarang untuk membolehkan Rangkaian Kedua diluaskan ke Sabah dan Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti.

PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG BURUH

49. Tuan V. David minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau menimbang pandangan umum terhadap pelaksanaan pindaan-pindaan kepada Undang-undang Buruh baru-baru ini yang mana mengambil berat di atas hak manusia dan kebebasan berserikat, bolehkah beliau menimbang satu Jawatankuasa dilantik oleh Parlimen untuk mengkaji pindaan-pindaan tersebut dan membuat syor-syor untuk menjamin konsep kebebasan dan hak manusia.

Datuk K. Patimanan: Kedua-dua Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967, yang telah dibahas dan diluluskan oleh Parlimen dalam bulan April tahun ini, telahpun dikuatkuasakan mulai daripada 30hb Mei, 1980. Oleh yang demikian, tidak perlu lagi dipertimbangkan. Soal untuk menubuhkan satu Jawatankuasa yang dilantik oleh Parlimen, untuk mengkaji pindaan tersebut ataupun pelaksanaannya.

SIARAN TV PENDIDIKAN

50. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar wujudnya di kalangan orang ramai satu pendapat bahawa sungguhpun Kerajaan membelanjakan berjua-juta ringgit setiap tahun untuk mengadakan siaran TV Pendidikan, namun kemudahan ini tidak dipergunakan secara meluas di sekolah-sekolah oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, dan jika ya, apakah langkah-langkah Menteriannya bercadang mengambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Dato' Chan Siang Sun: Kesemuanya terdapat 4,341 buah sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Menurut perangkaan yang diperolehi, 2,774 daripada 3,494 buah sekolah rendah yang menjawab kajisiasat menggunakan rancangan-rancangan TV Pendidikan. Ini bermakna 79.4% daripada sekolah-sekolah

rendah yang menjawab itu menggunakan rancangan-rancangan TV Pendidikan. Adalah tidak mungkin diketahui sama ada baki 847 sekolah rendah yang lain itu mengguna atau tidak, rancangan TV Pendidikan. Jika sekolah-sekolah tersebut itu dianggap tidak menggunakan rancangan-rancangan, jadi peratus penggunaan berdasarkan jumlah semua sekolah rendah ialah 63.9%.

Kesemuanya terdapat 739 buah Sekolah Menengah (tidak termasuk sekolah-sekolah Teknik dan Sekolah Pertukangan) di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 588 buah sekolah menengah menjawab kajisiasat dan 432 daripada 588 sekolah menengah menggunakan rancangan-rancangan TV Pendidikan, iaitu 73.5% daripada yang menjawab itu menggunakan rancangan-rancangan TV Pendidikan. Adalah juga tidak mungkin untuk diketahui sama ada baki 151 buah sekolah menengah yang tidak menjawab itu menggunakan rancangan TV Pendidikan atau tidak. Jika sekolah-sekolah yang tidak menjawab itu dianggap tidak menggunakan rancangan TV Pendidikan, jadi peratus penggunaan untuk sekolah menengah ialah 58.5%.

Perkhidmatan TV Pendidikan adalah bertujuan untuk membantu guru-guru dalam pengajaran di bilik darjah. Walaupun segala usaha telah dijalankan untuk menggalakkan guru-guru menggunakan rancangan-rancangan TV Pendidikan, ia tidaklah diwajibkan untuk digunakan. Sekolah-sekolah menengah, yang pada umumnya mempunyai kemudahan yang lebih baik berbanding dengan sekolah-sekolah rendah, lebih bersifat memilih untuk menggunakan rancangan-rancangan TV Pendidikan. Tambahan pula, pengkhususan guru-guru sekolah menengah dalam bidang mata-pelajaran yang tertentu menimbulkan masalah untuk mengatur jadual waktu serta menyesuaikan dengan jadual waktu siaran rancangan TV Pendidikan. Bagi sekolah-sekolah rendah masalah tersebut tadi tidaklah begitu ketara kerana penyusunan jadual waktu boleh diubahsuaikan kerana guru-guru sekolah rendah kebanyakannya mengajar hampir semua matapelajaran.

Untuk mengatasi masalah tersebut di atas, Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) Mengelolakan Kursus Dalam Perkhidmatan bagi guru-guru dalam penggunaan rancangan TV Pendidikan.

- (b) Menetapkan bahawa Program Latihan Guru mempunyai unsur kursus yang memberi penekanan mengenai faedah dan penggunaan rancangan TV Pendidikan yang berkenaan.
- (c) Menjalankan satu Projek Perintis Percubaan dalam Penggunaan Perakam Kaset Video (VCR) di sekolah-sekolah, untuk mengetahui sama ada ia boleh mengatasi masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah dalam penggunaan rancangan TV Pendidikan dan sama ada dengan menggunakan VCR itu, kadar penggunaan rancangan TV Pendidikan boleh meningkat lagi. Sekiranya keputusan yang positif diperolehi dari projek perintis ini, pihak Kementerian Pelajaran akan mempertimbangkan untuk memperkenalkan VCR ke sekolah-sekolah secara berperingkat-peringkat.
- (d) Mengambil langkah untuk menambahkan lagi bilangan Kakitangan Penasihat di peringkat negeri dan sekolah bagi menasihati dan menggalakkan penggunaan rancangan TV Pendidikan.

Dengan memberikan pertimbangan kepada masalah-masalah yang dihadapi itu, penggunaan rancangan TV Pendidikan setakat ini bolehlah dikatakan memuaskan. Adalah diharapkan, dengan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran, kadar penggunaan akan diperbaiki lagi.

ISLAM SEBAGAI UNDANG-UNDANG NEGARA

51. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Kerajaan akan menjadikan Islam sebagai sumber utama undang-undang negara ini dan kalau tidak, mengapa.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Adalah didapati Undang-undang yang ada sekarang sudah pun berkesan dan berjalan dengan baik sama ada dari segi jenayah, civil dan mengenai pentadbiran negara. Jua Undang-undang ini didapati sesuai dan diterima baik oleh rakyat kita dari berbilang kaum dan ugama.

Dalam kebanyakan undang-undang yang sudah ada, umpamanya, undang-undang jenayah, ada banyak terdapat persamaan

dengan prinsip-prinsip Hukum Syarak. Jua, dalam mengambil langkah perundangan mengenai sesuatu perkara atau masalah, Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan kepada soal menyesuaikan langkah itu dengan kewajipan, dan taraf kedudukan orang-orang Islam menurut Hukum Syarak.

Jua di peringkat negeri-negeri pula sudahpun wujud Undang-undang Pentadbiran Islam yang dikuatkuasakan sekarang ini.

Apa yang tersebut itu bolehlah dikatakan bersesuaian dengan hasrat yang ditimbulkan oleh soalan Ahli Yang Berhormat itu.

Dalam keadaan sedemikian saya rasa buat masa ini tidaklah perlu lagi diwujudkan perubahan atau pindaan-pindaan yang besar kepada undang-undang negara sehingga suatu ketika kelak di mana perubahan dan pindaan-pindaan itu mustahak diadakan bagi menyesuaikan dengan kehendak masa dan suasana.

PROJEK PEMBANGUNAN DI PULAU PINANG

52. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui:

- (a) pemberian langsung; dan
- (b) pinjaman-pinjaman untuk tujuan melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga setakat ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Seperti yang saya telah jelaskan semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Lambir, Sarawak pada 13hb Jun, 1980, Kerajaan Persekutuan tidak membuat pemberian langsung kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Tetapi, Kerajaan Persekutuan telah membuat peruntukan di dalam Anggaran Pembangunannya untuk membiayai projek-projek Persekutuan di negeri-negeri termasuk Negeri Pulau Pinang. Jumlah peruntukan pembangunan yang telah dibuat untuk negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah sebanyak kira-kira \$967.24 juta.

Jumlah pinjaman yang telah diberikan (disbursed) oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi

maksud yang sama ialah sebanyak \$41.27 juta sehingga 31hb Disember, 1979 daripada jumlah peruntukan sebanyak \$71.43 juta yang telah dibekalkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

PENUBUHAN SYARIKAT PENERBANGAN KEBANGSAAN KEDUA

53. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah permohonan telah diterima berkaitan dengan penubuhan sebuah lagi syarikat penerbangan di negara ini berikutan dengan kenyataan beliau mengenai perkara ini baru-baru ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Apa yang dimaksudkan dengan penubuhan sebuah lagi syarikat penerbangan di negara ini ialah kemungkinan mewujudkan sebuah lagi syarikat penerbangan kebangsaan atau "a second national flight carrier" selain daripada MAS. Penubuhan syarikat ini adalah bergantung di atas kajian kemungkinan dan keperluan baginya. Sekiranya didapati wajar, maka penubuhannya akan dikendalikan oleh pihak Kerajaan sendiri. Oleh yang demikian, permohonan-permohonan dari pihak tertentu bagi penubuhan syarikat penerbangan kebangsaan kedua tidaklah berkaitan walaupun ada beberapa permohonan bagi menubuhkan syarikat penerbangan kecil tempatan yang menjalankan perkhidmatan udara tidak berjadual telah diterima dalam sepanjang masa yang lepas, dan mengenai ini pihak Kerajaan telah ada meluluskannya atau menolaknya.

KAMPUCHEA DAN PENDATANG HARAM VIETNAM

54. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau telah membincangkan soal Kampuchea dan pendatang haram dari Vietnam ke Malaysia dengan Menteri Luar Vietnam, sewaktu Menteri Luar Vietnam melawat Malaysia pada bulan Mei, 1980. Apakah pandangan Menteri Luar Vietnam tersebut mengenai ZOPFAN dan "Kuantan Formula".

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Saya bahagikan jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu seperti berikut:

- (a) Berkenaan dengan soalan Kampuchea dan "Prinsip Kuantan" saya harap Ahli Yang Berhormat dapat merujuk

kepada jawapan saya semasa menjawab soalan ketiga oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Kuala Lumpur Bandar pada 9hb Jun, 1980 yang lalu.

- (b) Mengenai perkara pendatang-pendatang haram dari Vietnam pula, Encik Nguyen Co Thach telah menegaskan kepada saya dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa Vietnam akan terus mematuhi perakuannya semasa menghadiri persidangan Geneva bulan Julai 1979 untuk menghalang penghijrahan rakyatnya secara haram. Juga Vietnam akan bekerjasama dengan pihak Pesuruhjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR) untuk melaksanakan pemergian rakyat Vietnam itu secara teratur dan terselamat, dari muka bumi Vietnam sendiri.
- (c) Mengenai ZOPFAN pula, Menteri Luar Vietnam itu telah mengulangi bahawa Vietnam menyokong dan menerima Deklarasi Kuala Lumpur sebagai asas untuk mengadakan perbincangan bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara. Dalam mengalu-alukan sokongan Vietnam itu, saya telah sekali lagi menegaskan bahawa untuk mencapai matlamat keamanan dan kesetabilan yang berkekalan di wilayah ini adalah penting supaya persengketaan di Kampuchea itu diatasi dengan mendapatkan suatu penyelesaian politik.

LANGKAH MENGURANGKAN INFLASI

55. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah lanjut yang diambil oleh Kementerianannya bagi mengkaji semula langkah-langkah kewangan (fiscal) dan undang-undang berkaitan pengeluaran barangan dan perkhidmatan, iklan dan penentuan harga sebagai satu cara mengurangkan kadar inflasi di negara kita sebagai tambahan kepada pengumuman beliau dulu mengenai pelepasan cukai dalam Belanjawan 1980.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya telahpun menerangkan dengan panjang lebar semua langkah-langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi membendung

kadar inflasi di negara ini semasa Perutusan Belanjawan saya di Dewan Negara pada 12hb Disember, 1979 dan juga semasa menjawab pertanyaan mulut dalam Dewan ini pada 11hb Jun yang lalu. Oleh itu, tidaklah perlu bagi saya mengulangi di sini langkah-langkah yang telah saya terangkan itu.

NG WEE SIONG—TAHANAN

56. Tuan Lee Kaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar Ng Wee Siong telah ditahan sejak tahun 1967 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, berapa kalikah kesnya itu dikaji oleh Lembaga Penasihat dan sama ada beliau ingin membebaskan beliau.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan seksyen 13 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 kes orang tahanan tersebut adalah diulangkaji dari semasa ke semasa.

Pembebasan orang tahanan dibuat setelah Kerajaan menimbang perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan dalam Akta tersebut, serta Kerajaan berpuashati bahawa pembebasan mereka tidak akan membahayakan keselamatan negara. Sehingga kini mengenai orang tahanan tersebut Kerajaan belum lagi berpuashati yang ia tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

LAPANGANTERBANG IPOH

57. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar betapa perlunya diadakan satu lapangan terbang yang besar di antara Pulau Pinang dengan Subang bagi memudahkan membawa penumpang yang semakin bertambah dari Negeri Perak yang mempunyai rakyat dua juta orang dan memudahkan rakyat dari tempat lain datang ke Perak, dan pada masa ini Lapangan Terbang Ipoh yang kecil itu menjadi lapangan terbang utama bagi Negeri Perak. Jika sedar, adakah beliau bercadang hendak membesarkan Lapangan Terbang Ipoh seperti Lapangan Terbang Senai, Johor, jika ya, bila.

Dr Goh Cheng Teik: Lapangan terbang Ipoh yang ada sekarang tidak boleh diperbesar lagi oleh kerana adanya bukit-bukau di sekelilingnya. Untuk menampung keperluan trafik yang semakin bertambah, pihak MAS telahpun mengadakan penerbangan tambahan ke Ipoh semenjak bulan April yang lalu, iaitu menjadikan perkhidmatan ke Ipoh kesemuanya sebanyak 4 kali seminggu.

Untuk rancangan jangka panjang pula, Kerajaan telahpun melantik sebuah firma perunding bagi menjalankan kajian menyediakan satu pelan induk ke atas kemungkinan membina sebuah lapangan terbang baru di Ipoh. Proses perundingan dengan pihak juruperunding itu telah selesai dijalankan dan juruperunding berkenaan dijangka akan memulakan kerja-kerja bagi kajian tersebut pada awal bulan Julai tahun ini. Adalah dijadualkan kajian pelan induk ini akan siap pada pertengahan tahun 1981. Keputusan sama ada sebuah lapangan terbang baru akan dibina atau sebaliknya hanya boleh dibuat setelah kajian oleh pihak juruperunding itu selesai.

KAPAL SELAM RUSSIA MELALUI SELAT MELAKA

58. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kerajaan terhadap wujudnya kapal-kapal selam Russia yang melalui perairan Selat Melaka;
- (b) adakah ketenteraman dan keamanan Negara-negara ASEAN terjamin di masa depan; dan
- (c) apakah pendirian Majlis Bangsa-bangsa Bersatu terhadap keadaan demikian.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:

- (a) Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah undang-undang antarabangsa yang ujud sekarang, iaitu Convention Geneva tahun 1958 mengenai "Territorial Sea" dan "Contiguous Zone", kapal-kapal kepunyaan semua negara boleh menikmati hak pelayaran "innocent" (innocent passage) melalui kawasan perairan selagi pelayaran tersebut tidak memudaratkan keamanan, kesejahteraan ataupun keselamatan negara-negara

berpantai. Kapal-kapal selam walau bagaimanapun adalah dikehendaki belayar di permukaan laut dan menunjukkan bendera mereka.

Malaysia adalah anggota Konvensyen di atas. Sehingga Persidangan Undang-undang Laut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menghasilkan satu Konvensyen yang baru, rejim pelayaran yang akan terus digunakan bagi Selat Melaka ialah rejim pelayaran "innocent" (innocent passage).

Malaysia sedang mengawasi dengan teliti kehadiran kesemua kapal perang dan kapal selam di Selat Melaka untuk menentukan bahawa kehadiran tersebut adalah hanya untuk tujuan pelayaran yang berterusan dan cepat melalui selat tersebut dan kapal-kapal tersebut tidak bertindak dalam cara yang bertentangan dengan rejim pelayaran "innocent" (innocent passage) serta tidak menjejaskan keselamatan negara. Kewaspadaan kita terhadap semua pelayaran di Selat Melaka adalah juga bertujuan menghindarkan selat tersebut daripada menjadi arena persaingan kuasa-kuasa besar.

(b) Pelayaran kapal-kapal selam melalui Selat Melaka hanya melibatkan 3 buah negara ASEAN—iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura. Oleh yang demikian, masalah ini tidak dibincangkan di dalam rangka-kerja ASEAN. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum ASEAN adalah sebuah organisasi sosio-ekonomi yang menjalankan usaha-usaha bagi memperkukuhkan ketabahan nasional. Usaha-usaha di bidang kerjasama serantau telah meningkatkan keamanan dan keharmonian rantau ini.

(c) Selat Melaka adalah sebuah selat yang penting dalam pelayaran antarabangsa. Masalah pelayaran melalui selat, bersama-sama dengan hal-hal lain berkaitan dengan undang-undang laut masih lagi dirundingkan di dalam rangka kerja Persidangan Undang-undang Laut Antarabangsa anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

DEMONSTRASI PELAJAR DI POLITEKNIK UNGKU OMAR

59. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar seramai 32 orang pelajar Politeknik Ungku Omar telah dipecat kerana terlibat dalam satu demonstrasi baru-baru ini; Kementerian Pelajaran telah menggantung seramai 37 orang pelajar yang memegang biasiswa tetapi kini nampaknya seramai 32 orang pelajar yang tidak memegang biasiswa telah dipecat. Bolehkah Menteri berkenaan menerangkan mengapa tidak seorang pun dari pelajar-pelajar yang dipecat itu memegang biasiswa sedangkan seramai 37 yang memegang biasiswa telah digantung. Apakah satu siasatan bebas telah diadakan? Siapakah yang menjalankan siasatan tersebut? Nyatakan nama-nama pelajar-pelajar yang dipecat itu.

Dato' Chan Siang Sun: Apabila berlaku demonstrasi pelajar-pelajar di Politeknik Ungku Omar, pihak Kementerian Pelajaran telah membentuk sebuah Jawatankuasa yang mengandungi lima (5) orang pegawai dari beberapa bahagian di Kementerian Pelajaran bagi menjalankan siasatan bebas terhadap kes ini. Hasil daripada siasatan ini 129 orang pelajar-pelajar Politeknik Ungku Omar telah diberikan surat "menunjukkan sebab" (to show cause) kenapa mereka tidak boleh dibuang dari Politeknik Ungku Omar. Setelah diberi pertimbangan ke atas surat-surat jawapan daripada pelajar-pelajar berkenaan, Kementerian Pelajaran berkeputusan membuang 30 orang pelajar tetapi mereka ini diberikan tempoh sebulan untuk membuat rayuan. Dari 30 orang pelajar ini hanya 25 orang sahaja yang telah membuat rayuan manakala 5 orang lagi tidak. Setelah dikaji dengan teliti rayuan 25 orang ini, 19 telah dibenarkan semula belajar di Politeknik Ungku Omar manakala 6 orang lain dikekalkan perintah pembuangan mereka.

Pada 26-5-1980 kesemua 25 pelajar ini bersama-sama dengan penjaga masing-masing telah dipanggil di satu majlis untuk perjumpaan dengan saya sendiri bersama-sama dengan pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran. Dalam perjumpaan itu saya telah menerangkan kepada mereka dengan panjang lebar akan keadaan sebenarnya dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran di dalam perkara ini.

Dengan penjelasan di atas maka adalah tidak benar bahawa 32 orang pelajar Politeknik Ungku Omar telah dipecat. Bilangan yang dipecat sebenarnya ialah sebelas (11) orang (6 orang yang telah membuat rayuan dan 5 orang yang tidak membuat rayuan).

Adalah juga tidak benar bahawa tidak seorang pun daripada pelajar yang dipecat itu pemegang biasiswa, sebenarnya 8 daripada 11 orang yang dipecat itu adalah pemegang berbagai jenis biasiswa.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN—KEMASKINI SISTEM PENTADBIRAN

60. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa apakah tindakan telah diambil untuk memperbaiki dan mengatasi pelbagai masalah dan aduan yang berpunca daripada RIMV, seperti mengenai cara pemeriksaan kenderaan, ujian memandu, sikap dan gangguan pegawai terhadap pemandu lori dan kecekapan pentadbirannya serta tuduhan rasuah.

Dr Goh Cheng Teik: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum. Saya agak hal yang sebenarnya dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah soalan kualiti atau mutu perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan kepada orang awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya sentiasa mengulang-kaji dan mengemaskinikan sistem pentadbirannya supaya ianya dapat memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan dedikasi.

Dalam konteks tersebut beberapa langkah telah diambil seperti menggantikan beberapa bangunan pejabat lama dan buruk yang tidak sesuai lagi dengan jumlah pengguna dengan bangunan pejabat baru yang moden dan selesa. Selain dari itu telah juga dirangka untuk membawa perkhidmatan jabatan kepada orang ramai dengan menubuhkan pejabat-pejabat cawangan dan pejabat-pejabat kecil di daerah-daerah tertentu mengikut keperluan.

Jabatan ini juga telah membuka perkhidmatan kaunter pada waktu rehat makan tengah hari dan sebelah petang pada hari-hari bekerja setengah hari untuk kemudahan orang awam terus mendapatkan perkhidmatan.

Sistem pemeriksaan kenderaan telah dikaji dan akan diperbaiki dengan memperkenalkan alat-alat teknik moden dan penambahan bilangan pemeriksaan-pemeriksaan kereta motor yang terlatih. Pemeriksaan mengejut kerap dibuat dan akan diteruskan ke atas penghasilan kerja Pemeriksa-pemeriksa Kereta. Sistem ujian memandu yang tidak sesuai telah digantikan dalam penghujung tahun 1978 dengan sistem ujian tiga peringkat di mana setiap peringkat diuji oleh Penguji yang berlainan dan baru-baru ini ujian statik bertulis telahpun dimulakan di negeri-negeri Pulau Pinang, Perak dan akan diperkenalkan ke semua negeri dalam sedikit masa lagi. Ujian bertulis itu telah diperkenalkan dengan tujuan bukan sahaja untuk meningkatkan taraf ujian memandu serta mempercepatkan urusan pengujian, tetapi juga untuk membasmikan amalan-amalan rasuah. Sambutan dari calon-calon adalah menggalakkan.

Pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat Jabatan ini sentiasa mengawasi penghasilan kerja penguji-penguji drebar dan kerap juga mengambil-alih urusan ujian di Negeri-negeri untuk membanteras sebarang pakatan yang mungkin timbul antara penguji-penguji drebar dan calon-calon serta sekolah-sekolah memandu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat salah satu tugas penting Jabatan Pengangkutan Jalan adalah menguatkuasakan Undang-undang Lalulintas 49/58. Adalah tugas Jabatan itu untuk memeriksa dan mengambil tindakan menurut peruntukan Undang-undang tersebut terhadap kenderaan-kenderaan lori yang membawa muatan berlebihan dan digunakan dengan keadaan tidak memuaskan. Oleh itu, soalan sikap dan gangguan Pegawai Jabatan terhadap pemandu lori tidaklah timbul.

Mengenai amalan rasuah sukalah saya menegaskan di sini Jabatan Pengangkutan Jalan telah dan sedang dan akan terus mengambil segala langkah untuk mengurangkan dan membasmikan amalan tersebut dan untuk tujuan tersebut Jabatan itu bekerjasama dengan pihak Biro Siasatan Negara. Segala aduan terhadap kakitangan Jabatan adalah diselidiki dengan rapi dan tindakan sewajarnya diambil jika aduan-aduan didapati benar.

Untuk mencekapkan sistem pentadbiran keseluruhannya Jabatan Pengangkutan Jalan tidak berapa lama lagi akan memperkenalkan sistem komputer bagi memperbaiki lagi perkhidmatannya.

SETINGGAN—PENEMPATAN SEMULA

61. Tuan V. David minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah rancangan-rancangan pentadbiran Wilayah Persekutuan di dalam penempatan semula setinggan-setinggan. Adakah benar bahawa ramai penduduk-penduduk setinggan telah diarahkan merobohkan rumah mereka tanpa Kerajaan menyediakan tempat tinggal yang lain. Bolehkah beliau memberitahu kawasan-kawasan yang telah dicatitkan untuk tahun 1980 dan 1981 untuk penghapusan setinggan dan sama ada Kerajaan telah membuat peraturan-peraturan tertentu untuk menyediakan tempat tinggal kepada mereka yang terlibat di kawasan-kawasan tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn): Rancangan penempatan semula setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan ini merupakan sebagai satu usaha yang amat diambil berat oleh Kerajaan. Kerajaan sedar bahawa untuk memindahkan setinggan-setinggan terutama mereka yang telah menetap di sesuatu kawasan/tempat sejak bertahun-tahun lagi sebagai satu perkara rumit dan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat lagi teliti. Walau bagaimanapun, rancangan penempatan atau pemindahan semula setinggan-setinggan di Kuala Lumpur ini adalah perlu demi untuk melaksanakan beberapa projek Kerajaan untuk rakyat.

Di dalam rancangan penempatan semula setinggan-setinggan ini adalah menjadi satu dasar Kerajaan supaya tempat kediaman/tapak ganti diperolehi terlebih dahulu untuk mereka yang terlibat dan layak sebelum rancangan penempatan semula setinggan-setinggan dijalankan. Perlu ditegaskan juga bahawa penempatan semula setinggan-setinggan hanya akan dilakukan jika kawasan tersebut terlibat secara langsung dengan projek-projek Kerajaan seperti pembinaan rumah-rumah pangsa/kos rendah, pembinaan jalan dan lain-lain. Apabila ini berlaku, untuk mempercepatkan proses pemindahan ini Dewan Bandaraya membina

rumah-rumah panjang untuk pemindahan sementara atau "transit quarters" dan mereka ini akan dipindahkan ke rumah-rumah pangsa atau rumah murah awam apabila rumah-rumah itu siap dibina. Adalah tidak benar dakwaan dari Yang Berhormat bahawa ramai setinggan telah diarah merobohkan rumah mereka tanpa Kerajaan menyediakan tempat tinggal yang lain.

Bagi tahun-tahun 1980 dan 1981, kawasan-kawasan setinggan yang akan dipindahkan adalah kawasan-kawasan di mana projek-projek Kerajaan akan dilaksanakan dan apabila pemindahan dibuat perkara-perkara seperti tempat tinggal mereka akan diberi perhatian.

PEMBUKAAN PUSAT MEMBELI-BELAH/SUPERMARKET DI PEKAN KECIL

62. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada pembukaan pusat membeli-belah dan supermarket yang begitu pesat di seluruh Malaysia, termasuklah di pekan-pekan kecil itu, tidak menjejaskan kehidupan dan kemajuan peniaga-peniaga kecil yang sudah sekian lama hidup di tempat masing-masing itu.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Pembukaan pusat-pusat membeli-belah dan supermarket itu akan membolehkan pengguna membeli berbagai jenis barang di bawah satu bumbung. Pada hemat saya pembukaan pusat-pusat tersebut tidaklah menjejaskan kemajuan peniaga-peniaga kecil yang telah sedia ada. Ini adalah disebabkan pelanggan bagi pusat-pusat membeli belah dan supermarket selalunya adalah berlainan dengan pelanggan yang mengunjungi peniaga-peniaga kecil itu. Antara dua jenis tempat perniagaan itu adalah memainkan peranan "complementary" dan "supplementary" antara satu sama lain dan tidaklah merupakan pertandingan yang akan menjejaskan peniaga-peniaga kecil itu.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Lembaga Pelabuhan Bintulu, mengenai pemindahan dan perletakkan pada Lembaga akan tanggungjawab atau pembangunan dan kemajuan, pengawalan dan pentadbiran Pelabuhan Bintulu dan mengenai segala hal dan perkara lain yang perlu, yang bersampingan atau yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PEMBANGUNAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1980

3.37 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk mendapat izin Dewan yang mulia ini menurut Perintah Tetap Mesyuarat No. 49 (1) untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Courts of Judicature (Amendment) Bill, 1980 untuk meminda Seksyen 66 (1) Akta Courts of Judicature, 1964 dengan membatalkan perkataan "may" dalam barisan ketiga seksyen itu dan menggantikannya dengan perkataan "shall".

Tuan Speaker, pada masa ini tidak ada hak otomatik untuk membuat rayuan dalam kes-kes jenayah ke Mahkamah Persekutuan

dalam sebarang rayuan ke Mahkamah Tinggi dari Mahkamah-mahkamah Rendah. Mahkamah-mahkamah Rendah mengendalikan kebanyakan kes-kes. Dengan bertambahnya bidangkuasa Mahkamah-mahkamah Rendah, Majistret-majistret telah diberi kuasa untuk mengadilkan kes-kes yang membawa penalti maksima selama 14 tahun penjara.

Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Tengah pula mempunyai bidangkuasa maksima untuk mengadilkan kesalahankesalahan yang boleh dihukum penjara seumur hidup dan juga disebut sebanyak 24 kali dengan rotan. Tidak ada hak otomatik untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi dalam kes-kes jenayah yang telah diadilkan oleh Mahkamah-mahkamah Rendah. Walau bagaimanapun, untuk merayu selanjutnya kepada Mahkamah Persekutuan, Hakim dalam Mahkamah Tinggi hendaklah memberi satu sijil untuk membawa perkara itu ke Mahkamah Persekutuan dengan mengesahkan bahawa satu persoalan undang-undang mengenai kepentingan orang ramai yang telah dibangkitkan dalam masa rayuan di Mahkamah Tinggi di mana keputusan ke atasnya oleh Hakim telah menjejaskan rayuan ulangbicara.

Tuan Speaker, perkataan "may" dalam Seksyen 66 (1) Akta Courts of Judicature, 1964 memberi seorang Hakim kuasa budi bicara untuk menentukan sama ada satu sijil untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan patut diberi kepada seorang yang dituduh walaupun timbul satu-satu perkara points of law bersabit dengan kepentingan orang ramai sedangkan jika pihak Pendakwa Raya ingin merayu, hakim berkenaan harus membenarkan dia merayu ke Mahkamah Persekutuan untuk diputuskan.

Tuan Speaker, dengan kuasa-kuasa tambahan yang diberikan kepada mahkamah-mahkamah rendah, adalah perlu seorang Hakim Mahkamah Tinggi dikehendaki secara wajib mengeluarkan sijil supaya perkara tersebut boleh di bawa ke Mahkamah Persekutuan di bawah seksyen 66 (1) jika terdapat apa-apa "points of law" demi kepentingan orang ramai yang telah menjejaskan rayuannya itu.

Tuan Speaker, Hakim-hakim bukanlah "infallible". Sebuah mahkamah yang mengandungi tiga orang hakim pas i akan lebih arif dalam menilaikan keadaan sebenar. Malah, dengan tambahnya kuasa-kuasa yang diberikan kepada mahkamah-mahkamah

rendah yang kini diketuai oleh mejistret-mejistret yang muda dan kadangkala kurang berpengalaman, yang mana mahkamah-mahkamah tersebut mempunyai kuasa untuk jatuhkan hukuman seumur hidup, hak untuk merayu secara automatik kepada Mahkamah Persekutuan hendaklah diadakan untuk menentukan tidak ada apa-apa "miscarriage of justice". Sebelum 1hb Januari, 1978 terdapat hak untuk merayu ke Majlis Privy dalam kes-kes jenayah dan ini jelas menunjukkan bahawa badan perundangan merasa Mahkamah Persekutuan pun boleh membuat kesilapan.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini akan menyokong usul saya ini.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu tidak perlu dibuat. Walaupun keadaan pada masa sekarang ada nampaknya berbeza di antara permohonan daripada pihak Pendakwa Raya dan pihak-pihak lain ini adalah oleh sebab setiap permohonan dari pihak Pendakwa Raya semestinya untuk kepentingan awam. Oleh sebab itulah bagi permohonan-permohonan dari Pendakwa Raya perkataan "akan" digunakan. Sebaliknya, permohonan-permohonan dari pihak-pihak lain ada kemungkinan bukan untuk kepentingan awam tetapi semata-mata untuk kepentingan pemohon-pemohon itu sendiri. Walaupun demikian, apakala permohonan-permohonan dari pihak Pendakwa Raya telah ditolak oleh mahkamah atas alasan perkataan "akan" itu tidak bermakna mahkamah semestinya membenarkan permohonan tersebut. Oleh itu, sama ada perkataan "mungkin" itu digantikan dengan perkataan "akan" tidak menjadi satu kepincangan.

Dengan alasan-alasan yang tersebut itu, saya syorkan supaya usul Ahli Yang Berhormat itu ditolak oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ialah usul ini dikemuka bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) dan walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 15 (1) Dewan ini akan terus menimbangkan perkara 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini sebelum menimbangkan perkara-perkara lain.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) dan walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat (15) (1) Dewan ini akan terus menimbangkan perkara 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini sebelum menimbangkan perkara-perkara lain.

USUL

PERKHIDMATAN KESIHATAN— PENUBUHAN SURUHANJAYA DI RAJA

Aturan Urusan Mesyuarat bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini mengambil perhatian tentang laporan Jawatankuasa Persatuan Perubatan Malaysia yang dipengerusikan oleh Dr M. K. Rajakumar atas "Masa Depan Perkhidmatan Kesihatan di Malaysia" dan mengambil keputusan bahawa sebuah Suruhanjaya Di Raja ditubuhkan untuk mengkaji, dan membuat perakuan-perakuan mengenai pencapaian, keperluan-keperluan kesihatan bagi rakyat Malaysia dalam dua dekad yang akan datang. (17hb Jun, 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan petang semalam, Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedang menyampaikan jawapannya kepada usul atas nama Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Oleh sebab itu, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab menyambung ucapannya.

3.46 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung ucapan saya semalam tidaklah benar dan mengelirukan sama sekali apabila Jawatankuasa Persatuan Perubatan Malaysia ini menyatakan bahawa kita bertindak dengan cara *ad hoc* (*ad hoc* fashion) dengan tidak ada perancangan. Jika ianya benar, maka kemajuan nyata dalam taraf kesihatan am tidak akan berlaku. Sesungguhnya, objektif-objektif perkhidmatan kesihatan adalah jelas ditegaskan di dalam rancangan-rancangan pembangunan kita. Ianya adalah merupakan falsafah dan panduan bagi perancangan dan perlaksanaannya.

Laporan ini mengkritik Kementerian di atas beberapa perkara iaitu antara lain:

- (i) syarat-syarat dan taraf perkhidmatan doktor-doktor dan doktor-doktor pakar patut diperbaiki;
- (ii) doktor-doktor persendirian patut dibenarkan menggunakan kemudahan-kemudahan hospital Kerajaan dan diberi bantuan dan dorongan Kerajaan, termasuk pengecualian cukai selama 5 tahun, untuk mengamal atau membuka klinik di kawasan-kawasan luar bandar;
- (iii) suatu sumbangan skim insuran kesihatan kebangsaan patut ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengambil masa berharga Dewan yang mulia ini untuk menyangkal satu-persatu beberapa kritikan-kritik kerana pandangan-pandangannya adalah jelas berbentuk peribadi. Ianya adalah mengelirukan dari banyak aspek. Walaupun Jawatankuasa ini menggunakan butir-butir dan angka-angka yang dikeluarkan oleh Kementerian dari masa ke semasa, mereka tidak mengetahui semua aspek pemikiran dan perancangan di Kementerian bagi melaksanakan rancangan-rancangan rawatan kesihatan yang lebih berkesan.

Laporan ini menyatakan bahawa hampir semua doktor-doktor persendirian mengamalkan perubatan pengubatan (*curative-care*) sahaja, dengan meninggalkan perkhidmatan awam untuk pendapatan yang lebih lumayan dalam sektor swasta. Dalam laporan mereka mengatakan greener pastures di sektor awam. Sebaliknya perkhidmatan awam pula adalah meliputi kerja-kerja pencegahan, pengubatan dan penggalakan kesihatan. Tanggungjawab ini bukanlah untuk orang perseorangan sahaja, malahan untuk rakyat keseluruhannya. Saya tidak nampak mengapa doktor-doktor persendirian, yang telahpun mendapat pendapatan yang lebih lumayan dari rakan-rakan mereka dalam perkhidmatan Kerajaan, patut dibenarkan menggunakan kemudahan-kemudahan Kerajaan untuk pesakit-pesakit mereka yang membayar ini. Sebaliknya pula, saya akan mengalu-alukan penyertaan doktor-doktor swasta mengencimpungi usaha-usaha pelajaran kesihatan dan pencegahan, tidak hanya menuduh pegawai-pegawai Kesihatan di Kementerian kononnya tidak berusaha dengan sempurna ke arah ini.

Satu kenyataan dalam laporan itu yang tidak dapat saya terima ialah berkaitan dengan mutu perkhidmatan di dalam sektor swasta dan awam. Jawatankuasa tersebut menyatakan bahawa oleh kerana sebilangan dari doktor-doktor dan pakar-pakar meninggalkan perkhidmatan Kerajaan, akibatnya mutu perkhidmatan perubatan dalam sektor swasta adalah lebih tinggi dari perkhidmatan ini dalam Kerajaan. Pada hal kebanyakan dari kes-kes yang dirujuk kepada hospital-hospital Kerajaan untuk dirawat adalah kes-kes yang lebih rumit, iaitu apabila doktor-doktor persendirian ini tidak dapat mengatasinya. Akan tetapi disebabkan kadangkala kes-kes yang dirujuk itu terlalu lewat, di mana segala usaha-usaha tidak boleh dijalankan lagi, maka doktor-doktor Kerajaan dengan tidak adilnya telah dituduh sebagai tidak cekap. Jawatankuasa ini telah mengesyorkan supaya rakyat, khususnya di dalam golongan pendapatan rendah, patut menimbang kepada suatu Skim Insuran Kesihatan Kebangsaan supaya rakyat berupaya membayar kenaikan harga pengubatan dengan doktor-doktor persendirian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kementerian Kesihatan sedang memberi subsidi yang banyak untuk semua perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan di negara

ini. Di Hospital Besar, Kuala Lumpur sahaja hampir-hampir 88,000 pesakit dalam wad dan 803,000 pesakit luar telah dirawat pada tahun 1979. Perbelanjaan untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan ini telah menelan perbelanjaan hampir \$44 juta di Hospital Besar, Kuala Lumpur tetapi hasil yang dipungut hanya berjumlah hampir \$2.4 juta sahaja. Apa yang ingin dicadangkan oleh Jawatankuasa ini ialah sekiranya seseorang pesakit itu ingin mendapatkan rawatan doktor persendirian, maka masyarakat amnya hendaklah membayar terhadap perbelanjaan ini dengan menyumbang kepada skim insurans kesihatan, iaitu melalui potongan pendapatan mereka, sama ada yang makan gaji ataupun bekerja sendiri. Sekiranya skim ini diperkenalkan, ianya akan membebaskan lagi kedudukan kewangan para pekerja, petani-petani dan nelayan-nelayan. Mereka yang akan mendapat faedah ialah doktor-doktor persendirian sendiri, yang akan terjamin tentang pembayaran walaupun kos-kos mereka meningkat. Kini doktor-doktor sektor persendirian adalah terdiri dari mereka di dalam golongan pendapatan tinggi dan tidaklah adil dan wajar dari segi sosial mereka diberi bantuan kewangan lagi.

Dari laporan ini adalah jelas dilihat bahawa lebih dari 80% dari doktor-doktor swasta ini akan menimbangkan untuk membuka klinik-klinik mereka di kawasan-kawasan luar bandar, di mana perkhidmatan-perkhidmatan ini sangat-sangat diperlukan untuk rakyat berpendapatan rendah, hanya kiranya Kerajaan sanggup memberi mereka bantuan dan galakan. Mereka mencadangkan supaya doktor-doktor swasta seperti ini diberi pengecualian cukai selama lima tahun. Cadangan ini adalah bertentangan dengan dasar-dasar politik dan sosial yang mengasaskan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, bagi menjadikan rawatan kesihatan ini mudah diperolehi oleh sebilangan besar rakyat. Tidaklah wajar untuk memperkaya ataupun memberi peluang-peluang yang lebih banyak lagi kepada doktor-doktor swasta ini dengan bantuan kewangan seolah-olah perkhidmatan doktor ini serupa dengan suatu perniagaan ataupun perusahaan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kira-kira sebanyak \$20,000 tiap tahun adalah diperlukan sekarang bagi melatih seseorang doktor di negara ini. Kebanyakan dari perbelanjaan ini adalah ditanggung oleh rakyat yang membayar cukai.

Saya sendiri berfikir bahawa Kerajaan Barisan Nasional, melalui Kementerian Kesihatan, tidak akan tertakluk kepada pandangan yang suntuk ini, yang hanya ingin mencari keuntungan.

Kementerian kesihatan sedar mengenai matlamatnya, dan saya tidak nampak mengapa suatu Suruhanjaya Di Raja patut ditubuhkan bagi menyasiat perkara ini. Saya berpendapat bahawa perwakilan persatuan itu telah salah anggap tentang maksud saya apabila mereka berjumpa dengan saya setahun dahulu.

Saya perlu menafikan kenyataan yang telah dibuat di dalam laporan ini bahawa saya ada bersetuju dahulu dengan perwakilan ini untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya. Apa yang telah saya nyatakan semasa itu ialah sekiranya Persatuan Perubatan Malaysia berpendapat bahawa sebuah Suruhanjaya diperlukan, maka mereka berhak berpegang kepada pandangan mereka. Kita telahpun mempunyai berbagai-bagai rancangan yang harus dilaksanakan bagi menjadikan taraf kesihatan yang lebih baik iaitu kita janganlah membazirkan masa mengadakan jemaah penyiasat apabila ianya tidak perlu. Kita sedar mengenai kerumitan-kerumitan yang dihadapi oleh ahli-ahli professional kita sendiri, dan telahpun bersetuju untuk semakan gaji am, di samping meningkatkan lagi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan ikhtisas ini. Misalannya, Jawatankuasa Gaji Kabinet, di mana saya adalah terdiri dari salah seorang daripada ahli-ahlinya, telahpun bersetuju supaya jawatan Ketua Pengarah Kesihatan dinaikkan tarafnya ke Tingkatan Turus III di mana jawatan ini dahulu ialah di Tingkatan Tertinggi "A". Di samping itu, satu jawatan yang baru untuk Timbalan Ketua Pengarah akan diwujudkan di Tingkatan Tertinggi "A". Ini akan membuka jalan bagi kajian terhadap semua jawatan-jawatan professional bagi doktor-doktor, pakar-pakar, doktor-doktor pergigian dan ahli-ahli farmasi dalam perkhidmatan kita ini bagi membuka peluang yang lebih baik untuk kenaikan pangkat dan latihan. Penyerapan semua jawatan pegawai-pegawai tersebut akan dilaksanakan mulai 1hb Julai, 1980. Saya sendiripun sedar tentang masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai professional tentang Peperiksaan Am dan dengan sukacitanya memaklumkan bahawa kurikulum itu telah dikaji semula dan yang baru ini akan dilaksanakan secepat yang mungkin.

Sesebuah Suruhanjaya seperti yang dicadangkan tidak akan menjadikan kita lebih sedar lagi dari yang ini dan dengan itu saya mencadangkan supaya usul Yang Berhormat dari Petaling itu ditolak.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Petaling,

3.58 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang ada memberi penjelasan-penjelasan dan pandangan-pandangan Kerajaan terhadap beberapa perkara yang ada dalam laporan tersebut.

Yang pertama, saya tidak meminta Dewan ini untuk meluluskan laporan ini, tetapi ambil perhatian kerana ini satu laporan yang akibat dari satu penyiasatan yang dibuat oleh badan professional dan tanggungjawab. Semalam Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa tidak perlu dan tidak wajar buat begitu oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini tidak lihat dan tidak dengar laporan itu. Saya tidak tahu sama ada perkara ini benar atau tidak benar, tetapi kalau benar ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Parlimen nampaknya tidak mengikuti perkembangan-perkembangan di negara kita.

Kedua, kalau begitu, termasuk dalam tanggungjawab Yang Berhormat Menteri oleh kerana ada usul ini untuk membuat peruntukan mengedarkan laporan-laporan ini kepada setiap Ahli oleh kerana perkara yang terkandung yang mustahak dan yang saya dapat tahu bahawa Kementerian Kesihatan sendiri ada berhubung dengan MMA dan ada dibekalkan dengan 20 atau 30 kopi laporan itu dan semalam Yang Berhormat Menteri kata bahawa ini satu laporan Jawatankuasa sahaja dan bukan MMA. Sebenarnya Majlis MMA dalam mesyuarat yang lalu pada 8hb Jun sudah dengan rasmi meluluskan dan menerima laporan ini sebagai satu laporan MMA dan saya tidak rasa tidak perlu atas point yang begitu teknikal untuk dibincangkan sama ada ini rasmi atau tidak rasmi, sama ada Kementerian Kesihatan mesti ambil perhatian atau tidak, apa yang mustahak ialah isi-isi kandungan dalam laporan itu. Dan apa yang kita cadangkan ialah bahawa laporan ini dijadikan satu thesis untuk satu perbincangan, satu penyiasatan oleh sebuah Suruhanjaya Diraja dalam perkara kesihatan.

Yang Berhormat Menteri ada sebut dua perkara yang saya mahu sentuh sedikit. Yang pertama ialah mengenai cadangan dalam laporan itu bahawa ada satu National Health Insurance Scheme, Yang Berhormat Menteri ada kata kalau skim ini dijalankan ia akan membebaskan kewangan petani-petani dan orang-orang miskin. Saya tidak faham bagaimana satu skim yang dijalankan oleh Kerajaan, yang dibiayai oleh Kerajaan akan membebaskan keadaan kewangan petani. Tetapi satu masalah yang kita mesti mengatasi ialah di sebuah negara yang begitu kaya tetapi lebih kurang 50% rakyat di bawah garisan kemiskinan bahawa satu skim kesihatan yang boleh memberi faedah kepada rakyat adalah sangat mustahak. Kalau ada satu sistem kesihatan yang nominal sahaja inilah saya rasa mesti diubahkan dan mesti diperbaiki.

Kedua ialah pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa beliau tidak bersetuju dengan satu cadangan dalam laporan bahawa sebagai satu insentif terhadap doktor-doktor pergi ke kawasan-kawasan luar bandar ada mengatakan satu pengecualian cukai selama 5 tahun. Di sini saya tidak kata sama ada bahawa semua perakuan-perakuan itu mesti disetujui. Tetapi dalam perkara ini saya fikir kalau untuk menggalakkan industri-industri pergi ke luar bandar supaya luar bandar boleh dapat untung boleh mengadakan skim-skim insentif, saya rasa kalau ada satu cadangan bahawa untuk meninggikan taraf kesihatan penduduk-penduduk di luar bandar, ada satu insentif untuk doktor-doktor pergi ke luar bandar, saya tidak lihat kenapa Yang Berhormat Menteri begitu marah sehingga mengecam dan mengeluarkan tuduhan bahawa cadangan ini seolah-olah untuk doktor-doktor mahu dapat lebih kaya sahaja tetapi saya rasa sebenarnya ini satu cadangan yang perlu dapat pertimbangan yang serius dan bukanlah didismissed begitu sahaja dan lain-lain perkara perlulah juga dapat ditimbang dan sebab itu kita cadangkan supaya satu Suruhanjaya di-Raja ditubuhkan dan saya serahkan kepada Dewan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan bahawa satu Usul atas nama Yang Berhormat Lim Kit Siang yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengambil perhatian tentang laporan Jawatankuasa Persatuan Perubatan Malaysia yang dipengerusikan

oleh Dr M. K. Rajakumar atas "Masa Depan Perkhidmatan Kesihatan di Malaysia" dan mengambil keputusan bahawa sebuah Suruhanjaya Di Raja ditubuhkan untuk mengkaji, dan membuat perakuan-perakuan mengenai pencapaian, keperluan-keperluan kesihatan bagi rakyat Malaysia dalam dua dekad yang akan datang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

AKTA EKSAIS 1976 PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN) 1980

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1980 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 49 tahun 1980 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk menurunkan kadar-kadar duti eksais ke atas minyak petrol premium dan regular sebanyak 10 sen kepada \$1.31 segelen. Tujuan penurunan kadar duti eksais ini adalah sama seperti tujuan penurunan duti import atas minyak petrol premium dan regular yang telah dibuat melalui Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1980 yang telah diluluskan oleh Majlis ini pada 17hb Jun, 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah satu usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dikemuka bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1980 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 49 tahun 1980 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.07 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu "Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lama benar perkara saraan, elaun kemudahan, pencen, ganjaran, faedah kemalangan dan lain-lain, yang dibayar dan diberi kepada Ahli-ahli Parlimen, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat serta Anggota Pentadbiran, tidak dikaji semula secara menyeluruh.

Dalam tahun 1976, gaji dan kemudahan-kemudahan bagi kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Polis dan Angkatan Tentera telah dinaikkan dan diperbaiki. Mulai daripada 1 haribulan Julai ini, gaji, pencen, ganjaran dan kemudahan-kemudahan yang lain akan dinaikkan dan diperbaiki lagi anggota-anggota tersebut.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah hendak memperbaiki saraan, elaun, pencen, faedah kemalangan dan lain-lain bagi Ahli-ahli Parlimen sebagaimana yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua mengetahui, tugas dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen sekarang ini amatlah berat. Demokrasi Berparlimen yang wujud di negara kita, tidak akan berjalan dengan memuaskan jika Ahli-ahli Parlimen tidak menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan sepenuh masa. Kebanyakan Ahli-ahli Parlimen bukanlah orang-orang yang berada. Mereka hendaklah dibantu dengan saraan dan lain-lain kemudahan yang bersesuaian. Perbelanjaan mereka sebagai wakil rakyat adalah banyak. Ini kita semua mengetahuinya. Begitulah juga dengan keadaan Anggota Pentadbiran. Tugas dan tanggungjawab golongan ini, tentulah lebih banyak dan berat lagi, oleh kerana mereka itu mentadbirkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah payah saya menyebut satu persatunya peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini. Tujuan-tujuan peruntukan-peruntukan itu telah dijelaskan sedikit sebanyak di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Rang Undang-undang ini adalah membuat peruntukan gaji, elaun bulanan Ahli-ahli Parlimen, dan faedah kemalangan dan faedah pencen sahaja. Elaun-elaun lain dan kemudahan-kemudahan lain akan dilaksanakan secara Arahan Yang di-Pertuan Agong atau Kabinet, mengikut yang mana berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai saraan bagi Ahli Parlimen dan mengenai perkara-perkara lain yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Petaling.

4.12 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, pada bulan lalu Kerajaan ada membuat satu pengumuman mengenai kenaikan gaji untuk 750,000 kakitangan Kerajaan yang akan melibatkan belanja tambahan lebih kurang \$500 juta, dan pengumuman itu boleh dikatakan tidak disambut begitu baik oleh kerana kakitangan pegawai-pegawai tinggi mendapat satu kadar kenaikan yang begitu besar apabila dibanding dengan kadar-kadar yang didapati oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan bahagian rendah. Saya faham bahawa kadar-kadar kenaikan gaji untuk kakitangan ialah di antara 14% ke 28%. Hari ini kita menghadapi satu Rang Undang-undang untuk revise remuneration kita, untuk Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri, Ahli-ahli Pentadbiran.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya mahu declare di bawah peruntukan yang diuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat bahawa saya ada pecuniary

interest dalam perkara ini. Sebenarnya semua kita ada pecuniary interest dalam perkara yang kita bincangkan ini. Kedua, saya bersetuju bahawa ada satu kes untuk kenaikan remuneration dan ketiga sebagai manusia tentulah kita sangat suka kalau kita boleh dapat wang yang banyak dan the sky is the limit, lebih banyak lebih baik. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen, sebagai Wakil Rakyat kita pun bertanggungjawab terhadap rakyat untuk membuat satu tauladan dan di sini saya rasa cadangan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini di mana kenaikan remuneration untuk Ahli-ahli Parlimen dan Menteri-menteri yang melibatkan kenaikan kadar 100% terlalu tinggi dan khasnya apabila dibanding dengan peratus kadar-kadar kenaikan gaji yang diberi kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bertanya dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh memberi satu keterangan, alasan kenapa ada ketidakseimbangan ini antara kadar yang diberi kepada kakitangan. Kerajaan dengan kadar kenaikan yang diperuntukkan kepada Ahli-ahli Parlimen oleh kerana sungguhpun dalam masa inflasi remuneration untuk Ahli-ahli Parlimen haruslah ditambah tetapi masalahnya ialah kenapa satu peratus yang begitu tinggi (excessively steep).

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut bahawa Ahli-ahli Parlimen ada berbagai-bagai tugas yang berat dan inipun satu perkara yang haruslah kita ambil perhatian. Baru-baru ini dalam *Sunday Mail* ada satu siri article mengenai tanggungjawab, prestasi Ahli-ahli Parlimen dan saya rasa dalam perbahasan ini satu soalan yang dikemukakan dalam rencana yang pertama itu sangat tepat dan dengan izin saya hendak bacakan satu perenggan sahaja petikan dari article itu:

"The question is would increased monetary benefits necessarily bring about a better performance from the current batch of MPs especially in areas where they have never really even begun functioning, guiding opinion makers or being effective legislators who would raise above what cynics call the level of being a mere choir that only voices out approval."

Inilah yang ditanya oleh article itu dalam *Sunday Mail* dan satu review yang melibatkan remuneration Ahli-ahli Parlimen haruslah antara satu bidang menyeluruh (comprehensive) mengenai fungsi-fungsi, peranan-peranan Ahli-ahli Parlimen. Oleh kerana sebab itulah semalam saya cuba mengemukakan satu usul untuk mengadakan satu Speakers Conference, mengadakan satu Parliamentary Reforms tetapi nampaknya daripada semalam yang menunjukkan hujah-hujah dan perkara-perkara yang saya kemukakan nampaknya tidak difahami oleh terbanyak Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya beyond their level. Dan saya merasa semalam bahawa saya membuang masa saya sendiri dan inilah satu perkara yang serius dan bukan untuk make any political point dan saya tidak mahu mengulang apa yang saya cakap semalam tetapi kenaikan remuneration mesti mendapat satu hasil untuk memastikan bahawa Ahli-ahli Parlimen menjadi lebih cekap dan efektif dalam Parlimen bukan sahaja yang melibatkan perubahan-perubahan (reform) yang semalam saya ada sebut tetapi juga Ahli-ahli Parlimen diadakan kemudahan-kemudahan yang boleh memberi mereka maklumat-maklumat atau perkhidmatan research supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam perbincangan baikpun Rang Undang-undang atau perbincangan yang lain yang lebih informed yang lebih intelligent oleh semua Wakil Rakyat, semua Ahli Parlimen, dari semua pihak dan inilah saya rasa tidak akan didapati dengan kenaikan remuneration atau ganjaran dan lain-lain, ini tidak akan memberi apa-apa contribution. Dari segi ini sangat mustahak.

Semalam, Tuan Yang di-Pertua, *New Straits Times* menyatakan satu laporan bahawa Timbalan Pengarah N.B.I., Datuk Abdul Aziz bin Ahmad ada "lashed out at Heads of Department, MPs, and State Assemblmen and others in authority who abused their powers". Dan Datuk Abdul Aziz di dalam laporan itu ada berkata (*Dengan izin*):

"There are some who use their position and influence to bargain for commissions when making approvals".

Dalam perkara ini tentulah disebut aspersion terhadap Parlimen ini dan patutlah Timbalan Pengarah ini dipanggil (summoned) oleh Dewan Rakyat datang untuk memberi nama-nama MP yang ada

buat begitu supaya lain-lain Ahli-ahli Parlimen yang bersih dan rekod yang baik tidak pun terlibat dalam tuduhan ini. Tetapi saya timbulkan masalah ini oleh kerana adakah untuk tujuan-tujuan Kerajaan kemukakan Rang Undang-undang ini ialah supaya Ahli-ahli Parlimen boleh lebih dedicated, boleh menunjukkan satu tauladan bahawa mereka jujur, ikhlas, honest, incorruptible dan tidak salah guna kuasa semacam yang disebutkan oleh Timbalan Pengarah N.B.I. Dan kalau begitu, saya rasa kenaikan 100% remuneration sahaja pun tidak akan sampai kepada matlamat itu selain daripada mengadakan lain-lain cara mungkin Rang Undang-undang diadakan dan saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi perhatian dalam perkara ini semacam apa yang ada dicadangkan dahulu, sekarang kita tidak boleh nafikan yang remuneration ini adalah sangat-sangat tinggi. Baik, sekarang boleh mengadakan satu Rang Undang-undang di mana setiap Menteri, setiap Ahli Parlimen termasuk semua pihak perlu isytiharkan—declare assets mereka, tunjukkan sebagai satu contoh tauladan bahawa tidak berlaku apa-apa seperti yang ditimbulkan oleh Timbalan Pengarah N.B.I. yang ada berkata bahawa MP-MP dan lain-lainnya menggunakan kedudukan mereka untuk mendapatkan lesen, permit dan lain-lain daripada Kerajaan. Sebab itu tadi saya ada berkata dalam satu review mengenai remuneration Ahli-ahli Parlimen, itu sebenarnya satu perkara dalam satu review yang lebih menyeluruh tetapi ini nampaknya tidak dijalankan.

Di sini untuk maklumat Dewan yang mulia ini, saya mahu sebut bahawa dalam House of Commons mereka ada satu peruntukan bahawa setiap Ahli Parlimen mesti declare interest, pecuniary interests ini ada digolongkan kepada 9 kategori, dan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sebutkan 9 kategori itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam perkara ini, dalam Peraturan Mesyuarat 35 (7) ada berbunyi:

"(7) Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu".

Ini yang kita bincangkan sekarang untuk dibahas, iaitu berkenaan dengan soal saraan, tentang gaji. Bukan hal lain.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya bukan . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat tumpukan kepada perkara-perkara yang berkaitan sahaja.

(Seorang Ahli Yang Berhormat): Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Sebab mahu wang, tidak mahu dengar. Saya hendak sebut ini sebagai satu contoh apa yang berlaku di lain-lain negara yang mungkin kita boleh fikir, timbang dan mungkin digunakan. Saya bukan sebut sekarang mengenai peruntukan dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat. Sembilan kategori ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah di mana mesti diisytiharkan oleh setiap Ahli Parlimen:

- (1) remunerated directorships of companies, public or private;
- (2) remunerated employments or offices;
- (3) remunerated trades, professions or vocations;
- (4) the names of clients when the interests referred to above include personal services by the Member which arise out of or are related in any manner to his membership of the House;
- (5) financial sponsorship (a) as a Parliamentary candidate where to the knowledge of the Member the sponsorship in any case exceeds 25 per cent of the candidate's election expenses, or (b) as a Member of Parliament, by any person or organisation, stating whether any such sponsorship includes any payments to the Member or any material benefit or advantage direct or indirect;
- (6) overseas visits relating to or arising out of membership of the House where the cost of any such visit has not been wholly borne by the Member or by public funds;
- (7) any payments or any material benefits or advantages received from or on behalf of foreign Governments, organisations or persons;
- (8) land and property of substantial value or from which a substantial income is derived;

- (9) the names of companies or other bodies in which the Member has, to his knowledge, either himself or with or on behalf of his spouse or infant children, a beneficial interest in shareholdings of a nominal value greater than one-hundredth of the issued share capital.

Saya senaraikan itu sebagai satu reference point di mana mungkin perkara semacam ini patutlah kita fikirkan. Saya bukan kata kita mesti slavishly ikut apa yang berlaku tetapi inilah perkara-perkara yang akan meninggikan imej, dignity Parlimen ini untuk meyakinkan rakyat bahawa Ahli-ahli Parlimen, Wakil-wakil Rakyat yang jujur, ikhlas dengan orang yang ada integrity.

Di sini saya ingin bertanya apa rationale apa basis untuk peruntukan mengenai pencen di mana selepas perubahan seorang Ahli Parlimen yang ada berkhidmat 3 tahun ada hak mendapat pencen. Tetapi untuk kakitangan Kerajaan, kenalah mereka berkhidmat genap 10 tahun, barulah ada hak untuk mendapat pencen. Saya rasa mesti ada satu rationale yang boleh diberikan untuk rakyat supaya perkara semacam ini bolehlah tidak dapat mengadakan satu gambaran yang tidak adil dan inilah pandangan saya dalam perkara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.28 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya turut membincangkan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Nampaknya wakil dari Petaling sendiri tidak faham tentang apa yang kita bincangkan sekarang walaupun dia menganggap dialah sahaja orang yang pandai dalam Parlimen ini dan dialah seorang yang levelnya tinggi dalam pemikiran sebagai seorang Ahli Parlimen. Tetapi bagi saya, saya menganggap wakil dari Petaling ini seolah-olah anjing yang hanya pandai menyalak

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong tarik balik cakap itu!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya hendak memberi perumpamaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh disebut anjing dalam Dewan ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Seperti anjing menyalak bukit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh dalam Dewan ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tidak boleh, saya tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pembentangan undang-undang ini pihak kita mengucapkan berbanyak terima kasih dan ini satu cara pihak Kerajaan akan mendapat Wakil-wakil Rakyat yang lebih baik, yang qualitinya lebih baik, qualitinya yang meningkat sebagaimana yang dikehendaki oleh wakil dari Petaling. Tetapi wakil dari Petaling telah menghina Ahli-ahli Dewan ini dengan mengatakan beyond their level di dalam pemikiran dengan menentang usul yang dibawanya kelmarin, pada hal usul yang dibawanya ialah usul yang telah saya katakan seperti tikus membaiki labu yang cuba hendak menunjukkan kuasanya, cuba hendak mengadakan kuasanya di dalam Kerajaan bagi pihak orang yang tidak mempunyai kuasa. Ini adalah pandangan seorang yang keciwa di dalam politik yang tidak mempunyai kuasa, cuba mendapatkan kuasa di dalam Akta yang dibawanya, yang dibincangkan dalam Parlimen ini. Jadi, ucapan-ucapan yang menganggap dirinya sahaja yang pandai dan Ahli-ahli Pembangkang sahaja yang pandai tetapi bagi kita adalah menganggap sepi dan kita rasa kemampuan yang ada pada Ahli-ahli Parlimen sekarang sudah cukup untuk menentang siapa sahaja daripada pihak-pihak Pembangkang termasuk Ketua Pembangkang sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peranan Ahli-ahli Parlimen ini tidak dinyatakan satu persatu tetapi walaupun begitu kita bagi pihak Ahli-ahli Parlimen dapat merasai sendiri bagaimana beban yang ditanggungnya untuk berkhidmat kepada rakyat daripada segala segi. Dan peranan yang dijalankan oleh Ahli-ahli Parlimen dari pihak Kerajaan adalah lebih berat daripada Ahli-ahli Parlimen daripada pihak Pembangkang yang hanya untuk mengkritik tanpa asas dan mencari salah orang lain dan tidak dengan tujuan membina atau menyokong menjayakan pembangunan. Ini adalah jelas sekali kerana beliau tidak pernah terlibat dengan Jawatankuasa-jawatankuasa, kerana kita tahu bahawa

pernah beberapa kali diminta dalam Dewan ini supaya wakil Pembangkang dilantik di dalam Jawatankuasa ini meminta hendak kerja tetapi pihak Kerajaan tidak akan percaya kepada musuh yang selalu untuk mengintip, untuk mencari kepentingan diri dan juga selalu menuduh pihak Kerajaan ini tidak mempunyai kebolehan sebagaimana beliau menganggap dirinya sahaja yang pandai yang lebih daripada segala-galanya.

Jadi pada akhirnya saya menyokong usul ini dan saya minta pihak Kerajaan mengadakan satu borang option—pilihan borang penerimaan dan tiap-tiap Ahli Parlimen yang hendak menerima tanggungaji ini menandatangani borang dan kita akan lihat sama ada wakil daripada pihak Pembangkang menandatangani dan menerima saraan yang kita bentangkan pada hari ini (*Tepuk*). Jadi dengan borang option ini, kita akan dapat menentukan apa suara Ketua Pembangkang tadi menerima atau tidak saraan kita ini. Ini adalah satu bukti yang konkrit dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.56 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepetah dua dalam membahaskan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980 yang dibentangkan dalam Dewan ini.

Sebelum daripada saya datang ke Dewan ini untuk mesyuarat kali ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah ditemui oleh banyak pengundi-pengundi saya meminta supaya saya merayu kepada Dewan ini, sebabnya pengundi-pengundi saya di Kedah sana bukan macam saya ini ataupun macam Ahli-ahli Yang Berhormat, mereka tidak tahu siapa yang boleh membuat undang-undang dan siapa yang tidak boleh membuat undang-undang. Mereka memikirkan, siapa menjadi Ahli Yang Berhormat—Ahli Dewan Rakyat ini dia boleh buat undang-undang. Jadi fahaman mereka begitu maka saya diminta membuat undang-undang supaya harga padi mereka dinaikkan sedikit daripada yang ada sekarang ini. Itu rayuan mereka kepada saya. Saya menjawab, Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka itu, yang

itu saya tidak tahulah. Yang saya tahu Ahli Yang Berhormat macam saya ini hendak mendapat elaun banyak, itu saya jawab.

Jadi, kebetulan pula Tuan Yang di-Pertua, apabila saya sampai ke sini, memanglah benda ini ada di hadapan saya. Bersetuju atau tidak bersetuju, itu tidak menjadi masalah (*Ketawa*). Kalau saya bersetuju pun, tuan-tuan luluskan juga undang-undang ini. Kalau tidak bersetuju pun, tuan-tuan luluskan juga undang-undang ini; tuan-tuan dapat, saya pun dapat (*Ketawa*). Itu masalah bersetuju atau tidak bersetuju. Tetapi masalahnya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat ini memanglah saya tengok pada hari ini mukanya jernih, gembira, masing-masing ada angan-angan, ada yang hendak berdua pun merasa-rasa sudah ada; kereta yang buruk yang hendak ditukar yang baharu itu pun sudah ada; itu bagi Yang Berhormatlah tetapi yang kita fikir sekarang, ialah masalah rakyat jelata sekarang ini. Ini masalahnya (*Ketawa*).

Kita sudah tahu, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*), sebelum daripada Rang Undang-undang ini dibawa ke dalam Dewan ini untuk menaikkan elaun ahli-ahli Parlimen ini, Kerajaan telah pun memberikan satu kenaikan gaji kepada pegawai-pegawai Kerajaan sebagaimana yang kita tahu. Jadi, selepas daripada 1hb Julai akan datang ini, kita tahulah bahawa pencurahan wang di dalam medan pembelian adalah terlalu banyak, maka sudah tentu kalaulah dianggap banyak wang yang diedarkan oleh kerana pegawai-pegawai Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen ini mendapat wang banyak, mahu tidak mahu harga barang mesti naik. Namun begitu, pihak Kerajaan telahpun memberi kenyataan-kenyataan meminta dan merayu kepada peniaga-peniaga jangan menaikkan harga. Itu bererti dengan wujudnya kenaikan gaji Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan wujudnya kenaikan elaun dan gaji pegawai-pegawai Kerajaan ini akan meningkatkan harga barang-barang di pekan (market). Siapa yang akan menanggung kesusahan, Tuan Yang di-Pertua? Tentulah rakyat jelata. Oleh kerana itu, saya mintalah kepada pihak Kerajaan di samping menaikkan elaun Ahli-ahli Yang Berhormat, di samping memberikan kemudahan-kemudahan kepada pegawai-pegawai Kerajaan, mestilah difikirkan juga harga barang-barang dan memikirkan pendapatan ahli-ahli pak tani, Ahli pak tani,

Tuan Yang di-Pertua, orang berbandang macam pengundi-pengundi saya, padinya tidak naik, harga begitulahuduknya, hendak naikkan sedikit harga padi, buat demonstrasi di Alor Setar pada 23hb Januari yang lepas, ditangkap pula oleh Kerajaan, untuk menaikkan harga padi daripada \$32 kepada \$40 ditangkap dan ditahan. Tidak cukup lagi ditahan ataupun ditangkap kepada pihak-pihak yang membuat demonstrasi, ahli-ahli PAS pun dikurungkan dalam tahanan sekarang ini, katanya PAS titiklah dan sebagainya, semuanya ada.

Ini masalah yang mesti difikirkan oleh pihak Kerajaan, bukan masalah hendak suruh saya duduk, itu bukan masalah, masalah yang akan dihadapi oleh kita sebagai Ahli Yang Berhormat. Kita tidak mahu yang kita akan dikatakan memanglah untuk mereka sebab mereka itu buat undang-undang, datang ke Kuala Lumpur masuk dalam Dewan Rakyat naikkan 100% elaun dan pak-pak tani di kampung siapa yang akan menyuarakan? Harga padi mereka tak naik, harga getah mereka tak naik, sekarang tuan-tuan dan puan-puan tahukah koko pun telah turun harga dengan wujudnya, dengan kedengaran hebohan bahawa Ahli-ahli Parlimen hendak naik elaun. Koko jatuh harga, kelapa jatuh harga, ini di manakah rakyat jelata hendak mengambil wang, gaji/elaun tak ada. Hak ini mesti difikirkan. Ini saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan, Menteri Pertanian, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, segala-gala Menteri ini fikir, jangan asyik fikir bab lain, jangan difikir sementara hidup ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Minta penjelasan. Sama ada Wakil dari Kota Setar ini sokong atau tidak sokong undang-undang ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat tunggulah dahulu, biar beliau berucap dahulu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, susah kita berbicara dengan orang baru masuk dalam Dewan ini (*Ketawa*). Yang Berhormat itu tak tahu, bila kita datang ke Dewan ini untuk berbahas, soal sokong atau tak sokong tak berbangkit

(Ketawa). Cara begitu gayanya, Soal pendapat kita sokong atau tak sokong ini tak berbangkit, kepada kami pihak Pembangkang ini tak jadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah ucapan saya atas membahaskan Rang Undang-undang ini. Soal sokong atau tak sokong tak berbangkit (Ketawa).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Setapak.

4.42 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama untuk membahaskan bagi menyokong Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, sukacitalah saya menarik perhatian sahabat saya dari Petaling yang minta penjelasan tadi daripada Perdana Menteri, saya ingat sayalah tolong jawabkan sementara Perdana Menteri belum menjawab (Ketawa), iaitu mengenai soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling kenapa Kerajaan menaikkan 100% kepada Ahli-ahli Parlimen, termasuklah juga kepada Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh diizinkan?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya hendak teruskan dahulu, kemudian itu

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu jawab, baik jadi Perdana Menteri.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya tak beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Setapak hendak benarkan?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tidak. Jadi termasuklah juga Ketua Parti Pembangkang naik 100% walaupun sahabat saya itu minta option, kita beri chancelah kepada dia, tak apalah kita tengok. Sebabnya Ketua Parti Pembangkang seorang, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada berapa juta manusia dalam Malaysia ini cuma 154 orang, jadi taklah ramai. Kalau kenaikan 100% ini tidak bolehlah dijadikan perbandingan dengan kenaikan pegawai-pegawai

Kerajaan ataupun perkhidmatan awam yang berjuta-juta orang yang mendapat faedah. Jadi jangalah kenaikan 100% ini menjadikan isu politik untuk kita menekankan sesuatu pihak yang tertentu, khasnya pihak Kerajaan. Kita sendiri tidak menerangkan sejelasnya kepada orang ramai kenapa Kerajaan berani menaikkan 100% kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, masalah tafsiran kenaikan ini terpujanglah kepada individu ataupun sesuatu parti politik untuk membuat tafsiran. Pada tanggapan Barisan Nasional, iaitu saya sendiri juga membuat tafsiran, Kerajaan berani menaikkan elaun Ahli-ahli Yang Berhormat 100% ini membuktikan Kerajaan ini jujur dan benar, tidak bersikap berpura-pura (hypocrite) sebab banyak tugas-tugas Ahli-ahli Parlimen dan Wakil-wakil Rakyat yang tak ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tahu apakah tugas tiap-tiap seseorang Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan kerja-kerja yang dijalankan, kecuali kalau kita menjadi Parti Pembangkang ataupun menjadi Ketua Parti Pembangkang, tugas-tugas mereka itu nampak sebab apa yang dibuat oleh mereka itu selalu mendapat sambutan daripada orang ramai, selalu mendapat perhatian surat-khabar-suratkhabar dan sebagainya tetapi tugas-tugas Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong Kerajaan yang buat kerja di luar-luar bandar siang dan malam yang tidak dihebohkan dalam surat-khabar dan sebagainya dan juga usaha-usaha yang dijalankan oleh mereka ini.

Saya mula-mula tadi sedih juga terhadap sikap Ketua Pembangkang kita yang banyak mengeluarkan pendapat berbentuk tanggapan ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggerisnya seolah-olah "insinuating" iaitu perkara-perkara yang dipersoalkan, perkara yang tersirat ataupun dalam bahasa Inggerisnya perkara-perkara "read between the lines" yang dibangkitkan menjadikan isu perkara-perkara yang akan datang, "mungkinkah" dan sebagainya dan kepada kemungkinan ini ditujukan pada hari ini seolah-olah merupakan satu kelemahan kepada pihak Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menarik perhatian sahabat baik saya juga daripada Kota Setar yang mengaitkan kenaikan harga, turun harga dengan tambahan ataupun kenaikan elaun Ahli-ahli Parlimen. Ini

juga saya rasa tidak tepat dan tidak kena pada tempatnya dan ini juga kalau sebagai seorang ahli politik bercakap tidak bertanggungjawab kepada orang ramai, mengaitkan kenaikan elaun ini dengan kenaikan harga barang-barang di pasaran biasa ini akan merosakkan pemikiran rakyat sebab yang bercakap itu Ahli Yang Berhormat yang telah mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi, bercampur-gaul dan tahu selok-belok keadaan yang sebenarnya pentadbiran Kerajaan dan juga yang kita semua tahu harga barang naik pada hari ini masalah keadaan di dalam dunia, bukan di negara kita sahaja. Jadi hasrat Kerajaan mengadakan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) pada hari ini sangatlah sesuai dan tepat dan janganlah kita menggunakan ini sebagai isu politik yang mengelirukan, yang menghancurkan dan menyayatkan hati orang ramai yang tidak berdosa dan mereka pun faham wakil-wakil Rakyat yang buat kerja atau tidak dan mereka tahu kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Wakil Rakyat. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat Parti Pembangkang pun serupa juga senasib dengan kami apabila menghadapi orang ramai hendak minta bantuan itu, minta bantuan ini, hendak pergi ke sana ke mari dan sebagainya. Jadi janganlah kita membangkit-bangkitkan isu ini menjadi satu isu politik yang mengeliru dan menyusahkan keadaan pada masa yang akan datang.

Perkara yang ketiga, saya hendak terangkan dan saya percaya barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah juga Ketua Pembangkang kita pernah ke luar negeri melihat keadaan Parlimen-parlimen di luar negeri, di negara yang telah maju. Perbezaan di antara kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Malaysia ini masalah kemudahan-kemudahan yang didapati oleh mereka daripada segi menguruskan perbelanjaan pentadbiran kesemuanya ditanggung oleh Kerajaan, membayar gaji secretarynya dan sebagainya, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Petaling tahu ini dan bagaimana pula Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen di sini tidak mendapat kemudahan-kemudahan ini dan inilah sebagai gantinya dengan tujuan dengan tambahan ini kita berharap akan dapat Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri bergerak lebih berkesan lagi membantu rakyat meringankan beban Kerajaan dan sebagainya.

Kalau tidak secara jujur menerangkan pengalaman kita yang kita tahu pengalaman di luar negeri dan tahu perbezaan-perbezaannya kepada rakyat jelata, sebaliknya pula kita menutup ilmu-ilmu pengetahuan dan pengalaman kita itu, kita membalikkan semata-mata kerana hendak mencari ke salah Kerajaan, saya ingat sikap itu adalah sikap pemimpin—walaupun parti Pembangkang, merupakan pemimpin yang tidak jujur kepada keadaan negara kita yang berbilang kaum dan berbilang ugama di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini juga saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ayer Hitam.

4.52 *ptg.*

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Speaker, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Speaker saya tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh anggota dari parti Pembangkang bahawa ini adalah satu kenaikan politik.

Yang sebenarnya seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya percaya dan saya yakin ada di antara Anggota-anggota Parlimen dalam Dewan ini yang jutawan, ada yang kaya dan ada kebanyakan daripada rakan-rakan saya yang boleh kita katakan kurang kaya, tetapi saya percaya maksud kenaikan gaji ini adalah untuk membawa prestige kita Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana saya ada satu pengalaman yang boleh dikatakan sedih dalam satu lawatan saya yang mana rakan saya Ahli Dewan Undangan Negeri dalam satu majlis perjumpaan yang mana Yang Berhormat rakan saya memberi arahan kepada orang kampung itu atas satu perkara yang penting. Tetapi malangnya jawapan dari seorang penduduk yang mana sebenarnya orang itu adalah seorang guru, mengatakan: "Yang Berhormat, gaji saya sebagai guru adalah lebih tinggi daripada Yang Berhormat sendiri. Saya fikir Yang Berhormat bukan seorang yang sesuai untuk memberi arahan".

Tuan Speaker, saya fikir pendapat guru itu memanglah bermakna (meaningful) kerana masa sekarang keadaan dunia adalah lain

daripada dahulu. Orang ramai menganggap kita sebagai lidah pemimpin patutlah datang daripada golongan orang yang ada prestige dan ada imej.

Saya fikir juga kalau seorang Ahli Parlimen atau Undangan Negeri yang gajinya rendah daripada seorang guru atau kakitangan bawahan, saya fikir Ahli Yang Berhormat sendiri mahu bercakap di hadapan orang ramai pun payah sedikit.

Apa yang saya ingin menegaskan di sini kepada rakan-rakan kita yang kaya, kita tidak perlu berasa malu menerima wang itu. Saya bercakap terus terang, saya juga seorang professional dan saya ada business klinik saya sendiri. Walaupun tidak ada elaun MP saya pun boleh hidup, tetapi saya fikir kebanyakan Yang Berhormat yang ada wang sendiri menggunakan elaun ini untuk faedah dan untuk kepentingan orang ramai. Saya tahu kebanyakan Yang Berhormat yang ada banyak wang sendiri menggunakan elaun ini untuk membayar elaun, dua tiga orang setiausaha maintain Pejabat Wakil Rakyat, membeli kertas, membeli typewriter, membeli Gestetner machine sendiri untuk Pejabat Wakil Rakyat dan saya juga percaya Ahli-ahli Yang Berhormat dengan mendapat elaun yang baru boleh menggunakan wang yang lebih ini bagi perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai.

Kepada Yang Berhormat yang kurang bernasib baik, yang lebih miskin saya fikir tambahan elaun ini membolehkan Yang Berhormat rakan-rakan kita untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan prestige yang lebih tinggi. Ini adalah penting saya fikir untuk menjalankan tugas kita dengan lebih berkesan dan cekap.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Muda.

4.57 ptg.

Tuan Mohamed Khir Johari: (Kuala Muda): Tuan Speaker, bagi pihak rakan-rakan seawat yang bersama-sama dengan saya dalam Parlimen ini semenjak 31hb Ogos, 1957, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kita yang telah membuat peruntukan dalam Jadual Pertama, muka 9. Saya bacakan peruntukan bersangkutan dalam muka 9:

“(4) Dalam hal seseorang yang telah menjadi Ahli atau Anggota dalam tempoh dari 31hb Ogos 1957 hingga 18hb Mac

1969 dan masih hidup lagi dia boleh diberi pencen di bawah perenggan kecil (1) dan (2) dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini berasaskan gaji akhirnya yang diselaraskan dengan gaji Ahli atau Anggota sebagaimana sesuai dan mengikut peruntukan-peruntukan Jadual ini.”

Begitu juga di muka surat 10 dalam Jadual itu juga ada peruntukan,
Peruntukan 4:

“(4) Dalam hal seseorang yang telah menjadi Ahli atau Anggota dan telah mati dalam tempoh dari 31hb Ogos 1957 hingga 31hb Disember 1969 dan meninggalkan orang-orang tanggungan dalam erti perenggan 8, orang-orang tanggungan itu boleh, dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, jika mereka tidak menjadi tidak layak di bawah perenggan 10 mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, diberi pencen terbitan di bawah perenggan 5, 6 atau 7, mengikut mana yang berkenaan, berasaskan gaji yang akhir sekali diterima oleh orang itu yang diselaraskan dengan gaji Ahli atau Anggota sebagaimana sesuai dan mengikut peruntukan-peruntukan Jadual ini.”

Macam mana saya katakan tadi, nampaknya Kerajaan kita tidak melupakan kepada Ahli-ahli yang telah berkhidmat kepada Parlimen ini semenjak tahun 1957 dahulu yang selama ini ketinggalan dan begitu juga anggota-anggota Kerajaan yang telah berkhidmat untuk negara semenjak kemerdekaan dahulu. Cuma satu sahaja komen saya di atas Bil ini iaitu mengikut muka surat 16 dalam Jadual Kedua dalam hal faedah akibat bencana, nampaknya di sini nyawa Ahli Parlimen ialah berharga sebanyak \$60,000 sahaja. Walhalnya kalau dia hilang satu mata dia boleh dapat sampai \$120,000, kalau hilang nyawa, langsung habis \$60,000 sahaja (*Ketawa*). Jadi saya tidak tahulah di mana ada logik tentang hal ini. Barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dapat memberi sedikit keterangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

5.00 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang pada mulanya saya tak bercadang

hendak bercakap, tetapi setelah saya mendengar hujah dari sahabat saya Yang Berhormat dari Petaling dan Yang Berhormat dari Kota Setar yang bangun memberikan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat mereka sebagai modal untuk mereka jawab kepada pengundi-pengundi yang telah mengundi mereka bahawa kami telah menentang keras kenaikan Ahli Parlimen (Saraan) ini sebagai satu bukti nanti, tetapi semasa mereka bercakap itu tidak menyatakan menyokong atau membangkang tak menyebut mereka itu menentang habis-habisan tentang kenaikan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak memberi jalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Semasa Yang Berhormat bercakap tadi, saya tidak mengganggu. Saya menarik perhatian tentang hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Petaling bahawa dengan kenaikan itu beliau berharap Ahli-ahli Parlimen akan menunjukkan prestasi yang lebih baik. Itu harapan daripada beliau sendiri. Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling adakah prestasi yang lebih baik, peraturan yang lebih baik yang diharapkan oleh beliau itu serupa yang dilakukannya semasa Tuan Yang di-Pertua bercakap, beliau masih berdiri? Inikah aturan dan peraturan yang dikehendaki semua orang mengikutnya? Kalau saya tak silap dalam Peraturan Mesyuarat kita mengatakan apabila Tuan Yang di-Pertua menegur seseorang ahli yang sedang bercakap, ahli itu mesti duduk, tetapi beliau berdiri semasa Tuan Yang di-Pertua bercakap. Saya tak tengok Yang Berhormat itu duduk. Inikah kelakuan yang dikehendaki oleh Pembangkang semua Ahli Parlimen mengikut?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau ikut Peraturan, banyak Peraturan yang tidak diikuti, macam dalam Dewan ini membaca ucapanpun dibuat juga kadang-kadang. Jadi kita ini ada kelonggaran, dalam kelonggaran-kelonggaran itu kita menjalankan perbahasan dalam Parlimen. Saya minta diteruskan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan seratus peratus ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari

Petaling terlampau tinggi dan tidak menegenangkan nasib rakyat dan kenaikan gaji kakitangan Kerajaan cuma 14%-28%.

Setahu saya Yang Berhormat Pembangkang itu tidak tahu tanggungan dan keadaan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada luar bandar, kerana Yang Berhormat itu dalam kawasan-nya semua sudah sedia. Ahli-ahli Pembangkang itu hanya boleh menang dalam kawasan yang sudah dibangunkan, mereka tidak tahu bagaimana susahnya wakil-wakil rakyat daripada Sarawak, Sabah, Ulu Kelantan, Trengganu dan sebagainya. Mereka boleh melawat seluruh kawasannya dalam masa dua jam selesai, tetapi bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dari luar bandar empat hari untuk hendak sampai daripada hujung kawasan sehingga ke hujung kawasan—ada yang satu minggu menurut kata rakan saya di sini. Ini tidak dapat digambarkan oleh Ahli-ahli Pembangkang. Mereka mengatakan patut Kerajaan menimbangkan tentang hal rakyat.

Saya ingin hendak menarik perhatian kebanyakan Ahli Pembangkang yang bersikap ketam menyuruh anaknya berjalan betul, tetapi diri mereka sendiri tak betul. Mereka bukan sahaja tidak menimbangkan hak rakyat tetapi mereka tidak pernah menimbangkan kebajikan ahli partinya sendiri. Maksud saya kebanyakan Ahli Pembangkang ini dia bertanding dalam dua kawasan: Parlimen pun dia, Negeri pun dia (*Tepuk*). Wakil dari Kota Setar dan wakil dari Petaling mengapa tak mahu beri peluang kepada orang lain? Ini menunjukkan sifat tamak. Ini berlawanan dengan harapan daripada mereka sendiri. Lain yang dicakap lain yang dibuat. Apa yang kita buat semua tak nampak.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling semenjak dahulu lagi, beliaulah menjadi Ahli Parlimen beliaulah menjadi wakil negeri. Mengapa tak mahu beri peluang kepada ahli-ahli penyokong partinya yang lebih cergas dan aktif? Ini kita hendak bertanya.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar kononnya hendak menimbangkan keadaan petani-petani yang harga padinya tidak naik, beliaulah Ahli Parlimen, beliau juga di Dewan Negeri, mahukah Yang Berhormat dari Kota Setar membelanjakan elauan Parlimen kepada petani di dalam kawasannya.

Saya ingin hendak bertanya Yang Berhormat dari Seremban juga mewakili dua kawasan: Parlimen dan Negeri. Banyak

daripada ahli Parlimen daripada parti DAP Parlimen dan Dewan Negeri kedua-duanya mereka bolot, tak beri peluang kepada rakyat langsung; bukan kepada rakyat, kepada penyokong-penyokong mereka pun mereka tak beri peluang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, dalam Peraturan 36 (6)—seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bercakap itu bukan saya borak, bukan saya mengada-adakan perkara yang tak ada; ini perkara benar. Apa yang saya cakap saya tidak mengadakan perkara yang tidak ada.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengingatkan tanggungjawab kita kepada para Menteri-menteri. Menteri-menteri kita bekerja siang malam kadang-kadang menggadai nyawa dan ada Menteri kita yang telah maut kerana jatuh daripada kapalterbang. Baru-baru ini ada seorang lagi Yang Berhormat Menteri Pertanian hampir-hampir juga maut (*Ketawa*) kerana menjalankan tugas. Oleh kerana bekerja keras daripada Menteri-menteri kita inilah maka negara kita telah maju, ekonominya begitu tinggi, negara membangun dan hasil pembangunan yang diikhtiarkan oleh para Menteri kita, maka keadaan pelaburan dalam negara begitu baik.

Tahukah Ahli-ahli Yang terhormat dari parti Pembangkang bahawa manager yang bekerja di kilang dan gudang-gudang mendapat gaji \$25,000 sebulan? Hasil daripada kerja keras para Menteri itu ekonomi negara kita tinggi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat jika Undang-undang ini diluluskan \$8,500 sahaja berbanding dengan manager tadi yang mendapat lebih daripada \$20,000. Itukah yang digaduh dan yang dibisingkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang tadi?

Saya fikir \$8,500 yang didapati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini bukanlah satu pendapatan yang seimbang dengan tenaga dan fikiran yang telah dicurahkan untuk meninggikan taraf ekonomi negara ini. Saya sangat malu dengan sikap Anggota-anggota Pembangkang ini yang memandang \$8,500 atau \$6,500 yang akan didapati oleh Menteri-menteri kita ini sangat tinggi pada hal mereka lupa, mereka menutup mata

tentang pendapatan yang boleh didapati oleh pekerja-pekerja swasta, eksekutif-eksekutif swasta lebih berlipat kali ganda. Dan saya mendapat faham, saya tidak tahu sama ada benar atau tidak tetapi gaji Yang Amat Berhormat Menteri itu dicadangkan lebih daripada itu, tetapi dengan kerelaan hati Yang Amat Berhormat sendiri tidak mahu menerima gaji yang lebih daripada itu (*tepuh*), cuma berkehendakkan \$8,500 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir hujah-hujah yang saya telah keluarkan ini memadai untuk menjawab hujah-hujah yang telah dikeluarkan oleh dua orang rakan saya daripada Parti Pembangkang itu dan dengan ini saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

5.12 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sedikit berkenaan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Di sini saya nampak beberapa Back-benchers termasuk Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi telah salah faham mengenai apa yang sudah dicakapkan oleh rakan saya dari Petaling. Beliau tidak mengatakan Ahli Parlimen tidak mampu atau tidak ada kualiti untuk naik gaji atau saraan, beliau kata ada kes untuk menaikkan saraan kepada semua Ahli Parlimen tidak bantah. Apa yang dikritikkan ialah pandangan dari rakyat, kalau semua Ahli di sini menjadi pemimpin kita mestilah memberi satu tauladan (model) kepada mereka.

Saya rasa semua Ahli di sini tahu dan faham rakyat jelata kita kebanyakan, 50%-60% ialah orang yang berpendapatan rendah yang di bawah garisan kemiskinan. Kalau jadi Ahli Parlimen yang gajinya selalu dinaikkan bulan 10%, 20% atau 30% tetapi naik 100%, saya ingat menjadi satu masalah yang besar. Ahli Parlimen sendiri tidak ada memberi tauladan yang baik, kita tidak membantah Menteri-menteri mendapat gaji yang tinggi—tidak. Saya pun faham dan tahu satu pengerusi di mana-mana Corporation yang besar di negara kita atau di luar negeri, Multi-National Corporation Pengerusinya mendapat sekurang-kurangnya \$10,000 atau lebih sebulan. Saya tidak bantah Perdana

Menteri mendapat \$8,000 atau \$10,000 dengan tanggungjawab yang sangat berat. Tetapi kita jangan lupa ada banyak constraints. Barangkali Menteri Kewangan ingat negara kita mempunyai banyak wang sekarang, jadi boleh diberi bonus atau gaji-gaji yang tinggi kepada semua Ahli Parlimen. Tetapi ada constraints dan kita mesti faham di kalangan rakyat ramai yang termasuk dalam golongan miskin, oleh sebab itu parti DAP mahukan Ahli Parlimen diberi gaji yang sesuai dan adil, kenaikan 100% adalah sangat tinggi . . . (Disampuk)—perkara itu boleh dibincangkan dalam Committee (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat tumpukan kepada Pengerusi Majlis.

Dr Chen Man Hin: Ini termasuk dalam debate perseorangan sekarang. Saya tidak mahu masuk debate perseorangan tetapi oleh sebab ada orang membuat gangguan apa sebab Ahli DAP ada dua jawatan bertanding dalam Parlimen dan bertanding dalam Negeri, itu bukanlah apa yang kami mahu tetapi itu adalah tugas. (*Ketawa*) Tetapi buku akaun DAP boleh disiasat, elau saya pergi ke mana boleh disiasat? Pihak Pembangkang campur dalam politik bukan untuk mendapat wang, kalau mahu wang masuk dalam Barisan—senang. (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tolong ringkaskan sedikit.

Dr Chen Man Hin: Boleh disiasat buku kami, di mana perginya elau kami—ke dalam pocket sendiri atau untuk parti. Oleh sebab itu, sungguhpun kita faham kenaikan gaji ialah satu masalah yang tepat dan pada masa ini oleh sebab inflasi gaji hendaklah naik sedikit tetapi kenaikan gaji yang dicadangkan ialah terlalu tinggi dan tidak berapa adil. Oleh itu pihak Parti DAP tidak boleh menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.17 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ikut menyertai perbincangan mengenai Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap ingatan saya 15 tahun yang lampau iaitu lebih kurang pada tahun 1965 sewaktu Rang Undang-undang yang lebih kurang sama dikemukakan di Dewan yang mulia ini dan kebetulan pada masa itu saya berpeluang sebagai penuntut berada di belakang sana sebagai pemerhati suasana dari meja Pembangkang pada masa itu, bahkan pada masa itu lebih ramai Ahli Pembangkang daripada sekarang adalah lebih riuh, lebih lantang, lebih kuat menentang Rang Undang-undang yang pada masa itu lebih kurang sama pada hari ini. Kalau tidak silap saya pada masa itu kenaikannya hanya merupakan 50% sahaja daripada apa yang pernah didapati oleh Ahli-ahli Parlimen sebelumnya.

Saya masih ingat jaguh-jaguh Pembangkang pada masa itu bangun mencabar pihak Menteri, bangun mencabar pihak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan mengenai permohonan tambahan elau yang tersebut dan sebelum saya masuk ke Dewan ini sekejap tadi saya mengharapkan nada yang sama dapat diterima atau didengari daripada barisan pembangkang yang ada pada hari ini. Mungkin juga, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perhitungan-perhitungan yang lain maka bangkangan-bangkangan yang kita dapati daripada saudara-saudara kita Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang sayangnya hanya tiga orang sahaja bercakap setakat ini adalah dalam keadaan serba salah.

Ahli Pembangkang yang pertama yakni dari Petaling berada dalam keadaan samar-samar sama ada hendak menyokong ataupun tidak. Hendak menyokong bererti akur dengan kemahuan dan kehendak Kerajaan; ini akan menjadi satu kejatuhan moral dari segi tugas Pembangkang. Kalau hendak membangkang mungkin sesuatu perhitungan yang lain terpaksa difikirkan selepas ini nanti kerana mungkin timbul atau bangun Ahli-ahli Parlimen dari pihak Kerajaan akan membuat cabaran-cabaran sebagaimana yang disuarakan, sebagai contoh, oleh sahabat saya dari Pasir Puteh sebentar tadi. Dan apabila bangun pula Ahli Pembangkang dari Kota Setar lagi kabur, Tuan Yang di-Pertua, bahkan saya dapat merumuskan bahawa sahabat lama Kerajaan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar ini langsung tidak berani menyebut kiri atau kanan, mahu atau tidak mahu bahkan apabila dicabar semasa sedang bercakap tadi

seolah-olah menampakkan kepada kita beliau juga bersetuju tetapi tidak berani menyebut tidak setuju.

Lingkar atau pusingan drama ini, Tuan Yang di-Pertua, telah pun tamat apabila bangunnya Ahli Yang Berhormat yang kedua yang tinggi tarafnya dari pihak DAP yakni Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Rupanya apa yang dikabur-kaburkan oleh pihak Yang Berhormat dari Petaling itu telah pun dicukupkan dengan nada ataupun suara yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Ertinya mereka juga menyokong tetapi demi kepentingan politik, mereka mungkin mahukan penyokong-penyokong mereka mendapat gambaran bahawa mereka menentang Rang Undang-undang ini seperti juga mereka menentang Rang Undang-undang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya biarlah kita berterus terang sesama sendiri sama ada daripada pihak Pembangkang mahupun daripada pihak Kerajaan dalam masalah ini sepertimana yang disebutkan oleh saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Backbenchers Kerajaan tadi bahawa permintaan atau peruntukan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ini adalah difikirkan menasabah setelah diambil perhatian atas perhitungan tentang faktor-faktor yang menyelubungi ataupun wujud di sekitar ekonomi dan sosio-ekonomi negara ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah maha tidak kena kalau kita hanya hendak membandingkan kenaikan sebarang saraan kepada Ahli-ahli Parlimen dengan pihak-pihak lain sama ada pihak pegawai-pegawai Kerajaan mahupun pihak-pihak yang lain lagi kerana kedua-dua ataupun di antara bidang-bidang atau lapangan-lapangan ini adalah berbeza dan berlainan tugas dan fungsi masing-masing dan kita pun tidak menaikkan elau ini tiap-tiap hari, tiap-tiap bulan, tiap-tiap tahun ataupun selalu sepertimana yang disebutkan atau disalah sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban tadi. Ini hanya berlaku tidak kurang daripada 15 tahun yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini rasa saya elok kalau pihak Pembangkang bersama-sama dengan Kerajaan disamping kita semua menerima nikmat dan syukur ke Hadrat Allah subhanahu wa taala mengenai perkara

ini, sama-sama kita berdepan dengan rakyat, berlaku jujur dan ikhlas kepada rakyat, menerangkan kenapa dan betapa perlunya Rang Undang-undang ini dikemukakan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia pada hari ini. Sekian, terima kasih dan saya menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.25 *ptg.*

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pada petang yang mulia ini memberi sokongan yang kuat ke atas Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Di dalam hujah-hujah saya untuk menyokong perkara ini nampaknya di antara beberapa banyak Rang Undang-undang yang dibawa ke dalam Parlimen ini, Rang Undang-undang inilah yang lebih menarik sekali pada petang ini di dalam Dewan yang mulia ini kerana dalam membentangkan Rang Undang-undang ini kita mewujudkan tiga pelakun baru. Pada nadanya mereka ini menjadi pelakun datangnya dari Petaling, Seremban dan Kota Setar. Mereka berlakun seolah-olah menentang tetapi pada zahirnya mereka menyokong daripada apa yang dikatakan oleh mereka itu, mereka menyokong apa yang mereka hendak dapat malah mereka akan dapat lebih daripada Wakil-wakil Rakyat daripada Barisan Nasional sendiri dan ada pula seorang pelakun yang mengatakan: kalaulah saya berkehendakkan wang yang lebih, lebih baik saya masuk Barisan Nasional. Ini jangan khuatir, kita tidak berkehendakkan orang yang semacam itu memasuki dalam Barisan Nasional, kerana kita orang Barisan Nasional adalah orang-orang yang boleh memikirkan secara rasional dan praktikal.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang ini sahabat saya dari Petaling dalam hujahnya buat pertama kali beliau ada mengatakan lebih banyak duit lebih baik—sky is the limit. Bukankah itu membuktikan bahawa beliau sendiri berkehendakkan kepada duit. Kalau kita bandingkan dengan Wakil Rakyat semacam saya ini, kita tidak dapat banyak, dia dapat banyak duit sebab menjadi Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri dan sebagai Ketua Pembangkang; kalau dijumlahkan elau Ketua Pembangkang ini harus hampir sama banyak dengan Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya manusia yang tidak mahu banyak duit ini hanya manusia yang layak dihantar kepada dua "kolej" yang kita ada di Malaysia ini; satu di Perak dan satu lagi di Johor (*Ketawa*).

Tidak ada manusia yang tidak mahu wang yang banyak, tetapi memandangkan betapa beratnya tanggungjawab sebagai seorang Wakil Rakyat maka sewajarnya terutama sekali bapa-bapa Menteri kita yang tanggungjawabnya begitu banyak perlu kita memberi pertimbangan supaya ongkos mereka ditambah memandangkan tanggungjawab yang mereka tanggung pada masa ini begitu berat sekali untuk mengamankan dan memajukan negara kita pada hari ini.

Selain daripada itu sahabat saya dari Kota Setar pula kononnya sebelum dia datang tadi katanya dia pergi tanya pengundi-pengundinya, dia ungkit pula dengan harga padi. Ini memancing undi nampaknya! Tetapi kita jangan lupa Wakil dari Kota Setar itu dia pergi sekerat daripada bahagiannya, sekerat lagi sudah cabut tidak mahu sokong dia lagi. Sebelah Bukit Raya orang tidak sokong dia jadi kalau dia tanyapun tanyalah pak tani sekerat sahaja, bukan menyeluruh kerana didalam kawasan Bukit Raya baru-baru ini kita telah tawan, orang tidak percaya kepada Wakil Kota Setar. Insya Allah, kalaulah kedudukan macam itu saya rasa Wakil Kota Setar ini pun dalam pilihanraya akan datang belum tentu akan berada di dalam Dewan ini. Dan beliau pula membangkitkan masalah kenaikan harga padi sehingga ada orang mereka kena tagkap dan ditahan. Kena tangkap dan ditahan itu adalah hadiah kepada mereka kerana jadi johan membaling Wisma Negeri dengan batu dan bata jadi sudah sewajarnya dan Kerajaan bukanlah sewenang-wenangnya tangkap mereka ini, orang mereka sendiri mengaku apa yang mereka buat untuk mengkhianati negara kita ini.

Jadi itu janganlah jadi masalah kerana mereka itu membuat satu perkara yang tidak baik akibatnya ditangkap dan ini pun pihak Kerajaan kita masih menyiasat adakah betul atau tidak supaya mereka itu boleh ditahan lama atau tidak kerana mereka telah jelas sekali diketahui umum bahawa ramai daripada ahli-ahli parti mereka terlibat dengan pertubuhan sulit yang akan merosakan perpaduan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu beliau ada juga mengatakan saya hendak sokong pun dak, hendak bangkang pun dak, cara nada Kedah itu. Di sini saya katakan tadi menjadi pelakun dalam sandiwara sahaja tetapi sayang sekali beliau ini pernah duduk di sebelah Kerajaan dan menjadi Kerajaan pada satu masa dan sehingga kedudukan dia sendiri pun dia tidak tahu. Tetapi dibalik itu, di belakang hati perutnya, dia kata sokong, saya hisap dari Parlimen \$3,000, State lagi \$2,000 dan beliau ada kata tadi, "harus Wakil-wakil Rakyat lain hendak tukar keretalah kalau dapat had ini", walhal saya tahu sahabat saya daripada Kota Setar kalau naik Bukit Kancing enjin keretanya tidak mati tetapi wakil itu ada 300D sebelum daripada menjadi Wakil Rakyat lagi. Jadi dari segi kemudahan yang dia dapat dari State dan Parlimen itu, itulah bezanya ia dapat pakai 300D walhasil Wakil Rakyat macam saya daripada Barisan Nasional membeli kereta tahun 1965 dan bila naik Bukit Kancing kereta mati selalu. Jadi bersyukurlah kita. Yang sebenarnya kepada mereka itu patut bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala kerana mendorong pemimpin-pemimpin kita menaikkan elaun saraan ini bukan untuk kita sahaja malah dekat depa pun kita hendak beri.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mencabar ketiga-tiga Wakil Rakyat tadi yang datang dari Petaling, Seremban dan juga Kota Setar supaya jangan terima kalau betul-betul tidak menyokong dan saya juga mencabar wakil Petaling supaya minta elaun Ketua Pembangkang itu dikurangkan, kalau boleh, jangan terima kerana nadanya tidak mahu terima.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah berhajat hendak bercakap panjang dalam Dewan ini, saya hanya bersama rakan-rakan saya sebelah Kerajaan ini sudah tentu kita tidak menjadi pelakun dalam sandiwara. Kita sokong benda yang patut disokong, benda ini macam saya katakan tadi kalau semua kita tidak sokong ada dua kolej yang kita patut hantar.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dengan sekuat-kuatnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri.

5.34 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita. Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun mengeluarkan pendapat dan pandangan yang amat berguna supaya rakyat sekalian dapat memahami akan peranan dan tanggungjawab yang amat berat dipikul oleh Wakil-wakil Rakyat dan juga Anggota-anggota Pentadbiran. Lainlah kesah bagi pihak Pembangkang, sememang itulah kerja dia malangnya kita tambah pula elau dia untuk mengkritik Kerajaan atas sebarang cadangan yang cuba hendak dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah menimbang dengan halusny cadangan untuk hendak menyemak dan mengulangkaji elau serta gaji lain-lain kemudahan bukan sahaja untuk Ahli-ahli Parlimen, Anggota-anggota Pentadbiran dan lain-lain pihak yang disebut di dalam Rang Undang-undang ini oleh kerana difikirkan, sebagaimana yang telah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekejap tadi apabila mengemukakan Rang Undang-undang ini, tugas dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen sekarang ini amatlah berat dan dalam demokrasi berparlimen untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen menjalankan tugas dan khidmatnya maka perlulah diberi segala kemudahan yang difikirkan مناسب untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat itu meneruskan khidmatnya dengan baik. Maka sebab itulah Kerajaan telah mengambil peluang ini untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini bagi menyemak elau, gaji dan lain-lain kemudahan untuk Ahli-ahli Parlimen dan lain-lain pihak.

Sukalah saya menambah apa yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari golongan Backbench tadi tentang peranan dan tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya orang tidak memahami tugas sebenar Wakil-wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat sama ada yang menduduki kerusi-kerusi dalam Dewan yang mulia ini ataupun sebagai Senator yang dipilih oleh

Kerajaan-kerajaan Negeri menerusi sidang Dewan Undangan Negeri atau sebagai anggota yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke dalam Dewan Senate. Mengenai peranan mereka ini kewajipan utama ialah untuk mengambil bahagian di dalam persoalan perundangan, mengadakan undang-undang dan menentukan supaya peruntukan-peruntukan yang memang disediakan oleh sama ada pihak Kerajaan ataupun oleh Ahli Persendirian akan melindungi kepentingan-kepentingan pihak awam, melindungi hak-hak asasi rakyat yang diwakilinya, lebih-lebih lagi untuk menjaga kedaulatan Perlembagaan yang ada sama-sama didokong oleh semua rakyat supaya jangan tercabul kedaulatannya. Ini peranan utama dan tanggungjawab serta kewajipan utama Ahli-ahli Parlimen sama ada diperingkat Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara.

Oleh kerana keadaan dalam negara kita ini berbeza dengan keadaan di negara-negara yang lain kadang kala rakyat sendiri pun terlupa tentang tanggungjawab dan kewajipan Wakil Rakyat dan mereka ini disifatkan sebagai hamba abdi kepada mereka. Wakil-wakil Rakyat yang dipilih oleh mereka lima tahun sekali atau empat tahun sekali kalau pilihanraya umum itu diadakan dengan cepat ataupun di dalam pilihanraya kecil mereka ini dianggapkan sebagai pegawai masyarakat untuk tolong membeli ikan, membeli sayur di kedai; untuk tolong membawa anak ke hospital untuk mendapat rawatan; untuk tolong barangkali mengiringi jenazah untuk dikebumikan kerana tidak cukup kewangan untuk membantu orang yang telahpun meninggal dunia. Tidak salah anggapan ini. Sememangnya ini adalah harapan daripada rakyat itu sendiri, rakyat yang diselubungi oleh iklim ke desaan dan ke kampungan. Rakyat mengharapkan kepada Wakil-wakil Rakyat ini sebagai pemimpin masyarakat, pemimpin yang boleh bukan sahaja memberi nasihat tetapi juga boleh memberi perlindungan dan harapan kepada rakyat yang dipimpinya dan mereka inilah yang memikul tanggungjawab ini dari hari ke sehari selain daripada menjadi Ahli Perundangan, ahli yang terlibat secara langsung untuk menyemak undang-undang, untuk menentukan supaya setiap peruntukan yang telahpun dibuat di dalam Rang Undang-undang itu akan melindungi dan memelihara hak dan

kepentingan rakyat seluruhnya. Inilah peranan tambahan yang diberi kepada Wakil-wakil Rakyat sejak kita mengadakan pilihan-raya pertama dalam tahun 1955.

Di samping itu bukan sahaja Ahli-ahli Dewan Rakyat yang dipilih oleh rakyat ini terpaksa menanggung bebanan yang berat sebagai pegawai yang menjalankan kebajikan untuk menolong rakyat atas masalah-masalah kemasyarakatan tetapi juga perlu sebagai penyokong-penyokong Kerajaan menjalankan tugas-tugas rasmi menduduki sebagai anggota dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah, menduduki di dalam berbagai-bagai Jawatankuasa termasuk soal-soal keselamatan yang perlu diliputi di dalam bidang tugas yang amat luas sehinggalah sampai membantu rakyat mendirikan surau, masjid, mengadakan sekolah dan sebagainya. Ini semuanya terkeluar daripada bidang tugas Wakil Rakyat tetapi dibebankan juga kepada Wakil Rakyat oleh kerana Wakil Rakyat dianggap sebagai pemimpin yang diharapkan oleh mereka. Itulah sebab Wakil Rakyat merana kadangkala. Merana oleh kerana tidak dapat hendak menanggung beban dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya, tetapi apalah boleh buat kerana negara memerlukan kepada tenaga mereka ini. Negara memerlukan kepada jasa mereka itu supaya terus berkhidmat sebagai penyambung lidah di antara rakyat dengan Kerajaan, supaya hasrat rakyat itu akan dapat dikemukakan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit di kampung, di bandar-bandar, dan di merata tempat yang diwakili.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membangkitkan masalah ini, saya sukalah memaklumkan bahawa wakil-wakil rakyat kita yang dipilih oleh rakyat menjalankan tugasnya sepenuh masa, bukan part-time, bukan quarter-time, maaf saya menggunakan perkataan Inggeris, tetapi tidak ada perkataan dalam bahasa Malaysia yang tepat. Sungguhpun tugas mereka ini patut meliputi masa-masa yang ada kaitan dengan perundangan sahaja tetapi mereka ini terpaksa menjalankan sepenuh masa. Kalau mereka tidak melawat kawasan, rumah mereka akan dilawati oleh rakyat, hendak tidak hendak kopi mesti disediakan; macam-macam yang mesti dibuat. Kalau orang tidak ada tambang hendak balik rumah, wakil rakyat jugalah dibeban untuk memberi wang. Kalau pun tidak sempat mengirim dan menghantarnya balik dengan

motokar sendiri. Ini semuanya bukan tanggungjawab wakil rakyat, tetapi ini adalah adat yang sudah dikenali oleh rakyat di Malaysia ini, yang sudah pun dialami oleh rakyat di Malaysia, tidak dapat dipisahkan peranan wakil rakyat dengan rakyat yang diwakilinya. Itulah sebab beban itu berat. Dan tidak boleh kita hendak bandingkan dengan apa yang berlaku di negara-negara luar, di negara-negara maju seperti Congressman di Amerika Syarikat, seperti Ahli Parlimen di United Kingdom ataupun negara-negara maju yang lain termasuklah negara Jepun. Mereka berlatar belakangkan agak berlainan, jauh dengan wakil-wakil rakyat kita yang kebanyakannya datang daripada golongan yang tidak berada. Mereka tidak mempunyai harta banyak. Kalau hendak isytiharkanpun mungkin malu, tidak ada banyak hendak diisytiharkan (*Ketawa*).

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini boleh dikatakan kebanyakannya bergantung harap kepada apa yang diberi oleh Parlimen ini sendiri, oleh Dewan ini sendiri. Katakanlah, sidang belanjawan yang berjalan selama 50 hari lebih, hampir dua bulan lamanya, mereka menetap di Kuala Lumpur untuk mengikuti perbincangan-perbincangan dalam sidang Belanjawan itu. Tinggal anak isteri, tinggal kampung halaman dan tinggal kerja, kalaulah mereka ini ada pekerjaan ataupun ada perniagaan. Kalau tinggal perniagaan yang mereka ada itu, sudah tentu mereka akan menanggung kerugian daripada pendapatannya. Jikalau mereka ini dianggap sebagai pemimpin yang bertugas sepenuh masa (full-time) untuk melayan kehendak rakyat, menjaga dan memelihara kepentingan rakyat sudah tentu mereka ini tidak ada masa untuk mencari makan dengan cara yang lain.

Memanglah \$3,000 yang dikatakan elaun ini boleh dianggap sebagai gaji, boleh dianggap sebagai sumbangan terhadap saraan hidup keluarga wakil rakyat itu sendiri, kerana tidak sempat mencari jalan lain untuk menambah pendapatan mereka. Mereka ini bukanlah sebagaimana saya katakan tadi seperti Ahli-ahli Kongres di Amerika Syarikat yang mempunyai corporation-corporation kesemuanya terdiri daripada orang-orang jutawan belaka. Seperti juga di negara-negara maju yang lain.

Kalaupun mereka ini terdiri daripada ahli jutawan, katalah, bilangannya kecil di antara Ahli-ahli Dewan Rakyat pada masa ini, jikalau mereka itu mempunyai professionnya

sendiri sama ada sebagai lawyer atau doktor, apabila mereka meninggalkan pejabat untuk menjalankan tugas dan urusan resmi sama ada menghadiri mesyuarat di Dewan Rakyat yang mulia ini ataupun di tempat-tempat yang lain terpaksa juga berkhidmat secara bersendirian (personal service) yang perlu diberi oleh seorang doktor ataupun seorang lawyer, seorang dentist mesti dihentikan. Dengan cara itu maka kehilanganlah mata pencariannya buat beberapa ketika.

Ketua Pembangkang pun fahamlah saya rasa sebagai seorang lawyer yang terpaksa memberi khidmat secara persendirian sebagai seorang lawyer.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat kita memanglah berlainan kedudukan-kedudukan dengan keadaan-keadaan yang berlaku di Amerika Syarikat dan negara-negara maju. Tidak boleh kita hendak membandingkan.

Kalaulah dikatakan ini kali kita menaikkan tambahan sebanyak 100%, sukalah saya jelaskan di sini bahawa dalam tahun 1971 pun Dewan ini juga meluluskan peruntukan menaikkan elaun Ahli-ahli Dewan Rakyat sebanyak 100% dan telah disokong oleh Dewan ini.

Kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai Kerajaan di mana Kerajaan telahpun membuat semakan dua kali iaitu pertama sekali dalam tahun 1976 dan kali yang kedua ialah pada awal tahun 1980 ini mengenai tanggagaji kakitangan Kerajaan. Didapati tidak berbeza, kerana ada kumpulan-kumpulan di dalam Perkhidmatan Awam itu yang mendapat kenaikan gaji 100% daripada masa semakan itu dibuat dalam tahun 1976 dan ada pula oleh kerana kenaikan tiap-tiap tahun pada masa tanggagaji maka dia telah mendapat pendapatan yang lebih daripada 100%.

Sungguhpun demikian saya fikir tidak patut kita membuat bandingan di antara satu golongan masyarakat dengan satu golongan yang lain oleh kerana tugas dan peranan serta tanggungjawab amatlah berlainan sekali, tetapi apa yang perlu dititikberatkan ialah masalah tugas wakil-wakil rakyat itu sendiri. Kalau mereka itu merana tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya sudah tentu negara ini tidak dapat dipimpin sebagaimana yang dapat kita lihat pada masa ini. Amananya, baiknya, bertambah makmur oleh kerana

bijak wakil-wakil rakyat yang menjadi pemimpin, pemimpin rakyat mengamankan pemikiran mereka supaya dapat kita hidup dalam aman dan sentosa.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga pihak Pembangkang telah membangkitkan sekejap tadi menyoal apakah asas pencen yang dicadangkan di dalam Jadual Pertama Rang Undang-undang ini. Dibuat sehingga membolehkan orang yang berkhidmat selama 5 tahun sekurang-kurangnya kepada kemudahan-kemudahan ini ataupun faedah ini. Sukalah saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa di bawah Undang-undang yang ada sekarang ini eligibility ataupun syarat membolehkan seseorang itu mendapat pencen ialah berkhidmat selama sembilan tahun. Tetapi pada kebiasaannya, oleh kerana sidang-sidang ataupun satu-satu Parlimen tidak pernah mencukupi tempoh 5 tahun kerana dibubar dalam masa 4 tahun ataupun 4 tahun 3 bulan, ada kalanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih sebagai wakil rakyat tidak sempat berkhidmat selama 9 tahun sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Undang-undang sekarang. Oleh sebab itulah Kerajaan memikirkan elok kita mencari jangka masa yang agak bersesuaian sedikit dengan khidmat yang akan diberi oleh wakil rakyat kepada negara menerusi Dewan ini. Mengapa 3 tahun? Kerajaan telah memilih 3 tahun oleh kerana memandangkan kepada pindaan yang telahpun dibuat oleh Kerajaan kepada khidmat ataupun tempoh khidmat yang akan diberi oleh seseorang Ahli Dewan Negara. Dengan pindaan kepada Perlembagaan yang telah dilakukan beberapa ketika dahulu untuk menghadkan perkhidmatan seseorang Ahli Dewan Negara itu pada 3 tahun.

Maka wajarlah kita fikir kalaulah seseorang yang berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun itu diberi faedah pencen ini dan sudah tentulah kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi Wakil Rakyat akan terus berkhidmat apabila diberi peluang untuk berkhidmat sekiranya mereka itu dipilih dalam pilihanraya. Siapa yang akan meneruskan perkhidmatannya dalam Dewan ini belum lagi diketahui kerana ianya akan diukur oleh rakyat itu sendiri.

Apabila kita bercakap tentang ukuran, tentang prestasi ataupun peranan seseorang Wakil Rakyat itu teringat saya kepada percakapan Yang Berhormat dari Petaling.

Bersandarkan kepada hujah-hujah yang dibuat oleh seorang penulis dalam akhbar *Sunday Mail* keluaran hari Ahad yang lepas—saya pun membacanya. Tidak hairanlah seorang penulis ini membuat berbagai-bagai rekaan terhadap peranan Wakil-wakil Rakyat sebagaimana yang dilihatnya daripada ruang di atas sana. Tetapi sukalah saya mengingatkan kepada semua pihak bahawa peranan dan tanggungjawab Wakil Rakyat ini luas daripada menduduki kerusi-kerusi dalam Dewan yang mulia ini. Tidak boleh hendak dipandang daripada ruang sana sahaja apabila hendak mengukur apakah peranan Wakil-wakil Rakyat di sini. Adakah mereka itu bijak berbahas, bijak mengeluarkan pandangan untuk mengubah sesuatu dasar Kerajaan dengan pengaruh yang diperolehinya sebagai Ahli Dewan Rakyat. Saya fikir itu bukan ukurannya, ukurannya adalah sebagaimana berkesan khidmatnya kepada negara menerusi kawasan-kawasan yang diwakili oleh Wakil-wakil Rakyat itu sendiri (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalaulah kita ini hendak bersandar kepada pengalaman yang diperolehi di negara-negara yang maju seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Petaling sekejap tadi, saya fikir tidak bijak kerana ini bukan England, ini bukan Amerika, ini bukan Jepun, ini Malaysia (*Tepuk*) keadaannya berlainan, cara pemikiran rakyat kita berlainan, sensitivity yang dihadapi oleh kita berlainan. Itulah sebab tidak payah kita bersandar kepada pengalaman-pengalaman orang lain kerana kita mempunyai pengalaman sendiri kita berkeupayaan untuk menghadapi masalah dalam negara kita ini sendiri sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat dalam negara yang merdeka dan berdaulat.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah mengambil bahagian sekejap tadi untuk menyokong cadangan ini. Saya percaya pihak Pembangkang kalaulah mereka itu tidak menjadi Pembangkang kalaulah mereka menyokong juga oleh kerana ada salah seorang pemimpin DAP telah datang menemui saya mengenai Ahli Parlimen (Saraan) ini. Saya tidak mahu mengemukakan namanya di sini, apabila saya bertanya apakah pandangan saudara, dia kata \$3,000 itu sekurang-kurangnya baharulah dapat kita

berkhidmat. Jadi, inilah hasrat mereka sendiri (*Tepuk*). Kalau itulah hasratnya maka saya percaya ini hanyalah mainan politik sahaja (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*.)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7—

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan pindaan kepada Fasal 7 dalam naskah Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris seperti yang terkandung dalam kertas pindaan yang mana telahpun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian. Pindaan itu seperti di bawah ini:

Fasal 7

Gantikan perenggan (a) dengan perenggan (a) yang baru—

“(a) bermula dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, atau dari tarikh perlantikan atau pilihan, yang mana yang terkemudian, Ahli Parlimen, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran, Ketua atau Timbalan Ketua Dewan Rakyat atau Ketua Pembangkang, mengikut mana yang berkenaan”.

Clause 7

Substitute for paragraph (a) the following new paragraph—

“(a) commence from the date of the coming into force of this Act, or from the date of appointment or

election, whichever is the later, of the Member of Parliament, the President or Deputy President of the Senate, the Speaker or Deputy Speaker of the House of Representatives, the Members of the Administration, the Leader or Deputy Leader of the House of Representatives or the Leader of the Opposition, as the case may be;"

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 7 seperti dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8 hingga 14—

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dan saya mahu membuat satu pertanyaan sahaja mengenai Fasal 10 dalam bahasa Inggerisnya yang berbunyi:

"10. The amounts specified in or under this Act as being the amount of any salaries, allowances or benefits payable out of monies provided by Parliament and not charged on the Consolidated Fund shall be taken to be the maximum amounts so payable, and notwithstanding the provisions of this Act or any provisions made under it as to such amounts, the salaries, allowances and benefits payable in any month in respect of any office may be of lesser amounts than those specified or prescribed."

Ertinya boleh berlaku variability tetapi nampaknya tidak ada apa-apa dalam peruntukan mengenai siapa berkuasa atau apa badan yang menjalankan peruntukan ini, kalau hendak dibawa balik ke Parlimen tak payah, jadi tentulah ada satu badan tetapi nampaknya tidak ada dalam Rang Undang-undang ini. Itu yang saya hendak tanya sahaja.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Ini adalah peruntukan biasa yang dilakukan terhadap apa-apa juga pembayaran elau, gaji dan sebagainya dan badan yang berkuasa terhadap ahli-ahli pentadbiran ialah Kerajaan dan badan yang berkuasa terhadap Ahli-ahli Parlimen ialah Parlimen sendiri.

Tuan Pengerusi: Ada lain Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap? Tidak ada.

Fasal 8 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan pindaan kepada Jadual Pertama, perenggan 3 seperti yang terkandung dalam kertas pindaan yang telahpun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dan juga, Tuan Pengerusi, saya ingin membuat pindaan kepada Jadual Pertama, perenggan 8 di dalam naskah bahasa Inggeris seperti yang diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ini ialah oleh kerana typographical error. Pindaan-pindaan itu seperti di bawah ini:

Jadual Pertama

Perenggan 3

Gantikan perkataan-perkataan "Setiausaha Politik" di mana terdapat di perenggan kecil (1) dengan "Setiausaha Parlimen".

1st Schedule

Paragraph 8 (1)

Insert immediately after the word "pension" the word "may".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual Pertama seperti dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen, 1980 dibaca pada kali yang kedua.

Semasa mengumumkan tanggungaji baru dan syarat-syarat perkhidmatan bagi kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan baru-baru ini, Kerajaan juga telah mengumumkan:

- (a) bahawa pencen yang dibayar kepada pesara-pesara dan orang-orang tanggungan kakitangan-kakitangan atau pesara-pesara yang telah meninggal dunia akan diselaraskan berdasarkan tanggungaji yang telah diumumkan itu;
- (b) bahawa pencen terbitan kepada balu-baluk kakitangan Kerajaan akan dibayar untuk seumur hidup; dan
- (c) kakitangan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 25 tahun akan dibayar pencen tidak kurang daripada \$180 sebulan.

Keputusan tersebut akan hanya melibatkan penerima-penerima pencen yang masih hidup pada 1hb Julai, 1980 dan oleh kerana perlaksanaannya adalah serentak dengan pelaksanaan gaji baru yang telah diumumkan, maka ianya tidak akan melibatkan sebarang pembayaran tunggakan kepada penerima-penerima pencen berkenaan. Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini adalah bertujuan melaksanakan keputusan-keputusan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil berat ke atas kebajikan kakitangan-kakitangannya serta keluarga mereka, bukan sahaja semasa mereka masih berkhidmat tetapi juga setelah tamat perkhidmatan mereka, sama ada oleh kerana telah bersara ataupun meninggal dunia. Sebagai buktinya, pada tiap-tiap kali diadakan penyemakan semula gaji, Kerajaan juga tidak lupa memberi perhatian ke atas faedah-faedah tamat perkhidmatan yang dibayar kepada pesara-pesara atau orang-orang tanggungan mereka. Walau bagaimanapun, di masa yang lepas Kerajaan hanya memberi faedah tambahan pencen secara ad hoc sahaja, iaitu dalam bentuk elaun tambahan, elaun bantuan khas dan elaun tambahan pencen sebanyak 20% untuk faedah pesara-pesara dan orang-orang tanggungan yang tidak sempat menikmati faedah semakan gaji berkenaan.

Kerajaan menyedari bahawa penyemakan secara *ad hoc* adalah tidak memuaskan, oleh yang demikian Kerajaan telah memutuskan

supaya faedah pencen kepada semua pesara termasuklah orang-orang tanggungan mereka diselaraskan berdasarkan kepada tanggungaji semasa berikutan dengan gaji yang akan berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980. Dengan ini bermakna bahawa pencen yang dibayar kepada seseorang itu akan dikira semula berdasarkan gaji akhir yang sepatutnya diterima oleh seseorang kakitangan Kerajaan pada tarikh sebelum tamat perkhidmatannya dahulu seolah-olah beliau bersara di bawah tanggungaji baru yang akan dilaksanakan.

Misalnya, seorang Polis berpangkat Sarjan yang telah bersara pada tahun 1936 akan diberi faedah pencen yang dikira berdasarkan gaji Sarjan yang akan berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980. Kerajaan juga telah memutuskan supaya seseorang pesara yang telah berkhidmat selama tidak kurang daripada 25 tahun hendaklah dibayar pencen sekurang-kurangnya sebanyak \$180 sebulan. Ini adalah wajar memandangkan bahawa seseorang kakitangan yang berkhidmat dalam tanggungaji yang terendah, iaitu D 47 dalam perkhidmatan awam selama tempoh 25 tahun sepatutnya telah mencapai gaji maksima sebanyak \$360 sebulan pada tarikh pesaraannya dan oleh yang demikian melayakkannya mendapatkan pencen sebanyak \$180 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pencen terbitan pula Kerajaan berpendapat bahawa tempoh pembayaran yang dihadkan selama 12½ tahun sahaja adalah tidak memuaskan. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memutuskan supaya pencen terbitan kepada balu-baluk dibayar untuk seumur hidup tetapi kadar bayarannya bagi tempoh selepas 12½ tahun itu akan disusutkan kepada 70% daripada kadar pencen asal yang diterima. Walau bagaimanapun, bagi anak-anak kakitangan Kerajaan yang meninggal dunia, pembayaran pencen terbitan adalah dihadkan sehingga anak-anak berkenaan mencapai umur 21 tahun, kecuali:

- (a) bagi anak-anak yang cacat otak atau anggota dan tidak upaya mencari nafkahnya sendiri, pencen terbitan akan dibayar seumur hidup; dan
- (b) bagi anak-anak yang sedang melanjutkan pelajaran, pencen terbitan akan dibayar sehingga mereka menghabiskan pengajiannya tetapi tidak lebih daripada ijazah yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan pencen kepada pesara-pesara ini adalah tertakluk kepada beberapa syarat, iaitu:

- (a) oleh kerana penyelarasan pencen ini berdasarkan keperluan keadaan dalam negeri, perlaksanaannya adalah dihadkan kepada pesara-pesara yang bermastautin dalam negeri sahaja. Ini bermakna mereka yang mendapat faedah penyelarasan pencen selepas 1hb Julai, 1980 akan lucut kelayakannya sebaik sahaja mereka bermastautin di luar negeri. Walau bagaimanapun, kelayakan menerima pencen pada tarikh pesaraan atau sehari selepas kakitangan berkenaan meninggal dunia berdasarkan undang-undang yang sedia ada akan terus dikekalkan agar tidak bercanggah dengan Perkara 147, Perlembagaan Malaysia;
- (b) pembayaran pencen terbitan kepada balu untuk seumur hidup pula adalah tertakluk kepada syarat bahawa perkahwinan antara pegawai berkenaan dengan isteri yang telah menjadi balunya itu berlaku semasa pegawai berkenaan masih berkhidmat. Jika perkahwinan itu berlaku selepas tarikh persaraan dan dengan syarat pegawai berkenaan meninggal dunia dalam tempoh 12½ tahun selepas tarikh persarannya, balunya dan anak-anak berkenaan yang berumur di bawah 21 tahun akan hanya layak untuk menerima pencen terbitan bagi baki tempoh 12½ tahun tersebut sahaja dan tidak layak untuk menerima pencen seumur hidup;
- (c) seseorang balu yang bermastautin di luar negeri juga akan hilang kelayakan untuk menerima pencen selama lebih daripada 12½ tahun;
- (d) semua elaun-elaun yang dibayar secara pentadbiran kepada pesara-pesara, iaitu elaun tambahan, elaun bantuan khas dan elaun tambahan pencen 20% akan dihapuskan mulai 1hb Julai, 1980. Tetapi jika penyelarasan pencen pesara-pesara berkenaan menghasilkan jumlah yang kurang daripada jumlah pencen yang mereka terima sekarang, maka pesara-pesara berkenaan akan terus menerima pencen barunya yang tidak kurang daripada jumlah pencen yang mereka terima sekarang.

Bagi pesara-pesara yang telah bersara atas kepentingan negara dan yang telah memilih untuk menerima pencen gantian tetap (commuted pensions), syarat-syarat penyelarasannya adalah seperti berikut:

- (a) jika pencen gantian tetap itu melibatkan semua jumlah pencen yang patut diterimanya bagi tempoh 12½ tahun, pesara berkenaan tidak akan dibayar sebarang pencen sehingga genap tempoh 12½ tahun selepas tarikh persaraannya. Selepas tempoh tersebut barulah pesara berkenaan layak menerima faedah pemulihan dan penyelarasan pencen di bawah Rang Undang-undang yang dibentangkan ini;
- (b) jika pesara berkenaan telah memilih untuk menerima pencen gantian tetap (commuted pension) bersamaan dengan 50% daripada jumlah pencen untuk tempoh selama 12½ tahun, beliau akan layak menerima 50% sahaja daripada pencen penuhnya yang diselaraskan berdasarkan gaji baru mulai 1hb Julai, 1980 dan hanyalah setelah genap tempoh 12½ tahun tersebut barulah beliau layak menerima sepenuh pencen yang diselaraskan berdasarkan tanggagaji semasa.

Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan pencen berdasarkan tanggagaji semasa itu adalah bergantung kepada maklumat-maklumat mengenai gaji, tanggagaji dan jawatan akhir pesara berkenaan serta tempoh perkhidmatan yang diambil kira untuk menetapkan faedah pencen yang baru.

Baki kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah bersara dalam tahun-tahun yang silam ada kemungkinan yang Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan-jabatan tempat pesara-pesara berkhidmat dahulu tidak mempunyai rekod yang lengkap mengenai butir-butir tersebut.

Dengan ketiadaan maklumat-maklumat tersebut tidaklah ada asas bagi pihak berkuasa berkenaan menetapkan gaji semasa serta tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira untuk tujuan menyelaraskan pencennya.

Bagi mengatasi kesulitan ini, Kerajaan juga telah memutuskan supaya pada tarikh penyelarasan pesara-pesara berkenaan diberi faedah sebanyak 50% daripada pencen yang paling tinggi di bawah tanggagaji semasa yang layak diterima oleh seseorang pegawai yang

bersara dari jawatan yang sama grednya dengan gred jawatan yang disandang oleh pesara berkenaan dengan syarat pencen barunya itu tidak kurang daripada pencen yang diterimanya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua menurut Undang-undang Pencen yang ada sekarang ini, tidak semua orang-orang tanggungan pesara-pesara Kerajaan layak menerima pencen terbitan apabila pesara-pesara berkenaan meninggal dunia. Apabila kakitangan-kakitangan Kerajaan yang tertakluk di bawah tanggagaji Pra-Suffian meninggal dunia, orang-orang tanggungan iaitu balu-balu dan anak-anak kecil mereka tidak dibayar sebarang pencen terbitan.

Dengan keputusan untuk memberi pencen terbitan seumur hidup kepada balu-balu yang sedia layak menerima pencen terbitan itu maka Kerajaan telah memutuskan adalah wajar supaya mulai daripada 1hb Julai, 1980 orang-orang tanggungan pesara-pesara Pra-Suffian juga dibayar pencen terbitan atas syarat-syarat yang sama dikenakan kepada balu-balu yang lain. Keputusan ini adalah juga melibatkan isteri-isteri kakitangan Kerajaan yang telah menjadi balu sebelum 1hb Julai, 1980 dan yang masih hidup pada tarikh tersebut.

Di samping balu, Kerajaan juga telah memutuskan supaya pembayaran pencen terbitan dipanjangkan kepada duda apabila seseorang kakitangan perempuan meninggal dunia sama ada dalam perkhidmatannya ataupun selepas tarikh persaraannya dengan syarat perkahwinan pegawai perempuan berkenaan dengan suami yang menjadi duda itu berlaku semasa pegawai perempuan ini masih berkhidmat.

Untuk sama adil seperti juga dengan syarat yang dikenakan kepada balu maka pencen terbitan itu akan dihentikan jika duda berkenaan berkahwin semula. Keputusan ini adalah berdasarkan prinsip dari segi penghargaan Kerajaan ke atas khidmat yang telah diberikan oleh seseorang kakitangan itu tanpa membezakan antara lelaki atau perempuan.

Sebenarnya pengwujudan prinsip baru mengenai pencen terbitan ini akan diperuntukkan dalam Akta Pencen, 1980 melalui pindaan yang akan dibentangkan dalam Persidangan Parlimen kali ini juga. Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen ini

hanya memperuntukkan cara menyelaraskan pencen untuk duda-duda berkenaan apabila tiba masanya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam telah memainkan peranannya yang besar dalam pembangunan negara. Kita tidak dapat nafikan bahawa kemakmuran dan kesejahteraan hidup yang kita nikmati sekarang adalah sebahagian besarnya hasil kesungguhannya dan dedikasi kakitangan dan pegawai Kerajaan dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Langkah untuk menyelaraskan pencen berdasarkan tanggagaji semasa bukan hanya merupakan penghargaan ke atas jasa-jasa mereka terhadap negara tetapi yang lebih pentingnya ialah bahawa jaminan hidup yang bertambah itu hendaklah merupakan perangsang kepada semua kakitangan Kerajaan yang masih berkhidmat supaya mereka melipatgandakan usaha masing-masing sama ada di bidang pembangunan ataupun khidmat awam kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penyelarasan pencen dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun dan tempatan dan tanggungan-tanggungan mereka dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Saya jemput Yang Berhormat dari Setapak.

6.15 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil kesempatan untuk menyokong Akta meminda Akta Pencen, 1980 dan dalam pada itu sukacitalah saya hendak mengemukakan beberapa perkara demi untuk kepentingan negara bagi pihak Kerajaan kita sendiri.

Dengan adanya skim kenaikan gaji, dengan adanya skim meminda Akta Pencen sama ada kita sedar atau tidak telah membawa satu

pembaharuan pemikiran di kalangan rakyat jelata terutama sekali orang-orang yang makan gaji sama ada di pihak swasta maupun di pihak Kerajaan. Tetapi yang lebih berkesan daripada perubahan-perubahan ini berlaku di kalangan pekerja-pekerja dengan pihak swasta.

Pada satu ketika, Tuan Yang di-Pertua, sebelum adanya perubahan-perubahan kenaikan gaji ini ukuran-ukuran bayaran oleh Kerajaan tidak pernah dibincangkan dan menjadi panduan kepada mana-mana pihak. Tetapi pada hari ini ukuran bayaran daripada pihak Kerajaan, kenaikan gaji ini menjadi panduan-panduan kepada pekerja-pekerja untuk meminta kenaikan gaji dengan pihak majikan-majikannya daripada pihak swasta.

Dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah juga saya mencadangkan pihak Kerajaan menarik perhatian ataupun memberikan pandangan kepada badan-badan swasta terutama sekali syarikat-syarikat yang berbentuk multi-national supaya mereka patuh ataupun menjadikan apa yang telah dicadangkan oleh Kerajaan ini akan semakan gaji ini sebagai panduan.

Pada hari ini sama ada pihak Kerajaan sedar ataupun tidak ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita menyeru kepada pihak swasta mengambil tingkatan gaji yang disarankan oleh Kerajaan ini sebagai panduan telah dimomok-momokkan oleh pihak-pihak swasta ini dan ada ramai di antara mereka yang mengecam Kerajaan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini Kerajaan telah banyak menderita terutama sekali kehilangan kakitangan yang berpengalaman dan terlatih kerana dicuri dan ditarik oleh pihak swasta dengan tawaran-tawaran gaji yang tinggi. Jadi dengan adanya skim gaji yang baru ini dan dengan adanya penyalarsan pencen yang memberi harapan pada masa hadapan, Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur ramailah sudah pihak pegawai Kerajaan yang pada satu ketika berangan-angan hendak pindah kerja lain, terutama pada pihak swasta tetapi sekarang ini saya percaya sudah berkurangan.

Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya menduduki dalam satu jawatankuasa temuduga dalam sebuah agensi

Kerajaan, hendak memilih seorang jurukira, saya terperanjat pada satu ketika dahulu hendak memilih seorang jurukira cukup susah hendak mencari calon, tetapi pada temuduga baru-baru ini jawatan kosong 30 orang datang dan daripada 30 orang itu 25 orang calon itu datangnya daripada pekerja-pekerja yang mempunyai pengalaman di beberapa buah bank dan syarikat-syarikat yang besar. Inilah satu perkara yang saya perhatikan tujuan Kerajaan saya percaya mengadakan perubahan tingkatan gaji ini ialah semata-mata bertujuan hendak meningkatkan prestasi pentadbiran Kerajaan kita. Dalam pada itu juga kita mempunyai harapan supaya segala apa yang hendak kita sarankan itu mendapat kerjasama daripada semua pihak untuk pembangunan. Oleh sebab itulah sekali lagi saya minta kepada pihak Kerajaan kita iaitu sementara kita mengkaji badan-badan pihak Kerajaan ataupun perkhidmatan awam dan sebagainya maka eloklah diberikan perhatian kepada swasta-swasta yang besar yang mempunyai pekerja yang ramai untuk mengelakkan supaya tidak berlaku industrial strife ataupun perselisihan antara pekerja dengan majikan, kerana ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya boleh merugikan negara.

Inilah harapan saya kepada pihak kerajaan dan dengan ini saya mengucapkan tahniah dan memberi sokongan kuat di atas Akta Penyelarasan Pencen 1980 ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita lihat pada hari ini tiap-tiap hari keluar dalam suratkhbar masalah ramai anak-anak yatim dan sebagainya yang tidak mendapat pembelaan dan dengan adanya pindaan ini masalah seperti itu dapatlah diringankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

6.24 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mengemukakan satu Rang Undang-undang yang baru ini iaitu Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen, 1980 yang sedang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Dengan pembentangan Rang Undang-undang ini jelas menunjukkan sikap Kerajaan pada hari ini yang sentiasa memberikan

perhatian yang berat terhadap kemudahan, bukan sahaja kepada kakitangan Kerajaan di dalam perkhidmatan awam, tetapi juga kepada mereka yang telah pernah memberikan sumbangan dan jasa di dalam perkhidmatan Kerajaan pada masa yang lampau. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini kelak maka ini akan memberikan kemudahan yang lebih baik kepada pesara-pesara khususnya mereka yang telah memberikan perkhidmatan dalam perkhidmatan Kerajaan kerana dengan cara ini sekurang-kurangnya dengan pertambahan dan penyelarasan pencen yang diberikan ini, maka pesara-pesara yang selama ini tidak dapat pembayaran yang secukupnya dengan sebab keadaan kos hidup yang bertambah akan merasa lebih lega dan lebih senang. Bukan setakat itu sahaja tetapi juga dengan pindaan ini yang memperuntukkan kemudahan-kemudahan yang lebih kepada tanggungan-tanggungan dan juga perlanjutan bayaran pencen selepas 12½ tahun dengan bayaran sebanyak 70% di atas penilaian pencen yang dibayar pada ketika itu akan juga memberikan satu jaminan hidup, bukan sahaja kepada pesara-pesara, tetapi juga kepada tanggungan-tanggungan mereka. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang sentiasa mengambil perhatian yang berat kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah memberi perkhidmatan pada masa-masa yang lalu.

Sebagaimana juga pandangan rakan saya dari Setapak tadi dengan Rang Undang-undang yang baru yang penyelarasan pencen yang diberikan ini, maka perkhidmatan Kerajaan akan lebih menarik lagi dan sekarang inipun dengan gaji baru yang akan diberikan kepada kakitangan Kerajaan ini telahpun menjadi contoh yang baik yang patut diambil oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sektor swasta sebagaimana yang kita ketahui tidak banyak syarikat-syarikat yang besar yang memberikan kemudahan-kemudahan sara hidup kepada mereka yang pernah berkhidmat dalam syarikat-syarikat tersebut. Saya ketahui ada sebilangan kecil sahaja syarikat-syarikat sektor swasta yang telahpun mengadakan kemudahan pencen bagi kakitangan-kakitangan mereka yang telah memberikan perkhidmatan di dalam syarikat tersebut sekurang-kurangnya di dalam tempoh 15 tahun ataupun lebih.

Contoh yang telah diberikan oleh Kerajaan dengan menambahkan kadar bayaran pencen dan juga dengan undang-undang baru ini haruslah menjadi contoh yang perlu ditauladani oleh pihak swasta dan kita menggesa kepada syarikat-syarikat yang besar yang telahpun mendapat keuntungan yang lumayan hasil daripada perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan mereka supaya mencontohi dan mengikuti jejak langkah Kerajaan untuk mengadakan di dalam syarat-syarat dan kemudahan pekerjaan peruntukan bagi pembayaran pencen ini. Walaupun ini tidak terletak di bawah potfolio Kementerian, tetapi saya percaya di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat perhatian ini bolehlah diberikan khususnya bagi sektor-sektor swasta.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang ada diamalkan di negara-negara maju ialah untuk memberikan kemudahan kepada pesara-pesara sama ada mereka itu berkhidmat di dalam Kerajaan ataupun di dalam sektor swasta. Di negara-negara yang telah membangun dan juga yang telah maju mereka ataupun pesara-pesara itu sekiranya mereka menggunakan kemudahan perkhidmatan Kerajaan seumpama pengangkutan udara, bas, keretapi dan sebagainya diberikan kadar bayaran yang istimewa, umpamanya, separuh bayaran bagi tambang menaiki bas, keretapi dan sebagainya. Cara ini saya percaya patutlah diberikan perhatian oleh Kerajaan sekiranya kemudahan itu tidak disediakan supaya mereka yang telah bersara itu dapat menggunakan masa pesaraan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya dan juga dapat mengambil kesempatan daripada kemudahan yang disediakan itu dengan cara bayaran perkhidmatan yang dikurangkan (subsidi) kerana mengingati jasa-jasa yang telah mereka berikan di dalam perkhidmatan Kerajaan.

Yang keduanya, bagi perlanjutan di atas bayaran pencen 70% selepas daripada 12½ tahun pesara-pesara itu bersara daripada jawatan Kerajaan ini juga adalah satu perkara yang amat baik dan patut dilaksanakan. Sebagaimana yang kita ketahui kebanyakan daripada pesara-pesara itu mempunyai tanggungan yang besar dan kalau mengikut perkiraan cara bayaran yang dibuat sekarang selepas tamat tempoh 12½ tahun pencen itu dibayar mereka ini tidak lagi berhak mendapat apa-apa bayaran pun. Jadi dengan

pelaksanaan Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen 1980 ini kita akan dapat melihat bahawa tanggungan-tanggungan pesara-pesara yang ada akan dapat diberikan pembelaan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, suatu lagi peruntukan yang telahpun diberikan di dalam Rang Undang-undang ini ialah tentang pembayaran pencen terendah. Di dalamnya telahpun diperuntukkan di mana seseorang yang telahpun memberikan perkhidmatan yang tidak kurang daripada 25 tahun di dalam perkhidmatan Kerajaan di dalam jawatan yang terendah akan dapat bayaran pencen \$180 sebulan. Saya percaya kadar ini adalah kadar yang berpatutan memandangkan keadaan kos hidup yang ada pada hari ini, tetapi walaupun begitu saya percaya satu dasar yang lebih flexible perlulah diadakan, bukan setakat untuk mengambil kesempatan dengan penyelarasan ataupun kenaikan gaji baru kakitangan Kerajaan, tetapi mengikut perkiraan kenaikan kos harga barangan ataupun

taraf hidup (price index) sebab kalau kita kira kadar kenaikan taraf hidup itu semakin lama semakin meningkat. Kalau kita hendak kira dari segi kenaikan gaji bolehlah dikatakan di suatu tempat khususnya di dalam bidang barang-barang makanan dan sebagainya kenaikannya berlipatkali ganda.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada banyak perkara hendak sambung lagi!

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada, boleh sambung esok. Perbahasan atas Rang Undang-undang ini akan terus disambung pada hari esok. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.